



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 341]

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong [Ruangan 414]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 434]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).

.. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOKAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).

.. TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).

.. Lt. Kol. (B) ABDULHAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).

.. TUAN HAJI ABDULHAMIDBIN HAJI LATIF (Dilantik).

.. TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

.. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).

.. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).

.. TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).

.. TUAN AHMADBIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).

.. DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak).

.. TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).

.. DATOS. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik).

.. PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDULGHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).

.. PUAN HAKSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).

.. PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* Hasanah Fatimah binti HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

.. TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

.. TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

.. TIHAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAKBIN ABDULRAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „, TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „, DATOKAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan).
- „, TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „, DATOKHOO KAYPOR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „, TUAN KUAN PENG SOON *alias* Kuan Peng Ching (Perak).
- „, DATOK. K.UMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „, TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „, CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „, DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „, TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „, DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „, TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „, TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „, TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „, TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „, TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K., (Melaka).
- „, PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „, TUAN NG AH POI P.P.N., J.P. (Melaka).
- „, TUAN M.G. PANDITHAN (Selangor).
- „, TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „, DATOG. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.U., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „, PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD, (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N., (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusoi

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 17hb April, 1985**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KEMUDAHAN SUKAN UNTUK  
BELIA**

1. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau bersetuju supaya mendirikan lebih banyak dewan-dewan daripada pusat-pusat pemulihan dadah, di mana beliau kita dapat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, terutama sekali aktiviti sukan dengan cara teratur dan sihat, memandangkan tempat sedemikian amat kurang di negara kita dan Dewan Tapian Gelanggang yang ada sekarang tidak mencukupi bagi maksud di atas.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa sedar akan keperluan banyak lagi kemudahan-kemudahan sukan di mana beliau dapat menjalankan aktiviti sukan dengan cara teratur, sihat dan berkelompok. Oleh yang demikian - pihak Kementerian telah merancang untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut di dalam Rancangan Malaysia

Yang Keempat lagi yang mana telah pun diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Walau bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan kemelesetan ekonomi pada masa sekarang yang juga telah menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita, maka pembinaan kemudahan-kemudahan sukan tersebut seperti kemudahan-kemudahan sukan di bandar-bandar kecil tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancangan. Insya Allah, apabila keadaan ekonomi kita akan pulih semula kita akan berbuat demikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

**PUSAT LATIHAN BELIA  
DI LABUAN**

2. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian berkenaan bercadang untuk mengadakan Pusat Latihan Belia di Wilayah Persekutuan Labuan yang serupa seperti Pusat Latihan Belia di Pertak Dusun Tua.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu ini pihak Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan belum lagi mempunyai cadangan untuk mengadakan sebuah Pusat Latihan Belia di Wilayah Persekutuan Labuan.

#### PENGARAH PELAJARAN DAERAH

**3. Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Pejabat Pelajaran Daerah yang telah didirikan dan juga nyatakan bilangan Pengarah Pelajaran Daerah mengikut kaum.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pejabat Pelajaran Daerah ialah sebanyak 57 buah. Pengarah Pelajaran Daerah mengikut kaum ialah 53 orang Melayu, 3 orang China dan 1 orang India.

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di antara negeri-negeri dalam negara Malaysia ini adakah atau tidak negeri yang tidak ada Pejabat Pelajaran Daerah, jika tidak apakah perancangan untuk melaksanakannya?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada Negeri Perlis. Oleh kerana negeri itu kecil, belum ada lagi Pejabat Pelajaran Daerah. Namun demikian kita sentiasa mengkaji sama ada diperlukan untuk mengadakan Pejabat Pelajaran Daerah atau tidak. Jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri ada di sini, kita memang sentiasa bekerjasama (*Ketawa*).

**Tuan Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya adakah Negeri Melaka telah wujud Pejabat Pelajaran Daerah. Apa yang saya difahamkan ialah di Melaka belum wujud lagi, sila dapat jelaskan sebab tidak dapat diadakan dan bila perancangan untuk diadakan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar itu tetapi kita sedang meneliti perkara ini dengan serius dan kalau didapati kita memerlukan, kita akan wujudkan.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah dasar Kementerian bahawa negeri yang kecil itu tidak perlu diadakan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak katakan tidak perlu. Setakat ini walaupun kecil kerjanya ada, dan kita perlu menjalankan kerja. Namun demikian setakat menyedari bahawa dengan Jabatan Pelajaran Negeri yang ada kita boleh menguruskan apa yang diperlukan. Namun demikian kalau tekanan kerja-kerja nanti memerlukan sangat, kita akan bercadang ataupun bersedia menimbangkan mengadakan pejabat daerah di sana.

#### WAKTU REHAT/MAKAN TENGAHARI DI JABATAN KERAJAAN

**4. Dato' Kamaruzzaman bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji supaya semua perkhidmatan di pejabat-pejabat dan jabatan-jabatan Kerajaan akan diteruskan tanpa waktu-waktu rehat dan waktu makan tengahari seperti perkhidmatan di bank-bank dan pejabat pos di mana kakitangan berehat secara bergilir-gilir untuk memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada orang ramai; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi pihak Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melakukan perubahan kepada waktu kerja pegawai-pegawai awam seperti yang dicadangkan. Waktu rehat dan makan tengahari yang diperuntukkan sekarang adalah dirasakan sesuai dan praktikal dengan keperluan masyarakat kita pada hari ini.

Ini tidaklah bererti bahawa Kerajaan tidak berhajat membuat perubahan-perubahan yang perlu mengikut kehendak rakyat. Pada masa sekarang terdapat pejabat-pejabat Kerajaan yang terlibat dalam sistem perkhidmatan bil setempat dan perkhidmatan setempat seperti Pejabat Kastam, Imigresen dan lain-lain jabatan yang memberi perkhidmatan di waktu rehat dan makan tengahari.

Sementara itu di pusat-pusat kemasukan seperti di Lapangan terbang Antarabangsa, pelabuhan-pelabuhan utama negara dan pejabat-pejabat di sempadan negara memberi perkhidmatan mereka berterusan 24 jam. Jabatan yang terlibat ialah Jabatan Kastam dan Imigresen.

Dalam usahanya untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada masyarakat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan membuat pengesanan dalam usaha mengadakan lebih banyak perkhidmatan dan waktu rehat dan makan tengahari oleh lain-lain Jabatan Kerajaan yang sesuai di masa-masa yang akan datang.

## GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

**5. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana keberkesanan peranan guru-kaunselor dalam membentuk moral murid-murid sekolah, terutama dalam hubungan

kekeluargaan, kemasyarakatan dan semangat cintakan negara dan nyatakan peranan mereka bagi menjauhkan dan menaruh perasaan benci terhadap tabiat-tabiat buruk seperti menghisap rokok, minum arak dan lebih-lebih lagi penagihan dadah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, guru bimbingan dan kaunseling mempunyai peranan yang penting dalam usaha membentuk moral murid-murid sekolah. Melalui program khidmat bimbingan dan kaunseling secara tidak langsung ia memupuk hubungan kekeluargaan, kemasyarakatan dan semangat cintakan negara.

Di samping itu, ia juga berusaha menanam dan memupuk nilai-nilai mulia dengan tujuan menjauhkan tabiat-tabiat yang negatif dan destruktif seperti merokok, meminum arak dan penagihan dadah.

Di bawah khidmat bimbingan, murid-murid didedahkan kepada ceramah-ceramah, lawatan-lawatan ke tempat berfaedah, pameran-pameran pendidikan, kerjaya dan dadah, pertandingan-pertandingan menyangar esei dan melukis poster anti-dadah. Manakala dalam khidmat kaunseling, murid-murid diajak berbincang, berunding dengan guru bimbingan dan kaunseling bagi mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada pihak Timbalan Menteri berapakah ratio di antara guru kaunseling diawasi dibandingkan dengan penuntut-penuntut yang ada dan setakat ini adakah ratio ini memuaskan ataupun dekat untuk mencapai keadaan yang ideal bagi seorang guru kaunseling dan jumlah penuntut yang diawasi?



**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada angka yang tepat mengenai ratio. Walau bagaimanapun, kita sentiasa mengkaji dan mengharapkan dapat melahirkan guru-guru kaunseling yang mempunyai ratio guru kaunseling dan murid-murid yang banyak supaya dapat kekesanan daripada tugas guru kaunseling ini yang membawa kesan yang baik terhadap pembangunan pelajar-pelajar terutamanya dalam semua aspek.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan bahawa secara mana Kementerian mengesan guru kaunseling ini memberi didikan dan juga pembimbingan kepada anak-anak murid supaya maju atau meningkat prestasi kaunseling di sekolah-sekolah?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah subjektif yang berasaskan kepada penilaian sama ada pihak sekolah, pihak Kementerian dan sebagainya telah berjaya. Namun demikian kita ada Bahagian iaitu terutama sekali Bahagian Kaunseling di tiap-tiap Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Daerah untuk mengekori akan aktiviti Guru Kaunseling itu dan di pihak sekolah pun kita memberi kuasa kepada Guru Besar untuk sama-sama mengawasi akan aktiviti pelajar-pelajar itu dan juga aktiviti-aktiviti guru-guru itu sama ada kekesanannya ada atau tidak.

Dari segi spesifik dan objektifnya adalah susah untuk mengesan akan kekesanan aktiviti ini. Namun demikian kita sentiasa menghala, menuju ke arah keobjektifan yang setinggi-tingginya kalau dapat.

## LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA—KAWALAN

**6. Puan Hajjah Hasanah binti Haji Mohd. Kassim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ada mengarahkan supaya tiap-tiap pembawa masuk beras dari negeri Kelantan ke Terengganu diperiksa oleh UPP dan sekiranya didapati ada beras, beras tersebut dirampas, sedangkan tiap-tiap seorang membawa hanya antara 3-4 gantang sahaja; dan nyatakan pula kepada siapa beras yang dirampas itu diserahkan dan menjadi hak milik siapa pula; dan
- (b) sebab-sebab mengapa kadangkala beras itu dirampas dan ada kalanya tidak dirampas.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, pemindahan beras dari satu negeri ke satu negeri yang lain dalam Malaysia Barat memerlukan kebenaran bertulis, permit terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Berkuasa yang ditetapkan olehnya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 2, Peraturan-peraturan Lembaga Padi dan Beras Negara (Sekatan Pemindahan Antara Negeri), 1973 (PUA. 245/1973).

Memindahkan beras tidak lebih daripada 6 kg atau 10 kati dari satu negeri ke satu negeri yang lain tidak memerlukan kebenaran bertulis. Peraturan ini termasuk juga pemindahan beras dari negeri Kelantan ke dalam negeri Terengganu.

Bahagian Penguatkuasa Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) termasuk juga Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Cawangan Kelantan/Terengganu telah diarah untuk membuat pemeriksaan di sepanjang jalan raya Kelantan ke Terengganu dan juga semasa membuat sekatan jalan raya di beberapa tempat di Jalan Raya Kota Bharu-Kuala Terengganu untuk menentukan beras-beras yang dibawa mempunyai kebenaran bertulis.

LPN hanya merampas beras-beras yang dibawa tanpa kebenaran bertulis sahaja. Jika beras-beras yang dirampas mempunyai tuan, tuduhan akan dibuat di bawah Peraturan 2, Peraturan-peraturan Lembaga Padi dan Beras Negara (sekatan Permindahan Antara Negeri), 1973 dan sekiranya beras-beras tersebut tidak mempunyai tuan seperti beras-beras yang dirampas di dalam bas, beras-beras tersebut akan dirampas dan dijual melalui tawaran selepas mendapat arahan mahkamah. Bagi beras-beras yang dibawa kurang dari 6 kg. atau 10 kati dan mempunyai tuan, beras tersebut tidak dirampas.

**Puan Hajjah Hasanah binti Mohd. Kassim:** Soalan tambahan. Kita dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sekiranya ada surat kebenaran boleh bawa beras melebihi daripada 10 kati tetapi yang menjadi kehairanan ada kalanya dalam satu minggu yang lepas ditahan pemindahan beras dirampas, kemudian minggu yang kedua dalam keadaan yang sama kenderaan itu juga tetapi tidak dirampas sedangkan surat kebenaran pun tidak ada. Inilah yang menjadi anih kepada sesiapa yang pergi ulang alik ke sana, mungkin ada satu mainan, saya minta penjelasan daripada pihak berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Mohd. Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil tindakan mengikut peraturan, tetapi kalau sekiranya ada maklumat seperti itu kita boleh membuat siasatan dan mengambil tindakan.

**Puan Hajjah Hasanah binti Mohd. Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Timbalan Menteri yang berkenaan berkata beras yang dirampas itu dijual. Kemudian kewangan yang didapati itu ke mana dimasukkan, ke dalam LPN ataupun ke dalam Kementerian Perusahaan Utama ataupun ke mana?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Mohd. Taha:** Tuan Yang di-Pertua, dimasukkan kepada hasil Kerajaan.

#### GURU TINGKATAN KANAN— PENGESAHAN JAWATAN

**7. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah berlakunya kelewatan dalam mengesahkan jawatan bagi pengurusan, misalnya ada guru yang memangku jawatan tingkatan kanan selama 10 tahun masih belum disahkan jawatan tingkatan kanannya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, pengesahan jawatan adalah tertakluk kepada kecekapan, kebolehan dan merit mereka yang ditunjukkan semasa memangku sesuatu jawatan. Di samping itu perakuan yang dikemukakan oleh Ketua-ketua Jabatan juga diambilkira untuk mengesahkan jawatan seseorang pegawai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod di Kementerian saya, tiada seorang guru pun yang diarah memangku jawatan tingkatan kanan selama 10 tahun dan masih belum disahkan dalam jawatan tersebut.

**PEPERANGAN IRAN-IRAQ—  
PERANAN MALAYSIA**

**8. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan tindakan Kerajaan Malaysia terhadap negara Iran dan Iraq yang kedua-duanya menjadi negara sahabat kepada Malaysia.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merasa dukacita dengan peningkatan peperangan antara dua buah negara Islam di Asia Barat iaitu Iran dan Iraq. Peperangan ini telah membawakan penderitaan kepada rakyat kedua-dua buah negara itu.

Sebagai sebuah negara Islam dan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan negara yang cintakan keamanan, Malaysia menyeru kepada saudara-saudara seagama di Iran dan Iraq supaya memberhentikan peperangan yang membazir ini dan menerima perundingan damai secara langsung atau tidak langsung.

Malaysia sangatlah memandang berat di atas pertikaian antara kedua-dua negara Islam yang berjiran ini yang telah berlangsung sernenjak hampir lima tahun lamanya. Keadaan ini sangat merugikan bukan sahaja negara-negara berkenaan bahkan juga umat Islam seluruhnya. Keadaan ini juga telah melibatkan perpecahan di kalangan negara-negara dan umat Islam.

Dalam rangka ini, Malaysia telah menerima perlantikan ke Jawatankuasa Damai Islam OIC untuk mencari penyelesaian secara damai. Kita telah dan akan memberi sumbangan yang sewajarnya dan usaha-usaha selanjutnya sedang dilaksanakan oleh Pengerusi Jawatankuasa ini.

Berasaskan kepada peranan kita ini, kita tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam pertikaian ini dan sebaliknya kita juga hendaklah mengekalkan hubungan yang baik dengan kedua-dua negara. Dengan mengikuti dasar ini sahajalah kita dapat meneruskan usaha-usaha kita sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam untuk mencapai satu penyelesaian damai.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat manakah berkesannya Pertubuhan Persidangan Islam dalam memperbaiki ataupun menyelesaikan masalah peperangan Iran-Iraq.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Dukacitalah, saya rasa kita tidak dapat kejayaan langsung dalam hal ini oleh sebab banyak prerequisite ataupun syarat-syarat yang telah pun dibuat oleh kedua buah negara ini. Kalau kita lihatkan di dalam dua, tiga hari yang sudah, bahkan usaha-usaha Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Encik Perez de Cuellar, telah pun membuat lawatan kepada negara ini dan dukacitalah, saya rasa, negara ini tidak menerima tawaran untuk menyelesaikan. Saya rasa hanya kita kena sembahyang hajat banyak-banyak dan berdoa moga-moga mereka menyedari iaitu keadaan ini semata-mata merugikan negara itu dan juga membazirkan bukan sahaja wang, tetapi nyawa-nyawa saudara Islam kita. Bahkan peluru berpandu pun meletup di setengah-setengah negara itu dan pembinasaan dan pemusnahan bangunan dan nyawa manusia berlaku boleh dikata sering ataupun tiap-tiap hari. Berdoalah kita.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, adalah Kerajaan kita mendapati di dalam kancah peperangan Iran-Iraq ini ada kuasa-kuasa besar yang menjadi batu

api. Sekiranya perkara ini betul, adakah pihak Malaysia sendiri telah berikhtiar ataupun menyuarakan di Bangsa-bangsa Bersatu kerana di Bangsa-bangsa Bersatulah perkara ini layak diketengahkan. Adakah Kerajaan kita telah buat begitu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun bersama-sama dengan rakan-rakan kita di Bangsa-bangsa Bersatu dan juga forum antarabangsa seperti Non-aligned dan juga Commonwealth dan juga di OIC menyuarakan cara mana kita dapat mengatasinya. Memanglah saya rasa di dalam pertikaian semacam ini, kuasa besar sentiasa tunggu di belakang pintu sahaja untuk mengambil peluang memberikan batu api seperti perkataan, istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, begitulah rasa dukacita kita oleh sebab kemungkinan setengah kuasa besar ini akan mengambil peluang menjadi batu api terhadap keadaan ini supaya mereka dapat berkuasa. Dan kita telah pun lihat keadaan ini sedang berlaku tetapi tidak begitu kita boleh buktikan dengan terang.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji**

**Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya demikian keadaannya dan sehingga usaha Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu juga tidak mencapai kepada matlamatnya, jadi apakah syor-syor atau cadangan yang akan dibuat oleh Malaysia di dalam Jawatankuasa Damai. Bolehkah Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan cadangan-cadangan baru ataupun syor-syor Malaysia yang dikemukakan di dalam Jawatankuasa Damai yang dibentuk itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen**

**AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, tatkala meletupnya peperangan Iran-Iraq dahulu pun, masa itu, saya jadi Menteri Luar juga. Dan dalam setahun ini pun, apabila saya tidak jadi

Menteri Luar, saya harap perkara ini akan selesai. Tetapi setahun dahulu, sekarang saya jadi balik Menteri Luar, perkara ini pun berlaku juga. Jadi, saya rasa kalau tidak salah saya, dalam masa 24 jam apabila saya dilantik semula sebagai Menteri Luar dahulu, saya diarahkan oleh Perdana Menteri untuk mewakili beliau dalam persidangan IPC ini.

Beberapa pandangan telah pun dibuat supaya keadaan ini tidaklah boleh cara beramai-ramai berbincang. Dan telah pun Malaysia menyuarakan iaitu dalam keadaan ini hanya barangkali four-eyed meeting, dengan izin, perlu diadakan supaya pendirian tiap-tiap satu negara iaitu Iran-Iraq ini boleh diberikan terus-terang kepada tidaklah sepenuhnya Ahli-ahli Jawatankuasa IPC (Islamic Peace Commission) ini tetapi mungkin Pengerusi sekarang ini, Pengerusi dahulu telah pun meninggal dunia iaitu Ahmad Sekoutoure, sekarang ini digantikan oleh Presiden Sir Dawda Jaore yang menjadi Pengerusi baru.

Saya sendiri telah pun memberi pandangan, beliau patut seorang diri ataupun dengan Menteri Luarnya pergi berjumpa dengan pemimpin-pemimpin di Iran-Iraq untuk membincangkan cara empat mata sahaja, dengan tidak beramai-ramai kerana pada masa dahulu yang saya bersama saksi ialah kadangkala dengan 50 orang berjumpa. Macam mana kita hendak selesaikan. Cara yang baik adalah saya rasa untuk mereka ini, negara Iran-Iraq ini menerima pemimpin iaitu Pengerusi IPC ini cara perundingan terang-terangan hati-ke-hati supaya dapat menjelaskan pendirian yang sebenarnya. Cara manakah kita dapat penyelesaian. Itulah pandangan saya yang saya buat setahun dahulu apabila saya menghadiri Persidangan ataupun Committee IPC.

### KOMODITI—MAKANAN YANG DIIMPORT

**9. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada tahun 1981, Malaysia mengimport bahan makanan bernilai \$3 billion; buah-buahan dan sayur-sayuran (\$406 juta), daging dan binatang hidup untuk makanan (\$187 juta), susu dan bahan-bahan berkaitan dengannya (\$358 juta), ikan (\$166 juta), beras (\$298 juta), gandum (\$240 juta), biji-bijian lain (\$420 juta) dan gula (\$512 juta) dan pada tahun 1984 anggaran nilai import bahan makanan ialah \$3.4 billion; jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menuju ke arah berdikari dari segi bekalan makanan dan menguatkan sektor domestik Malaysia; dan nyatakan perancangan dan strategi Kerajaan dari segi penyelidikan dan inovasi, pengembangan, pertumbuhan dan pembangunan sektor pengeluaran makanan supaya dapat mencapai tujuan-tujuan di atas.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa negara kita masih mengimport komoditi-komoditi makanan. Pada tahun 1983, nilai import ialah sebanyak \$2,972 juta. Kita juga mengeksport sebanyak \$1,303 juta. Ini menjadikan kita mengimport secara bersih sebanyak \$1,669 juta.

Kerajaan memang tidak berpuas hati dengan keadaan ini dan oleh yang demikian langkah-langkah berikut sedang diambil untuk mengatasi keadaan ini:

- (1) mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai, terutama kawasan-kawasan tanah tinggi untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport dengan banyaknya seperti buah-buahan dan sayur-sayuran temperate;

- (2) mengenalpasti kawasan-kawasan pengairan yang boleh digunakan untuk ternakan ikan, udang dan sebagainya;
- (3) menggalakkan ternakan lembu melalui sistem feed-lotting;
- (4) memberi insentif-insentif pelaburan untuk menggalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam pengeluaran hasil-hasil tanaman untuk makanan. Antara insentif-insentif yang sedang ditimbangkan ialah kredit cukai pelaburan (investment tax credit) elaun estet (plantation allowance) dan pembayaran eksport (export refinancing); dan
- (5) menubuhkan urusetia pelaburan dan penswastaan di Kementerian Pertanian. Unit ini ditubuhkan untuk memberi khidmat perantaraan Kerajaan dengan sektor swasta sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran makanan negara.

**Tuan Abdul Ghani Wn Othman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang soal penyelidikan dan inovasi. Saya ingin bertanya, apakah penemuan dan inovasi-innovasi yang penting yang boleh diketengahkan hasil daripada usaha dari pihak MARDI ataupun Universiti Pertanian ataupun universiti yang lain supaya dibawa ke tengah untuk diusahakan sama ada dalam bidang sayur-sayuran ataupun dalam bidang ternakan ataupun dalam bidang buah-buahan. Terima kasih.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan sektor swasta menggunakan dengan sepenuhnya hasil-hasil penyelidikan yang

dijalankan baik oleh MARDI mahupun oleh institusi-institusi pelajaran tinggi.

#### LESEN KERETA—MENURUNKAN BAYARAN

**10. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang akan menurunkan bayaran Lesen Kereta pada masa akan datang memandangkan Kerajaan akan lebih banyak mengadakan cukai tol jalan di mana sahaja jalan raya yang perlu diadakan bagi mengurangkan beban Kerajaan membina dan membaiki jalan-jalan raya yang rosak.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan bayaran Cukai Jalan ke atas kenderaan-kenderaan bermotor semala-mata atas alasan adanya sumber hasil dari kutipan lol. Ini memandangkan Cukai Jalan adalah merupakan satu daripada sumber-sumber hasil Kerajaan yang penting. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji kadar-kadar ini dan perubahan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

**Dato' G. Pasamanickam:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan tol ini memandangkan jalan raya baharu dibina di seluruh negara yang mana melibatkan sedikit sebanyak setiap pengguna kenderaan menggunakan sama ada tinggal di selatan, utara atau seluruh Malaysia mana-mana jalan baharu memang kena tol. Sekarang orang cakap bukan "Samy Vellu" tetapi orang panggil "Samy Tol" (*Ketawa*). Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan menghapuskan sistem tol ini di seluruh negara dan menggantikan dengan membaiki lagi kadar Cukai Jalan atau lesen memandu. Ini akan mengurangkan bukan sahaja kesulitan

dan kesesakan yang disebabkan Tol Plaza tetapi juga melicinkan bayaran dari orang ramai untuk mengongkosi jalan-jalan raya baru. Kementerian Kewangan atau Kementerian Pengangkutan bokehlah mengutip pembayaran ini bagi pihak Kementerian Kerjaraya, kemudiannya membahagikan antara Kementerian Kerjaraya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan cadangan ini.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh (*Ketawa*).

#### HELIKOPTER KELUARAN SOVIET—PEMBELIAN

**11. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan tujuan dan hasil yang diperolehi oleh Penglima Tentera Udara di dalam lawatan beliau ke Moscow baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan Panglima Tentera Udara ke Moscow baru-baru ini adalah untuk melihat sambil mengkaji jenis-jenis helikopter jenis berat yang boleh digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

Hasil dari lawatan tersebut beberapa jenis helikopter telah dikenatpasti dan sesuai untuk kegunaan TUDM. Walau bagaimanapun, Kerajaan kita masih lagi belum membuat sebarang keputusan resmi tentang pembelian helikopter dari negara tersebut. Kajian lanjut akan dibuat terhadap pesawat-pesawat keluaran Soviet ini apabila butir-butir lanjut mengenainya diterima.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan

Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada lawatan tersebut boleh kita anggap sebagai satu amaran kepada negara-negara lain bahawa negara kita ini ada kemampuan untuk membeli alat-alat dan barang-barang pertahanan untuk negara kita sendiri dengan tidak menimbang atau mengambil kira sama ada barang-barang yang dibeli itu ialah daripada negeri-negeri komunis atau sebaliknya.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, dasar pembelian peralatan dan kelengkapan angkatan tentera termasuk pembelian pesawat seperti helikopter ialah Kerajaan tidak terikat dengan mana-mana negara tertentu. Satu-satu pembelian dibuat adalah berdasarkan kepada beberapa faktor yang tertentu seperti keperluan semasa, kesesuaian harga, jaminan bekalan, polisi negara pembekal dan juga dari segi kemampuan negara. Sekiranya dapat memenuhi faktor-faktor tersebut persoalan sama ada dari negara mana peralatan atau kelengkapan itu diperolehi adalah tidak timbul.

#### STESEN MINYAK PETRONAS

**12. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak stesen minyak Petronas yang terdapat di seluruh negara; dan
- (b) dalam negeri manakah yang banyak sekali terdapat stesen minyak Petronas.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15 April 1985 Petronas telah mendirikan sebanyak 103 buah stesyen minyak dan 15 buah stesyen skid di seluruh negara. Negeri yang terbanyak sekali mempunyai

stesyen minyak Petronas ialah Negeri Selangor iaitu sebanyak 14 buah stesyen minyak dan sebuah stesyen skid.

#### PADI IR42

**13. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengekalkan benih padi IR42 untuk tanaman sepanjang tahun kerana benih tersebut memberikan penghasilan yang lumayan kepada petani di masa yang lalu dan tahan daripada serangan penyakit merah; jika ya, nyatakan semua rancangan Kerajaan di dalam usaha ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, penanaman padi jenis IR42 hanya digalakkan ditanam di kawasan yang dijangkiti dengan virus penyakit merah sahaja. Ini adalah kerana padi jenis IR42 tahan daripada serangan penyakit merah. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan menggalakkan petani-petani menanam padi jenis IR42 secara meluas disebabkan sifat yang kurang baik terutama sekali kehancuran beras yang tinggi dan mutu nasi yang kurang baik.

**Tuan K. Kumaran:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menyatakan selain daripada benih padi IR42, adakah terdapat benih-benih yang lain yang menghasilkan hasil padi yang lebih lumayan di luar negeri dan jika ada, bolehkah dinyatakan di manakah benih padi ini digunakan sekarang dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkannya ke negeri ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang membekalkan banyak jenis padi untuk ditanam oleh petani dan

penyelidikan berterusan dijalankan oleh MARDI dan agensi-agensi lain semuanya dengan tujuan mencapai mutu yang paling tinggi. Oleh kerana taktor yang saya sebulkan tadi Kerajaan tidak menggalakkan IR42 ditanam secara meluas dan yang telah digalakan setakat ini ialah MR71 dan MR77.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya Kerajaan untuk memperkenalkan padi IR42 itu menyatakan, memberi tahu, kepada petani-petani bahawa IR42 itu adalah padi jenis yang baik sekali, jadi dapat dielakkan daripada musuh, berasnya elok dan sebagainya. Apabila ditanam didapati berasnya hancur. Dan kenyataan daripada Pilipina mengatakan mereka berasa hairan mengapakah IR42 ini ditanam di Malaysia ini berasnya hancur, adakah disebabkan oleh baja yang kita gunakan itu berlainan daripada yang digunakan di Filipina.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tadi bahawa Kerajaan menggalakkan IR42. Sebenarnya MARDI tidak pernah dengan rasminya mengumumkan jenis IR42. Jenis ini cuma diperkenalkan sebagai satu langkah jangka pendek untuk kawasan-kawasan yang kena penyakit merah dan itu sebagai langkah jangka pendek sahaja.

Kenapa mutu itu tidak begitu baik, pakar-pakar masih buat penyelidikan dan saya hendak memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini MARDI sedang membuat penyelidikan tentang satu jenis padi yang mungkin lebih baik daripada MR71 dan MR77 untuk kawasan-kawasan penyakit merah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

#### KURIKULUM MATEMATIK

**14. Tuan Ahmad bin Othman** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan kurikulum matematik untuk sekolah-sekolah di Malaysia yang dipakai sekarang; jika tidak, nyatakan bila kurikulum tersebut akan diganti, memandangkan bahawa ramai murid-murid terutama murid-murid Melayu, telah menunjukkan pencapaian yang mengecewakan dalam peperiksaan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan kurikulum matematik yang digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini. Kementerian Pelajaran juga berpuas hati dengan pencapaian pelajaran matematik peringkat SRP dan SPM jurusan Sains.

Kita sedar bahawa pelajar-pelajar jurusan Sastera tidak menunjukkan prestasi yang tinggi dalam matapeajaran ini. Walau bagaimanapun, perubahan kurikulum tidak seharusnya berdasarkan sematamata kepada pencapaian pelajar-pelajar dalam sesuatu peperiksaan. Perubahan kurikulum mengambil kira perkembangan disiplin itu sendiri dan keperluan pembangunan masyarakat dan negara.

Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah membaharui corak pelajaran matematik dengan melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan menjadikan matematik sebagai salah satu matapelajaran yang diutamakan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa musykil dengan kenyataan



yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan pencapaian murid-murid di aliran Sastera dari segi matapelajaran matematik tidak begitu menggalakkan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran dalam perkara ini kerana matapelajaran matematik adalah satu matapelajaran yang sangat penting walaupun di aliran Sastera, apa lagi di aliran Sains. Sekiranya kita berpendapat dari sikap murid, tentu daripada sikap guru-guru matematik ada sesuatu kelemahan. Apakah kita sudah mengatasi kelemahan ini? Kalau kita pandang haiwan harimau, kucing pun boleh dilatih oleh pelatih-pelatihnya sedangkan matapelajaran ini ditumpu kepada manusia, sudahkah pihak Kementerian Pelajaran mengkaji sedalam-dalamnya akan kelemahan di antara murid dan guru ini supaya tidak berpanjangan?

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita memandang berat terhadap kemajuan pelajar-pelajar terutama sekali mereka yang dalam aliran sastera mengenai matapelajaran matematik ini, tetapi pembahagian murid-murid kepada golongan yang mengambil aliran Sastera dan juga golongan-golongan yang mengambil aliran Sains yang membuktikan bahawa ini memang sudah tentunya mungkin semula jadi yang menunjukkan kepada kita bahawa yang aliran Sastera ini memang minatnya kurang terhadap matematik, yang aliran Sains adalah bcrminat kepada matematik kerana mata pelajaran yang diutamakan bagi pelajar-pelajar dalam aliran Sains ialah matematik dan juga pelajaran sains yang lain termasuk Chemistry (Kimia), Biology dan sebagainya.

Namun demikian, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi atas perkara-perkara iaitu kita memandang

berat terhadap kelemahan pelajar-pelajar dalam aliran Sastera dalam mata pelajaran matematik ini, maka kita setakat ini telah melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah untuk menentujkan supaya mata pelajaran ini diutamakan sebagai mata pelajaran dalam pengajian kanak-kanak kita.

Namun demikian, kita sentiasa mengkaji dan memandang berat terhadap kelemahan pelajar-pelajar dari aliran Sastera ini mengenai pelajaran matematik.

#### **PERNIAGAAN DAN PELABURAN DI CHINA**

**15. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar Kementerian terhadap pembangunan ekonomi dan perniagaan yang sedang berlaku sekarang di negeri China di mana ianya menjadi tumpuan hebat daripada syarikat-syarikat negara-negara lain dan sama ada peluang untuk mengambil bahagian dengan negara China terbuka kepada rakyat di negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada dasarnya berpendapat bahawa pengusaha-pengusaha Malaysia patut sama-sama mengeksploitasi dan merebut peluang-peluang perniagaan dan pelaburan yang wujud di China, hasil dari pelaksanaan rancangan-rancangan permodenan dan "Dasar Pintu Terbuka" di negara itu pada masa ini. Ini adalah juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperluaskan pasaran barang-barang Malaysia di China dan seterusnya meningkatkan hubungan perdagangan dua-hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Kerajaan memang memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan di China dan mereka juga berkemampuan untuk bersaing dengan syarikat-syarikat asing. Syarikat-syarikat Malaysia seperti MOIC, Kuok Brothers, PROMET Berhad, O-Built System dan sebagainya telah pun memperolehi berbagai-bagai projek ekonomi dan perniagaan di China.

Sungguhpun Kerajaan pada dasarnya membenarkan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan pelaburan di China, ini tidaklah bermakna bahawa penglibatan mereka itu tidak dikawal ataupun diawasi. Malahan Kerajaan sentiasa memastikan supaya penglibatan mereka itu sentiasa terjamin dan tidak menjejaskan keselamatan perpaduan negara.

Dalam hubungan ini Kerajaan berpendapat bahawa kenyataan sebenar di sebalik peluang-peluang perniagaan yang dijangka menguntungkan itu perlu dikaji dan difahami oleh semua pihak supaya tidak menimbulkan masalah dan merugikan syarikat-syarikat tempatan kelak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

*(Soalan No. 16 Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee tidak hadir).*

#### **ROMPAKAN DI BANK DAN LEBUHRAYA**

**17. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan rompakan bank-bank dan di lebuhraya di negara ini sangat hangat diperkatakan, nyatakan sama

ada perompak-perompak itu terdiri dari penduduk tempatan atau pendatang dari luar.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sajeikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kejadian-kejadian rompakan di bank-bank dan di lebuhraya yang berlaku di negara ini hangat diperkatakan tetapi bilangan sebenarnya tidaklah begitu besar berbanding dengan lain-lain jenis rompakan pada keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1982 hingga ke bulan Mac 1985 iaitu jangka masa 3 tahun 3 bulan, terdapat sebanyak 2,287 kejadian rompakan telah dilaporkan. Dari jumlah tersebut 17 kejadian atau 0.74% sahaja merupakan kes rompakan di bank dan 31 kejadian atau 1.35% pula adalah merupakan kes rompakan di lebuhraya. Kesemua kes rompakan di bank yang dinyatakan ini adalah dilakukan oleh penjenayah-penjenayah tempatan, manakala bagi kes rompakan di lebuhraya hanya 4 kejadian atau 12.9% sahaja yang dilakukan oleh pendatang haram.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bahawa rompakan-rompakan bersenjata yang dilakukan di negara ini adakah senjata ini diseludup daripada negara jiran ataupun senjata ini dibuat di dalam negara kita sendiri?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 1984, 80 buah pucuk senjata telah dirampas dan dari risikan dan maklumat yang diterima dan juga daripada tulisan-tulisan yang terdapat di atas senjata-senjata tersebut, boleh dikatakan 90% daripada angka tersebut telah pun diseludup masuk secara haram daripada negara jiran di utara.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kejadian rompakan di lebuhraya ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bercadang menghidupkan balik Balai Polis atau Pondok Polis yang ada di lebuhraya? Misalannya, lebuhraya, daripada Air Hitam ke Johor Bahru di jalan yang dikatakan "jalan maut" itu dahulu ada satu Pondok Polis di situ. Kalau ada polis di situ, ada mata-mata kita di situ, ada segan silu; tetapi Pondok itu pun sekarang hampir tumbang dimakan oleh angin. Jadi adakah Timbalan Menteri bercadang untuk menghidupkan balik Pondok Polis di lebuhraya itu dan juga di tempat-tempat lain?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Pondok-pondok Polis di lebuh-lebuhraya seluruh negara tidak akan menjamin bahawa rompakan di lebuhraya tidak akan berlaku ataupun boleh dikurangkan. Pihak Polis mengadakan strategt supaya membanyakkan lagi rondaan-rondaan yang mana mereka memakai kereta-kereta kepunyaan Polis rasmi ataupun kereta-kereta yang tidak rasmi.

#### KAD PENGENALAN BIRU KEPADA WARGANEGARA

**18. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, yang sudah pun tinggal begitu lama di negara ini, masih tidak diberi kad pengenalan biru.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan biru tidak dapat diberikan secara mutlak atau automatik kepada mana-mana orang pun yang tinggal begitu lama di negara ini, sama ada di kawasan luar bandar ataupun di dalam bandar. Sebaliknya, semua kad

pengenalan biru adalah dikeluarkan oleh Kerajaan mengikut cara dan peraturan tertentu.

Mengikut Akta Pendaftaran Negara 1959, kad pengenalan biru hanya diberikan kepada setiap warganegara Malaysia yang memohon untuk mendapatkannya apabila meningkat umur 12 tahun. Oleh kerana bukan semua penduduk di Malaysia terdiri daripada warganegara Malaysia, maka wajarlah tidak semua mereka boleh mendapat kad pengenalan biru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

#### BANK NEGARA—KAWALAN BANK-BANK

**19. Tuan K. Kumaran** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan yang dilakukan kepada Akta Bank supaya skandal seperti Bank Bumiputera dapat dibenteras pada masa akan datang.
- (b) langkah-langkah kawalan yang boleh diambil oleh Bank Negara ke atas cawangan-cawangan bank tempatan di luar negeri; dan
- (c) berapa kali Bank Negara memeriksa dan mengaudit urusanniaga dan akaun cawangan-cawangan bank-bank tempatan di luar negeri.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua—

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan beberapa pindaan

yang penting kepada Akta Bank 1973 bagi mengelakkan masalah-masalah yang mungkin timbul daripada penumpuan berlebihan dalam pinjaman kepada sektor tertentu atau kepada sesuatu pelanggan. Seksyen 27(a) Akta berkenaan melarang bank daripada memberi kemudahan kredit kepada sesuatu pelanggan melebihi satu had yang ditetapkan. Had ini telah ditetapkan dalam bulan September tahun lepas pada 30% daripada kumpulan wang modal sesebuah bank bagi bank-bank perdagangan tempatan atau bank saudagar dan 30% daripada kumpulan wang kerja bersih bagi sesebuah bank asing. Di samping itu, bank-bank juga perlu menghadkan pemberian pinjaman besar yang ditakrifkan sebagai kemudahan kredit yang tiap-tiap satunya melebihi 15% daripada kumpulan wang modal atau kumpulan wang kerja bersih bank kepada 50% daripada jumlah kemudahan kredit. Tujuan utama langkah ini ialah untuk mengurangkan penumpuan risiko kepada hanya satu pelanggan dan untuk menyebarkan risiko melalui pinjaman bersendikit dalam sistem kewangan.

- (b) untuk mengawasi urusan cawangan-cawangan luar negeri bank-bank perdagangan dengan lebih berkesan lagi, bank-bank tempatan yang mempunyai cawangan di luar negeri perlu mengemukakan kepada Bank Negara setiap bulan satu penyata harta dan tanggungan mereka dan semua pinjaman cawangan-cawangan luar negeri yang melebihi \$1 juta tiap-tiap satu. Di samping itu, cawangan-cawangan luar negeri bank-bank tempatan juga tertakluk

kepada pemeriksaan Bank Negara yang juga sentiasa berhubung rapat dengan bank-bank pusat dan pihak-pihak berkuasa kewangan negara-negara di mana terdapatnya cawangan-cawangan bank Malaysia. Untuk memastikan bahawa urusan cawangan diawasi dengan secukupnya dan mereka mematuhi peraturan-peraturan dan tata tertib urusan bank antarabangsa dan negara itu. Ibu-ibu Pejabat bank-bank tempatan, juga dikehendaki mengawasi dengan teliti urusan cawangan-cawangan luar negeri masing-masing.

- (c) Inginlah saya memaklumkan bahawa pada kebiasaannya Bank Negara Malaysia secara praktiknya membuat pemeriksaan ke atas cawangan-cawangan bank tempatan di luar negeri sekali dalam setiap dua tahun. Walau bagaimanapun pemeriksaan yang lebih kerap akan dijalankan apabila keadaan memerlukan.

#### **BIASISWA KEPADA PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

**20. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) ramai penuntut Malaysia yang belajar di universiti-universiti luar negeri mengikut bilangan kaum.
- (b) sama ada syarat-syarat pemberian biasiswa kepada penuntut-penuntut kita akan diketatkan lagi supaya mereka benar-benar mematuhi dasar Kerajaan dan aspirasi negara; dan
- (c) sama ada jumlah penghantaran penuntut ke luar negeri akan dikurangkan dengan penubuhan banyak universiti tempatan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penuntut-penuntut Malaysia yang sedang berada di universiti-universiti luar negeri adalah seramai 52,015 orang. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak dapat memberikan bilangan mereka mengikut pecahan kaum kerana angka tersebut tidak ada dalam simpanan Kementerian Pelajaran. Kerajaan memang mempunyai syarat-syarat tertentu berhubung dengan pemberian biasiswa kepada penuntut-penuntut kita di sana. Syarat-syarat tersebut sentiasa dikaji dan disesuaikan mengikut keperluan dan kepentingan negara. Di samping itu, pelajar-pelajar yang diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri juga dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama dua tahun di dalam negeri terlebih dahulu. Di dalam tempoh itu, selain daripada membuat persediaan akademik, pelajar-pelajar akan diberi pendedahan kepada perkara-perkara yang mengenai ketatanegaraan dan pelajaran agama.

Sekiranya dalam tempoh persediaan itu Kerajaan mendapati pelajar-pelajar yang telah dipilih itu tidak sesuai, biasiswa tidak akan ditawarkan kepada mereka dan seterusnya mereka tidak dihantar belajar ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri telah diarah supaya memberikan bimbingan dan mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar dari masa ke semasa untuk memberi kesedaran kepada mereka, supaya mereka benar-benar mematuhi dasar Kerajaan dan aspirasi negara.

Sama ada Kementerian Pelajaran akan mengurangkan atau menambahkan bilangan pelajar-pelajar yang dihantar keluar negeri adalah bergantung kepada keadaan dan keperluan tenaga manusia yang

terlatih dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan untuk pembangunan negara.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Soalan tambahan. Bahawa sebahagian besar daripada pelajar-pelajar yang pergi ke universiti-universiti Amerika Syarikat yang dianggap tidak terbaik, walhal mereka adalah daripada pelajar-pelajar yang dianggap terbaik. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang terbaik jtu pergi ke universiti-universiti yang terbaik supaya negara dalam jangka masa yang panjang tidak merasakan pembaziran dari segi kemungkinan intelek dan juga kepakaran.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatakan bahawa kita tidak menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti yang tidak terbaik adalah perkara yang kurang tepat, kerana sejauh mana yang kita sedari dan setakat yang kita ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa kita hantar pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti pengajian tinggi yang baik di luar negeri. Ini sebenarnya saya rasa berasas kepada assessment yang dibuat oleh pengassess-pengassess yang dipanggil di Amerika Syarikat seperti "Baron" dan sebagainya yang membahagi kepada competitive, highly competitive, dengan izin, dan sebagainya. Setelah kita kaji dan kita dapati bahawa kita memang menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti yang baik, ada juga yang terbaik. Tetapi masalahnya kalau kita hantar pelajar-pelajar kita yang kita anggap terbaik tetapi dari kaca mata dan pengassessan dibuat oleh pihak Amerika Syarikat tidak begitu baik, ini juga menghadapi masalah, kerana dari segi competitiveness mereka itu. Maka timbullah perasaan mungkin inferiority complex. Dari segi ini kita

perlu mengkaji secara detail dan mendalam, jangan-jangan nanti akibat daripada kita begitu memerlukan sangat tempat-tempat yang very competitive, highly competitive, maka la akan membawa keburukan kepada pelajar-pelajar kita.

#### KAMPUNG TRADISIONAL- PENYUSUNAN SEMULA

**21. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh mana tercapainya projek penyusunan semula kampung-kampung tradisional dan nyatakan tindakan Kerajaan supaya penyusunan semula dapat dilaksanakan dengan baik dari segi pembangunan sosial dan juga ekonomi.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, projek-projek penyusunan semula kampung-kampung tradisional masa kini dilaksanakan melalui strategi baru pembangunan kampung dan luar bandar. Projek ini telah dikenalpasti di 27 kawasan di seluruh negara oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ditugaskan untuk mengawasi perjalanan perlaksanaannya. Perlaksanaan projek-projek ini berada pada beberapa peringkat. Ada dalam peringkat perancangan dan ada yang telah dilaksanakan. Setakat ini kemajuan yang dicapai dalam perlaksanaan projek-projek ini amatlah memuaskan. Projek-projek ini memerlukan kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan luar bandar khususnya di peringkat negeri dan daerah dan penyelarasan dibuat di peringkat negeri dan daerah. Tidak ada peruntukan tambahan diberi bagi projek-projek ini. Malah agensi-agensi yang sedia ada diminta merancang

semula keutamaan program-program mereka berdasarkan peruntukan dan keupayaan yang ada sejajar dengan strategi baru pembangunan kampung dan luar bandar dan ditumpukan kepada 27 kawasan yang dipilih itu.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di manakah contohnya projek-projek yang telah dilaksanakan itu dan hasilnya memuaskan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, 27 projek telah pun dikenalpasti di seluruh negara. Terdapat 3 projek di Perlis dan di negeri-negeri lain hanya 2 projek melainkan di Sabah juga 3 projek. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga hanya 4 projek telah pun dilaksanakan pada masa sekarang dan lain-lain projek masih dalam perancangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 22 hingga 57 adalah diberi di bawah ini).*

#### RAKYAT MALAYSIA MELAWAT CHINA

**16. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau benar-benar mengkaji semula polisi lawatan ke negeri China oleh rakyat Malaysia memandangkan negeri China telah mengubahsuaikan dasar pelaburannya untuk menarik lebih ramai pelabur asing dan sama ada syarat-syarat yang ketat sekarang boleh dilonggarkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Sukalah saya menjelaskan di Dewan ini bahawa Kerajaan memang sedar

tentang peluang-peluang perdagangan dengan Republik Rakyat China hasil dari perubahan dasar di negara tersebut yang ingin menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing termasuk pelabur-pelabur dari Malaysia. Untuk tujuan ini Kerajaan sedang menyediakan satu garis panduan yang baru dalam dasar perhubungan di antara kedua-dua negara. Garis panduan tersebut yang merangkumi semua aspek perhubungan antara dua negara dan akan memberi lebih faedah dalam usaha kerajaan mempertingkatkan perdagangan dan perhubungan antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun dalam garis panduan ini kerajaan tetap memberi perhatian kepada kepentingan politik dan keselamatan negara agar ianya tidak terjejas.

#### **PENGAMBILAN ORANG-ORANG BARU**

**22. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada pengambilan orang dalam angkatan tentera kita berdasarkan kepada quota kaum.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa:** Perlu saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa dasar pengambilan orang-orang baru sama ada rekrut, tauliah atau pegawai kadet di dalam ketigatiga perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia tidak sekali-kali dibuat mengikut kepada quota kaum tetap mengikut dasar terbuka. Dasar terbuka kepada semua warganegara ini telah diamalkan sejak Merdeka lagi dan akan diteruskan untuk masa sekarang dan masa-masa akan datang.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, perlu saya jelaskan di sini iaitu hanya satu pengecualian sahaja terdapat di atas dasar terbuka ini, bahawa mengikut peruntukan undang-undang

termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta Angkatan Tentera 1972 (Seksyen 6 dan 16), hanya orang-orang Melayu sahaja yang boleh dimasukkan berkhidmat di dalam Regimen Askar; Melayu Diraja; kepada keturunan bukan Melayu yang berminat untuk memasuki Angkatan Tentera Malaysia, mereka boleh berkhidmat dalam lain-lain pasukan yang mereka minati.

#### **FILEM BERCORAK PENGETAHUAN/PENDIDIKAN**

**23. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM akan menerbitkan filem-filem yang bercorak pengetahuan yang dapat diselitkan dalam filem-filem hiburan untuk mengubah pemikiran rakyat supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah disebarkan oleh anasir-anasir anti-Kerajaan.

**Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): R.T.M.** senantiasa menyelitkan bahan-bahan bercorak pengetahuan dan pendidikan dalam kebanyakan rancangan-rancangan Radio dan TVnya, seperti rancangan drama, hiburan apatah lagi rancangan-rancangan berita, ehwal semasa dan seumpamanya. Bahan-bahan bercorak pengetahuan dan pendidikan ini disalurkan secara "direct" atau secara "subtle" dan bertujuan, antara lainnya, untuk memberi penerangan yang jelas mengenai pelbagai isu dan peristiwa supaya rakyat tidak mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang disebarkan oleh anasir-anasir anti-Kerajaan.

#### **ROMPAKAN BANK DI IBU KOTA**

**24. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berhubung dengan peristiwa

rompakan di salah sebuah Bank di Ibu Kota baru-baru ini yang difahamkan perompak berkenaan telah menggunakan senjata api jenis M16, sama ada Kerajaan dapat mengenal pasti senjata tersebut dari mana pihak perompak memperolehnya, dan sehingga ini berapa banyakkah Kerajaan dapat merampas senjata-senjata api yang diseludup oleh anasir-anasir jahat dari negara-negara jiran.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senjatapi yang digunakan dalam peristiwa rompakan di salah sebuah bank di Ibu Kota baru-baru ini ialah dari jenis A. R. 15 dan bukannya M.16.

Asal senjatapi tersebut telah dikenalpasti dan mengikut keterangan yang didapati senjatapi itu dipercayai diseludup masuk melalui negara jiran.

Dari tahun 1982 hingga akhir Mac 1985 sebanyak 331 pucuk senjatapi yang diseludup telah dapat dirampas di mana 281 pucuk di Semenanjung, 49 pucuk di Sabah dan satu di Sarawak.

**MAJLIS PERBANDARAN  
SEBERANG PERAI—  
PINJAMAN PEMBETUNGAN**

25. **Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman dari Kerajaan Pusat kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk projek pembedungan najis di Daerah Seberang Perai Tengah (Bukit Mertajam) dan Seberang Perai Utara (Butterworth);
- (b) kadar faedah yang dikenakan dan kadar faedah yang akan dibayar oleh Majlis

Perbandaran Seberang Perai kepada lain-lain agensi yang berkaitan; dan

- (c) bilakah projek tersebut dijangka siap sepenuhnya.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu, saya ingin menjawabnya satu persatu mengikut soalnya:

- (a) (1) Sehingga 1985, sejumlah \$85.85 juta pinjaman telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk diberi kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk membiayai projek pembedungan najis di Butterworth dan Bukit Mertajam.
- (2) Daripada jumlah peruntukan yang telah diluluskan itu, sejumlah \$75 juta telah diberi kepada MPSP dari tahun 1980 ke 1984 seperti disenaraikan berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Peruntukan yang telah diberi \$ juta</i> |
|--------------|---|
| 1980         | 2.4   |
| 1981         | 6.0   |
| 1982         | 26.6  |
| 1983         | 20.0  |
| 1984         | 20.0  |
| Jumlah       | 75.0  |

- (3) Baki peruntukan sejumlah \$10.85 juta akan diberi kepada MPSP pada tahun 1985.
- (b) Semua pinjaman kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk membiayai projek pembedungan di Butterworth dan Bukit Mertajam diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui



Kementerian Kewangan. Mengikut perjanjian pinjaman yang telah dirasmikan antara Kerajaan Persekutuan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai, kadar faedah yang akan dibayar oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai ialah 7 1/2%. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 20 tahun dengan tempoh kebebasan selama lima tahun.

- (c) Semua kerja-kerja pembinaan yang melibatkan pembinaan pementasan; stesyen-stesyen pam dan loji-loji pembersihan najis akan disiapkan pada atau sebelum bulan Jun 1985. Selepas itu semua rumah-rumah dan bangunan-bangunan di kawasan yang terlibat akan disambung kepada sistem pementasan itu dan seterusnya akan menggunakan sistem yang moden itu.

#### TENTERA VIETNAM MENCEROBOH THAILAND

26. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan tentang hubungan serantau ASEAN serta ura-ura Y.A.B. Perdana Menteri melawat Thailand bulan Mei depan, dan sikap Malaysia berhubung dengan perkembangan terbaru serangan tentera Vietnam yang terus menceroboh Thailand.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Kerajaan ekonomi di antara negara-negara ASEAN, amat jelas hasilnya dalam bidang-bidang perdagangan dan projek-projek usahasama. Contohnya, jumlah barangan yang disenaraikan sebagai yang patut menerima "layanan istimewa perdagangan" kini berjumlah 18,000. Contoh-contoh projek usahasama ASEAN ialah

"ASEAN-UREA" projek di Aceh, Indonesia dan di Bintulu, Malaysia serta projek Fabrikasi Tembaga di Pilipina. Negara-negara ASEAN juga sentiasa bekerjasama di lapangan pembangunan sosial, penerangan dan kebudayaan melalui kegiatan-kegiatan seperti "Projek Pembangunan Pelajaran", "Program Penduduk ASEAN", (ASEAN Population Programme) "Kerjasama Membasmikan Penyalahgunaan Dadah" dan beberapa program untuk kemajuan kaum wanita ASEAN". Selain daripada kerjasama ekonomi di antara negara-negara anggota ASEAN juga sentiasa giat meningkatkan kerjasama ekonomi yang berkesan dengan negara-negara Pasific dan negara-negara dialog seperti EEC, Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Canada dan New Zealand.

Mengenai lawatan ke Thailand, ada kemungkinan Y.A.B. Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ke Thailand pada pertengahan bulan hadapan. Lawatan ini dilakukan dalam rangka bertukar-tukar fikiran dan pendapat dengan pemimpin-pemimpin ASEAN mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa di samping membincangkan perkara-perkara dua hala di antara kedua buah negara. Lawatan Y.A.B. Perdana Menteri juga adalah merupakan lawatan balas Perdana Menteri Prem ke Kuala Lumpur dalam bulan Februari pada tahun lalu.

Malaysia amatlah memandang berat terhadap pencerobohan tentera Vietnam ke atas Thailand baru-baru ini. Pencerobohan tersebut telah menegangkan keadaan keselamatan di sempadan Thailand/Kampuchea. Malaysia telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 9hb. Mac 1985, di mana kita telah mengutuk Vietnam di atas tindakannya itu serta menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan

ke arah penyelesaian politik ke atas masalah Kampuchea. Malaysia khawatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan.

Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraman dan diplomatik. Dari segi ketenteraan, angkatan tentera Thailand telah melancarkan serangan-serangan balas mengusir penceroboh-penceroboh Vietnam keluar dari Wilayah Thailand, dan dari segi diplomatik pula, mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh askar-askar Vietnam itu.

Bagi Malaysia, kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah melawati sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac yang lepas untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah setersnya menyatakan sokongan dan solidariti Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Yietnam itu. Sekiranya keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea tersebut menjadi bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam di dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.

## WANG KERTAS LAMA

27. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada wang kertas lama dapat terus digunakan dan jumlah wang yang masih dalam pasaran;
- (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menghapuskan kegunaannya; dan
- (c) sama ada benar atau tidak wang kertas berbentuk baru ini senang dipalsukan; jika benar, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Sabbaruddin Chik:**

- (a) Wang kertas rekabentuk lama masih Jagi diterima dan sah dipperlakukan sungguhpun ianya sedang dalam proses ditarik balik dari edaran. Sehingga 5hb April, 1985, wang kertas rekabentuk lama yang masih ada dalam edaran adalah berjumlah sebanyak \$210.6 juta, iaitu merupakan hanya 4% daripada jumlah wang kertas rekabentuk lama yang terdapat dalam edaran.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada tarikh terakhir ditetapkan bagi penggunaan wang kertas rekabentuk lama. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses menarik balik wang kertas rekabentuk lama dari edaran supaya wang kertas rekabentuk baru yang lebih mempunyai ciri-ciri Malaysia dapat diedarkan dengan sepenuhnya di seluruh negara.

(c) Adalah tidak benar bahawa wang kertas rekabentuk baru senang ditiru atau dipalsukan. Walau bagaimanapun dengan adanya kemajuan dalam teknologi pencetakan, manamana wang kertas adalah terdedah untuk ditiru. Sehingga ini, terdapat beberapa laporan tentang pengedaran wang kertas palsu tetapi keadaannya adalah terkawal. Jumlah bilangan keping yang terlibat adalah kecil berbanding dengan keseluruhan wang kertas dalam edaran. Pihak Polis memang berjaga-jaga mengenai perkara ini dan bertindak bagi mengawal keadaan. Bank Negara Malaysia juga sentiasa mengulangkaji dan berusaha untuk meningkatkan mutu ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam wang kertas Malaysia.

#### TANAMAN TEMBAKAU

**28. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan:** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah Kementerian menggalak penanaman tembakau walhal Kerajaan tidak menggalakkan rakyatnya menghisap rokok dan berapa banyakkah keuntungan didapati oleh Kerajaan serta juga penanam-penanam tembakau tiap-tiap tahun dan nyatakan sama ada hasil tersebut digunakan dalam negeri sahaja atau ada juga untuk dieskport.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Paul Leong Khee Seong):** Walaupun Kerajaan tidak menggalakkan rakyatnya menghisap rokok, industri tembakau masih menjadi salah satu industri yang memainkan peranan sosio-ekonomi yang penting.

Industri tembakau merupakan salah satu punca utama hasil cukai Kerajaan. Dalam tahun 1983, industri ini secara keseluruhannya telah

menyumbangkan sebanyak \$603 juta dalam bentuk cukai import, cukai eksais, cukai jualan dan cukai pendapatan syarikat pembuat rokok. Di samping itu, industri ini juga menyumbangkan-sebanyak \$50 juta sebagai pendapatan kepada penanam-penanam tembakau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanaman tembakau kini merupakan salah satu punca utama mata pencarian sebanyak 44,000 keluarga petani dan 29,000 orang pekerja di 348 buah stesyen pengawit. Pada puratanya, setiap keluarga menanam lebih kurang 0.3 hektar tembakau dan mendapat pendapatan tambahan sebanyak \$1,400 semusim dari tanaman ini. Pendapatan dari tanaman ini adalah tinggi berbanding dengan tanaman-tanaman yang lain.

Sukacita juga saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kebanyakan tembakau di negara ini adalah ditanam atas tanah-tanah bris. Tanah bris adalah tidak sesuai untuk tanaman yang lain dan sekiranya tidak digunakan untuk tanaman tembakau tanah-tanah itu akan terbiar sahaja.

Berkenaan dengan penggunaan tembakau yang dikeluarkan, sukacita saya memaklumkan bahawa buat masa ini kesemua tembakau itu adalah untuk menampung keperluan tempatan sahaja.

#### FILEM RENCANA BAHASA MALAYSIA

**29. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Penerangan menyatakan bila masanya filem-filem rencana akan ditayangkan dalam Bahasa Malaysia di TV pada tiap-tiap hari.

**Dato' Rais Yatim:** Dengan kedudukan tenaga pekerja serta alat kelengkapan bahagian dubing sekarang, TV Malaysia hanya berupaya mengalih-suarakan lebih

kurang satu filem drama atau animasi (animation) dan satu filem rencana seminggu. Inilah bilangan rancangan-rancangan alih-suara yang disiarkan sekarang.

Selain dari masalah kekurangan kakitangan terlatih serta alat-keengkapan dalam bahagian dubbing, masalah utama yang dihadapi sekarang ialah bahawa kebanyakan dari rancangan-rancangan dari luar negeri dibekal dalam bentuk pita video, sedangkan RTM tidak mempunyai alat-alat alih-suara bentuk pita video. RTM hanya mempunyai alat-alat alih-suara bentuk filem.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah-masalah ini. Antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah untuk menswastakan kerja-kerja dubbing. Sudah ada beberapa syarikat swasta yang telah menunjukkan minat untuk membuat kerja-kerja dubbing bagi RTM.

Oleh hal yang demikian, pada ketika ini tidaklah dapat saya menyatakan dengan tepat tarikh bila filem-filem rencana akan ditayangkan dalam Bahasa Malaysia pada tiap-tiap hari.

#### **WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT SINGAPURA**

**30. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah ramai rakyat Malaysia yang mengunjungi Singapura dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 1985 ini sejak cukai baru lima puluh peratus dikenakan kepada barang-barang yang dibeli oleh orang ramai dari Singapura; beri perbezaan ramainya pengunjung-pengunjung Malaysia ke Singapura itu pada tiga bulan pertama tahun 1984 yang lalu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dalam 3 bulan pertama tahun 1985, seramai 1,592,527 orang warganegara

dan penduduk Malaysia telah mengunjungi Singapura berbanding dengan 1,759,896 orang yang mengunjungi negara itu dalam tempoh masa yang sama tahun 1984.

#### **FELDA—PENEROKA BEKAS PERAJURIT**

**31. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bekas-bekas perajurit yang sedang meneroka di sekim-sekim FELDA.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa:** Setakat ini jumlah bekas-bekas perajurit yang sedang meneroka di sekim-sekim FELDA di seluruh negara ialah seramai 7,039 orang.

#### **GURU MEMBURUKKAN/ KERAJAAN**

**32. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar ada di antara guru-guru di negara kita yang sedang berkempen memburukkan Kerajaan; jika benar, sama ada tindakan tegas akan diambil ke atas guru-guru yang berkenaan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran ada juga menerima laporan dari ibu bapa dan pemimpin masyarakat mengenai guru yang berkempen memburukkan Kerajaan. Kementerian sedang menyiasat tohmah-tohmahan itu dan tindakan disiplin akan diambil ke atas guru-guru berkenaan.

#### **DAGING LEMBU YANG DIIMPORT**

**33. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa daging lembu yang diimport dari luar negeri tidak mempunyai mutu dan zat protin

lagi kerana terlalu lama dalam simpanan peti sejuk dan juga apabila dimakan boleh mendatangkan penyakit sakit perut; jika sedar, nyatakan tindakan selanjutnya.

**Dr Goh Cheng Teik:** Ketiadaan mutu dan zat protin pada daging-daging lembu yang diimport serta dakwaan yang ianya boleh mendatangkan sakit perut adalah kurang tepat, kerana semua daging yang diimport sama ada di dalam bentuk beku, sejuk atau segar mestilah memenuhi syarat-syarat kesihatan yang ditetapkan; yang memerlukan kelulusan pemeriksaan sebelum dan selepas sembelihan (ante-mortem and post-mortem inspection), bebas dari penyakit merbahaya, kebersihan dan mutunya terjamin dan sesuai untuk makanan manusia. Hanya daging lembu yang mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Halal dari pihak-pihak berkuasa negara pengeksporth sahaja dibenarkan masuk ke negara ini.

Seterusnya untuk memastikan yang daging-daging yang diimport adalah di dalam keadaan baik, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan, menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk ke negara ini dengan mengambil contoh-contoh daging yang diimport dan diuji secara saintifik. Keputusan ujian yang dijalankan setakat ini adalah memuaskan.

#### PESARA PEKERJA SEMULA

**34. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan menggalakkan kakitangan-kakitangan yang bersara untuk bekerja semula dan sama ada benar Kerajaan bercadang hendak menaikkan umur persaraan dari 55 kepada 60 tahun.

**Dr Mohamad Yusof bin Mohd. Noor:** Kerajaan tidak menggalakkan kakitangan yang bersara untuk bekerja semula dan Kerajaan juga tidak bercadang hendak menaikkan umur persaraan dari 55 tahun ke 60 tahun.

#### PAKAR PERTANIAN DI BANK PERNIAGAAN

**35. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertanian menyatakan peringkat dan kemudahan perkhidmatan pakar-pakar pertanian di dalam bank-bank perniagaan dan, jika didapati ada kekurangan, nyatakan sama ada beliau akan membantu bank-bank tersebut dengan kerjasama pakar-pakar yang kini didapati di universiti-universiti, Kementerian Pertanian dan badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian.

**Dr Goh Cheng Teik:** Bank-bank Perniagaan sebenarnya tidak mempunyai tenaga-tenaga pakar pertanian yang cukup untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan sektor pertanian. Kerajaan memang bersedia membantu mengatasi kekurangan ini dan bank-bank berkenaan boleh memohon mendapatkan khidmat kepakaran ini daripada universiti-universiti tempatan ataupun agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, Jabatan Pertanian dan lain-lain.

#### KANAK-KANAK SEKOLAH— MEWAJIBKAN

**36. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat tindakan mewajibkan semua murid-murid yang mencapai umur tujuh tahun mesti dihantar ke sekolah-sekolah dan, jika tidak, nyatakan tindakan Kerajaan ke

atas ibubapa yang tidak menghantar anak mereka yang berumur tujuh tahun masuk ke sekolah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kerajaan tidak ada membuat sebarang tindakan mewajibkan semua kanak-kanak yang telah mencapai umur tujuh tahun mesti di hantar ke sekolah-sekolah. Rancangan Kerajaan memberi pelajaran rendah kepada rakyat telah disusun begitu rapi sehingga hampir semua murid yang cukup umur masuk sekolah kira-kira 97% berada di sekolah. Oleh itu sebarang tindakan terhadap ibubapa yang tidak menghantar anak-anak mereka yang berumur 7 tahun ke sekolah tidak berbangkit.

#### ROMPAKAN DI BANDAR-DANDAR

**37. Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kes-kes merompak di bandar-bandar semakin menjadi-jadi.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Peningkatan kes-kes rompak terutama di bandar-bandar besar adalah disebabkan oleh terdapatnya peluang-peluang yang didedahkan oleh mangsa-mangsa itu sendiri. Sikap orang ramai yang tidak berhati-hati seperti membawa wang yang banyak tanpa kawalan, menyimpan wang dan barang-barang kemas yang banyak di rumah, memakai barang-barang kemas yang mahal di khalayak ramai, mempamerkan barang-barang kemas di tempat-tempat perniagaan tanpa Kawalan atau alat pencegahan yang berkesan dan membawa wang gaji yang banyak untuk pekerja tanpa kawalan yang cukup adalah merupakan sebab-sebab utama bertambahnya kejadian rompak. Selain dari itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menambahkan lagi jenayah rompak di bandar-bandar

besar seperti keadaan sosio-ekonomi, pembangunan yang pesat dan gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, kegiatan kongsigelap, perjudian, maksiat dan sebagainya yang secara langsung atau tidak telah menyebabkan kejadian-kejadian rompak.

Polis dari masa ke semasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah dan membentaras kejadian-kejadian rompak khususnya di bandar-bandar besar.

#### PELABURAN SINGAPURA DI MALAYSIA

**38. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berhubung dengan usaha Kerajaan menarik pelabur-pelabur Singapura ke Malaysia menyatakan:

- (a) sejauh manakah persahabatan Malaysia dengan Singapura dari segi ekonomi;
- (b) jenis-jenis pelaburan Singapura di Malaysia;
- (c) sama ada orang-orang Malaysia juga melabur di Singapura dan kemajuan yang telah dicapai; dan
- (d) sebab-sebab mengapa Kerajaan Malaysia berusaha menarik pelabur-pelabur Singapura ke Malaysia.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:**

- (a) Singapura adalah merupakan negara utama yang melabur di sektor perindustrian Malaysia sejak dari dahulu lagi disebabkan oleh pertalian sosial dan kebudayaan yang erat di antara kedua-dua negara. Sehingga akhir tahun 1984, terdapat 777 projek

perindustrian dari Singapura yang telah diberikan kelulusan. Dari jumlah tersebut, 611 projek perindustrian dari Singapura sedang di dalam pengeluaran di Malaysia dengan melibatkan modal ekuiti sebanyak \$1,046 juta iaitu 31.3% daripada jumlah modal asing dalam projek-projek perindustrian yang disertai oleh pelabur-pelabur asing.

- (b) Dari jumlah 611 projek yang sedang di dalam pengeluaran, 95 adalah di bidang industri makanan, 67 barang-barang kimia, 63 kayu dan barang-barang kayu, 60 logam dibentuk, 56 tekstil dan barang-barang tekstil sementara 270 lagi di bidang industri lain.
- (c) Pada masa ini, tidak ada angka-angka yang disimpan mengenai pelaburan Malaysia di luar negeri termasuk Singapura. Angka yang berkenaan tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Singapura tetapi mengikut Laporan Tahunan 1983/1984 Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura (Economic Development Board of Singapore), hanya pelaburan dari negara-negara yang banyak melabur di Singapura seperti Amerika Syarikat dan Jepun disebutkan. Oleh itu, bolehlah dianggap bahawa pelaburan Malaysia di Singapura adalah kecil.
- (d) Singapura merupakan satu sumber pelaburan yang besar di Malaysia. Industri Singapura adalah sentiasa dalam proses penyusunan semula untuk menggunakan teknologi yang tinggi dan industri yang menggunakan teknologi yang kurang tinggi akan berpindah ke negara lain. Penyusunan semula industri Singapura

memberi peluang kepada Malaysia sebagai jiran yang berhampiran untuk menarik pelaburan dari Singapura, kerana beberapa industri yang akan berpindah itu adalah sesuai untuk ditempatkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya industri yang sesuai akan diberi kelulusan. Industri-industri ini adalah dijangka berorientasikan eksport dan memberi peluang-peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat-rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, amatlah menguntungkan bagi Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur Singapura.

#### SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN BANGSAR

**39. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membaiki keadaan sekolah Kebangsaan Jalan Bangsar supaya sejajar dengan pembangunan pesat di sekelilingnya atau sama ada Kerajaan ada cadangan memindahkan sekolah itu ke tempat lain yang lebih selesa; jika ya, nyatakan rancangan itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan Sekolah Kebangsaan Jalan Bangsar ini telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa dalam usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang lebih selesa. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tidak bercadang untuk memindahkan tapak sekolah ini ke tempat lain kerana sekolah ini diperlukan untuk menampung persekolahan murid-murid dari kawasan persekitaran di samping kesukaran untuk mendapatkan tapak baru di kawasan berhampiran.

**FELDA—ROYALTI JUALAN  
MINYAK KELAPA SAWIT**

**40. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membayar kepada Kerajaan Negeri royalti atas jualan minyak kelapa sawit FELDA.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membayar royalti atas jualan minyak kelapa sawit FELDA kepada Kerajaan Negeri.

**INDOCHINA—PERDAGANGAN  
ASEAN**

**41. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pandangan kepada keadaan tegang di Indochina, dan sama ada kemungkinan ASEAN berubah menjadi kuasa tentera dalam masa-masa ancaman luar; dan adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memperkenalkan conscription ataupun perkhidmatan wajib bagi golongan tentera di alam masyarakat kita.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Apa yang dimaksudkan oleh Y.B. Senator M.G. Pandithan ialah mungkin keadaan tegang di sempadan Thailand/Kampuchea. Malaysia bukan sahaja memandang berat ke atas keadaan tegang di sempadan tersebut bahkan mengikuti perkembangan-perkembangan di sana dengan rapi dan serius. Pencerobohan tentera Vietnam ke atas wilayah Thailand telah kita kutuk di dalam satu kenyataan akhbar 9hb Mac 1985, di mana kita juga menyeru Vietnam menghentikannya dan seterusnya berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian politik ke atas

masalah Kampuchea Malaysia khawatir ketegangan di sempadan Thailand/Kampuchea itu akan bertambah lebih buruk dan mungkin akan menjejaskan pula keselamatan negara-negara lain seperti Malaysia dan Singapura khususnya dan negara-negara lain di Asia. Tenggara ini sekiranya pertempuran di antara askar-askar Thailand dan Vietnam berterusan.

Setakat ini pihak Thailand telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah pencerobohan ke atas wilayahnya termasuk tindakan-tindakan ketenteraan dan diplomatik. Dari segi ketenteraan, angkatan tentera Thailand telah melancarkan serangan-serangan balas mengusir penceroboh-penceroboh Vietnam keluar dari Wilayah Thailand, dan dari segi diplomatik pula, mereka telah pun membuat pengaduan melalui nota-nota bantahan kepada Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pencerobohan oleh askar-askar Vietnam itu.

Bagi Malaysia, kita menyokong penuh tindakan-tindakan Thailand itu dan berhubung dengan hal ini, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga telah melawati sempadan Thailand/Kampuchea di daerah Surin pada 21hb Mac yang lepas untuk melihat keadaan keselamatan di sempadan dan juga kedudukan orang-orang pelarian Khmer di sana. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah seterusnya menyatakan sokongan dan solidariti Malaysia terhadap Thailand di dalam menghadapi tekanan dari Vietnam itu. Sekiranya keadaan di sempadan Thailand/Kampuchea tersebut menjadi bertambah terancam, negara-negara anggota ASEAN yang lain tidak akan berdiam diri dan akan memberi apa saja sokongan kepada Thailand dalam menghadapi ancaman yang bertambah serius itu.



Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini ASEAN tidak bercadang untuk berubah menjadi kuasa tentera dalam masa-masa ancaman luar. Bagi Malaysia, Kerajaan telah pun membentuk rancangan-rancangan dan strategi pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berupa ancaman, sama ada ancaman dari dalam atau dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai sebarang rancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan wajib bagi golongan tentera di dalam masyarakat kita kerana kerajaan berpendapat ianya masih lagi tidak perlu dan belum sesuai untuk dijalankan di negara ini.

#### **PENCEROBOHAN KAPAL PERANG RUSSIA**

**42. Puan Hajjah Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kapal-kapal perang, selam, helikopter Russia pernah menceroboh ruang angkasa dan perairan kita; jika ya, apakah jenisnya dan berapa kali pencerobahan ini telah dilakukan dan sama ada sebarang bantahan telah dibuat mengenai pencerobahan ini.

**53. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan sama ada benar bahawa baru-baru ini telah kelihatan kapal-kapal selam Russia berada di laut antarabangsa negara kita; jika benar, apakah tujuan mereka itu dan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap kehadiran mereka itu.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama

dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya pada 18hb April, 1985 yang mana soalan ini pada dasarnya mempunyai tujuan yang sama.

Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa berjaga-jaga dan mengadakan pengawasan supaya tidak ada berlakunya pencerobahan oleh kapal-kapal dan kapal terbang-kapal terbang negara asing di perairan wilayah dan ruang angkasa kita. Setakat ini tidak didapati kapal-kapal perang, selam dan helikopter Soviet Union menceroboh perairan wilayah dan ruang angkasa kita. Kapal-kapal perang dan selam Soviet Union telah beberapa kali melintasi perairan wilayah Malaysia tetapi mereka telah mematuhi syarat-syarat antarabangsa. Helikopter Soviet Union yang berangkat dari kapal-kapal perang yang di lautan lepas adalah juga tidak berlawanan dengan undang-undang antarabangsa.

#### **PUSAT PEMULIHAN PENAGIH DADAH**

**43. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pusat-pusat pemulihan dadah yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menampung penagih-penagih yang ditangkap oleh polis;
- (b) berapakah jumlah penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan dan setelah dibebaskan terlibat semula dengan kes yang sama; dan
- (c) apakah program-program yang telah dirancang supaya penagih-penagih yang telah dibebaskan dapat diterima semula oleh masyarakat dan hidup dengan sempurna.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

(a) Kementerian saya sedar bahawa pusat pemulihan dadah Kerajaan yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menampung penagih-penagih yang ditangkap oleh Polis. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah merancang untuk membuka pusat-pusat baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima;

(b) Sejak Kementerian saya mengambilalih tanggungjawab pemulihan dadah seramai 678 orang telah pun dipulih dan dibebaskan daripada pusat-pusat pemulihan dadah, walaupun begitu mereka dikehendaki mengikuti program Jagaan Lanjutan bagi tempoh 2 tahun selepas dibebaskan mengikut peruntukan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983).

Mengikut laporan yang diperolehi dari Pegawai Pemulihan Dadah di daerah-daerah seramai 20 orang telah didapati menagih semula, walau bagaimanapun seliaan sedang dijalankan kepada mereka supaya mereka tidak terus menagih.

(c) Program yang dijalankan supaya penagih-penagih dadah yang dibebaskan dapat diterima oleh masyarakat dan hidup dengan sempurna adalah seperti berikut:

(1) Semasa di dalam pusat, penagih-penagih dikehendaki menjalani aktiviti-aktiviti kaunseling, latihan vokasional, latihan agama, tatanegara dan latihan al-tentera untuk memupuk disiplin dan mewujudkan

sikap bekerja yang positif, keyakinan diri serta hubungan yang positif dengan masyarakat umum.

(2) Selepas dibebaskan daripada pusat penagih-penagih tidak dibiarkan bersendirinya untuk menjalani hidup dalam masyarakat terbuka, malahan mereka akan diselia dan dibimbing oleh Pegawai Pemulihan Dadah dengan kerjasama ahli-ahli masyarakat dan organisasi-organisasi setempat.

Program ini dilaksanakan kerana Kementerian saya sedar bahawa dengan cara melengkapkan penagih dengan kemahiran dan kebolehan untuk menjalani hidup yang berfaedah semasa dibebaskan tidak mencukupi sekiranya masyarakat sendiri tidak bersedia untuk menerima penagih bekejaan menjalani kehidupan mereka sebagaimana anggota-anggota masyarakat yang lain. Untuk mencapai tujuan mengubah sikap masyarakat ini Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

(i) Pegawai Pemulihan Dadah berusaha untuk mendorong penagih dadah yang telah dibebaskan dari pusat supaya menganggotai dan menyertai aktiviti persatuan-persatuan seperti Kelab Belia, Kebajikan, Agama dan Sukan.

(ii) Menubuhkan Jawatan-kuasa Pemulihan Dadah untuk menarik penyertaan aktif anggota masyarakat yang berpengaruh dalam

kawasan tempat tinggal penagih berkenaan. Di samping untuk membantu penagih dadah menjalani kehidupannya, Jawatankuasa ini juga berusaha untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai betapa perlunya mereka bersamasama berusaha dalam menghadapi masalah penagih-penagih dadah. Setakat ini sambutan terhadap penubuhan jawatankuasa ini amatlah menggalakkan.

- (iii) Menarik penyertaan organisasi setempat seperti Rukun Tetangga dalam usaha-usaha pemulihan. Dengan cara itu ahli-ahli Rukun Tetangga juga dapat mengenali penagih dadah secara dekat dan dapat memahami bahawa penagih dadah boleh dipulihkan menjadi anggota masyarakat yang produktif dan berguna. Oleh itu mereka dapat mendorong masyarakat menerima bekas penagih dadah berkecimpung dalam aktiviti sosial dan ekonomi setempat.

Dengan adanya program di atas, Kementerian saya yakin penagih-penagih dadah boleh dipulihkan dan menjadi anggota masyarakat yang berguna.

#### **MAJUIKAN—MENGHENTIKAN KEGIATAN**

**44. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang merentikan kegiatan "Majuikan", jika ya, bila; dan

- (b) jika tidak apakah tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan perusahaan perikanan yang boleh dimajukan dan dapat meletakkan kaum nelayan di satu tahap yang lebih menguntungkan.

#### **Dr Goh Cheng Teik:**

- (a) Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menghentikan kegiatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia(LKIM).
- (b) Tindakan yang telah diambil untuk memajukan perusahaan perikanan termasuklah menggalakkan kaedah penangkapan ikan yang lebih moden dan menguntungkan para nelayan. Dalam hal ini, Kerajaan telah menyediakan program-program khusus bagi nelayan yang ingin memiliki bot-bot yang lebih besar ataupun meningkatkan keupayaan bot-bot mereka dengan mendapatkan kemudahan pinjaman melalui Bank Pertanian. Perusahaan ternakan juga digalakkan di mana nelayan-nelayan digalakkan menjalankan projek ini secara berkelompok. Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur perikanan bagi memudahkan nelayan mengendalikan hasil tangkapan mereka. Latihan-latihan dan penerangan-penerangan telah diberikan kepada sebahagian dari nelayan bagi membolehkan mereka menggunakan peralatan yang lebih baik untuk menangkap ikan.

Dalam jangka masa panjang, Kerajaan bercadang hendak mengeluarkan sebahagian dari nelayan dari aktiviti penangkapan ikan. Nelayan-nelayan yang akan

keluar digalakkan untuk menyertai aktiviti di sektor ekonomi yang lain seperti pertanian dan pembinaan. Dengan pengeluaran ini, diharapkan nelayan yang masih menjalankan aktiviti penangkapan ikan akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Nelayan-nelayan ini digalakkan untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan laut dalam, perusahaan ternakan dan perusahaan yang berasaskan perikanan.

#### **PENYALAHGUNAAN DADAH KAUM WANITA**

**45. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai kaum wanita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah; jikalau ada daripada golongan manakah mereka itu, adakah dari golongan kakitangan kerajaan atau orang-orang awam; dan adakah mereka itu ditempatkan di bawah pusat pemulihan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 1970 hingga 1984 seramai 104,225 orang penagih dadah telah dikesan. Dari jumlah ini seramai 2,450 orang atau 2.35% adalah terdiri dari kaum wanita. Segolongan yang besar daripada mereka adalah terdiri daripada pekerja-pekerja di kelab-kelab malam dan tempat-tempat hiburan. Manakala yang bakinya adalah daripada golongan suri rumahtangga dan mereka yang tidak bekerja.

2. Pada akhir Januari 1985, terdapat seramai kira-kira 130 orang banduan wanita yang menjalani proses pemulihan dadah di penjara-penjara manakala seramai 99 orang lagi pada masa ini sedang menjalani pemulihan di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Ada juga sebilangan kecil wanita yang terlibat

dengan penagihan dadah menjalani pemulihan di Pusat Kemajuan Wanita di Ipoh yang di kendalikan oleh pertubuhan bukan Kerajaan. Usaha-usaha sedang dibuat bagi menubuhkan sebuah pusat pemulihan dadah wanita di bawah pengendalian Kementerian Dalam Negeri.

#### **LADANG GETAH/KELAPA SAWIT—PERANGKAAN**

46. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) ladang-ladang getah dan kelapa sawit dengan keluasannya yang masih dimiliki oleh syarikat-syarikat luar negeri di dalam Malaysia; dan
- (b) tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membeli balik semua ladang-ladang getah dan kelapa sawit dari syarikat-syarikat luar negeri itu, agar menjaga ekonomi negara.

**Dr Mohamad Yusof bin Mohd. Noor:**

- (a) Mengikut perangkaan yang ada pada Kerajaan, dari seluas 1.2 juta hektar ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang dimiliki oleh syarikat-syarikat perladangan, seluas 53,668 hektar ataupun 5% masih dikuasai oleh syarikat-syarikat asing; dan
- (b) Kerajaan, menerusi agensi-agensi penyusunan semulanya telah pun membeli balik sebahagian besar daripada ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang dipunyai oleh syarikat-syarikat luar negeri bagi tujuan penyusunan semula masyarakat. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak lagi ladang-ladang yang dipunyai oleh syarikat-syarikat luar negeri. Tetapi bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk

mengambilalih semua ladang-ladang itu. Kerajaan akan membenarkan pemilikan ladang-ladang oleh syarikat-syarikat asing tertakluk kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru. Bagi masa hadapan, usaha Kerajaan dari segi meneruskan pembelian balik ladang-ladang ini adalah terhad disebabkan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh negara. Selaras dengan dasar penswastaaan, sektor swasta tempatan adalah digalakkan dan digesa untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dari segi penyusunan semula hakmilik perladangan di negara ini.

#### MAS—PENGENDALIAN JEMAAH HAJI DI JEDDAH

**47. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimana caranya pihak Pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) di Jeddah dalam mengendalikan tempahan tiket dan penerbangan balik para Jemaah yang mengerjakan ibadat Umrah sepanjang bulan November dan Disember, 1984 yang dilaporkan ramai tergendala ketika hendak pulang ke Tanah Air; dan nyatakan sama ada beliau menyedari hal tersebut dan kalau sedar, adakah pernah pihak odit—MAS sendiri telah membuat penyiasatan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Pihak MAS sentiasa mengambil berat terhadap perkara pengendalian tempahan tiket sama ada untuk penumpang-penumpang yang membuat penerbangan-penerbangan biasa atau para Jemaah yang mengerjakan ibadat Umrah.

Ini adalah untuk menentukan bahawa para penumpang tidak menghadapi kesulitan untuk mendapat penerbangan sama ada untuk berangkat dari ataupun pulang ke tanah air. Walau bagaimanapun kadangkala terdapat keadaan di mana para penumpang menghadapi kesulitan untuk mendapat tiket khususnya semasa musim-musim perayaan atau cuti sekolah di mana penerbangan-penerbangan MAS biasanya ditempah penuh. Dalam hal ini, MAS akan mencatatkan nama-nama penumpang yang tidak dapat pengesahan tiket di dalam senarai tungguan (waiting list) dan apabila terdapat kekosongan, penumpang-penumpang di dalam senarai tungguan akan diberi keutamaan.

Menurut amalan biasa, kesemua penerbangan-penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Jeddah dan sebaliknya pada musim-musim cuti sekolah adalah ditempah penuh oleh Jemaah yang mengerjakan ibadat Umrah dan juga penumpang-penumpang lain. Pada musim cuti sekolah yang lalu, adalah didapati bahawa terdapat segolongan para Jemaah yang menghadapi untuk pulang ke tanah air. Pihak MAS telah pun menjalankan penyiasatan mengenai perkara ini dan adalah didapati bahawa satu golongan kecil pada Jemaah telah membuat perjalanan untuk mengerjakan ibadat Umrah pada musim cuti bulan November/Disember 1984 lalu dengan menggunakan "open-dated tiket" iaitu tiket di mana tarikh pulang tidak ditetapkan. Walaupun MAS telah memberi nasihat kepada golongan kecil para Jemaah ini bahawa ada kemungkinan mereka akan menghadapi kesulitan untuk mendapat penerbangan pulang memandangkan bahawa semua penerbangan pulang pada musim itu adalah ditempah penuh, tetapi golongan ini masih lagi ingin meneruskan perjalanan mereka

dengan harapan mereka akan dapat tempat-tempat duduk di dalam penerbangan-penerbangan pulang sekiranya terdapat tempat-tempat kosong akibat pembatalan penempahan oleh penumpang-penumpang lain. Memandangkan itu pihak MAS telah pun mengeluarkan "open-dated ticket" kepada golongan itu. Tetapi, dukacitanya, golongan ini tidak dapat tempat duduk untuk penerbangan pulang pada tarikh-tarikh yang mereka kehendaki dan oleh itu mereka terpaksa menunggu untuk penerbangan-penerbangan kemudian untuk pulang ke tanah air.

#### RTM—DRAMA DALAM BAHASA TAMIL

**48. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM akan membuat dan menyiarkan drama dalam Bahasa Tamil, jika ya, bila rancangan ini akan dimulakan dan berapa sekali pula dalam seminggu atau sebulan.

**Dato' Rais Yatim:** Pada masa ini Kementerian saya belum lagi merancang untuk menerbit dan menyiarkan drama dalam Bahasa Tamil.

#### PROTON SAGA— PENGLIBATAN BUMIPUTERA

**49. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan dalam pelaksanaan projek kereta "PROTON SAGA" sejauh mana penglibatan syarikat-syarikat Bumiputera sebagai pengeluar/pembekal komponen-komponen tempatan dibandingkan dengan pengeluar/pembekal bukan Bumiputera mengikut jenis-jenis komponen tersebut.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Dari jumlah 20 buah syarikat yang mungkin membekal komponen-komponen tempatan untuk PROTON SAGA, 8 adalah syarikat Bumiputera dan 12 lagi syarikat bukan Bumiputera.

#### KEMEROSOTAN EKONOMI DI LABUAN

**50. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk meningkatkan perkembangan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan yang kian merosot sejak Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Masalah kemerosotan ekonomi bukan sahaja dialami di Wilayah Persekutuan Labuan, tetapi juga wujud di Semenanjung Malaysia dan negara-negara lain di dunia. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah kawasan yang ditadbir di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, kita sememangnya berusaha sedaya upaya untuk membangunkan Labuan supaya setanding dengan pembangunan yang dijalankan di Kuala Lumpur. Pada tahun 1985 ini misalnya, anggaran perbelanjaan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di Labuan ialah sebanyak \$76,885,843.00. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang akan datang ini, jumlah sebanyak \$335,138,490.00 telah dipohon untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Di masa yang sama bidang-bidang yang mempunyai potensi terhadap pembangunan Labuan seperti industri pelancungan, industri ringan dan peningkatan peranan sektor komersial akan diberi perhatian utama. Pihak swasta juga turut digalakkan untuk memainkan peranan

mereka dalam membangunkan Labuan. Dalam hal ini Kementerian akan mengamalkan dasar "siapa dulu dia dapat" (first come, first serve) iaitu berlainan dengan di lain-lain kawasan di mana pelaksanaan projek dibuat melalui proses tawaran dan persaingan. Langkah ini menggambarkan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bagi membangunkan Labuan.

sakibakinya. Kemudahan ini diberi semata-mata di atas dasar perikemanusiaan.

Kemasukan pendatang haram Vietnam adalah diketahui serta dikawal rapi oleh pihak Kerajaan. Justru itu, keselamatan negara tidaklah terjejas dan Kerajaan tidak bercadang untuk mencegah pendaratan pendatang haram Vietnam selagi mereka ditempatkan semula oleh negara-negara ketiga.

#### PELARIAN VIETNAM DI PULAU BIDONG

**51. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pelarian Vietnam yang masih menunggu pemindahan di Pulau Bidong dan lain-lain pusat pelarian di negara ini;
- (b) pendirian Malaysia terhadap pelarian-pelarian Vietnam ini dan sama ada akan menerima dan menempatkan pelarian-pelarian Vietnam ini atas dasar perikemanusiaan; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kemasukan pelarian-pelarian Vietnam ini yang telah menjadi masalah kepada negara kita.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pada 15hb April 1985, seramai 5,201 orang pendatang haram Vietnam berada di Pulau Bidong dan 2,713 orang ditempatkan di kem sementara di Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Berdasarkan kepada persetujuan yang dicapai di Geneva pada tahun 1979, Malaysia, bersama negara-negara lain di Asia Tenggara, sanggup menjadi negara lindungan pertama (First Asylum Country) kepada pendatang haram Vietnam dengan syarat mereka dipindahkan untuk menetap ke negara-negara ketiga dan Malaysia tidak dibebankan dengan

#### BIJIH TIMAH—SUMBER

**52. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyak dan berapa lama lagi sumber bijih timah akan dapat diperolehi daripada bumi kita dan di manakah ianya masih terdapat dengan mencukupi untuk diusahakan dan nyatakan nasib komoditi ini buat masa depan.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Paul Leong Khee Siong):** Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa enapan bijih timah bukan sahaja di negara ini, bahkan juga di mana-mana negara adalah amat sukar ditentukan dengan secara tepat. Ini adalah disebabkan bahawa penentuan secara tepat ini akan melibatkan perbelanjaan dan kos yang terlalu tinggi. Apa yang dapat ditentukan daripada usaha ini ialah hanya setakat wujudnya enapan bijih timah di beberapa kawasan yang tertentu dan pihak, swasta yang berminat seterusnya perlu menilai secara terperinci kawasan-kawasan berkenaan bagi menentukan jumlah enapan yang boleh diusahakan secara ekonomik.

Dengan yang demikian tempoh perusahaan melombong bijih timah tidaklah dapat ditentukan dengan tepat. Sejauh mana dan berapa lama sumber ini boleh diperolehi dan diusahakan akan bergantung kepada

penilaian teliti oleh pihak swasta yang berminat, teknologi yang ada dan digunakan, serta harga timah di pasaran. Berasaskan anggaran pengeluaran semasa, perusahaan melombong bijih timah akan berterusan buat beberapa dekad lagi.

Kawasan-kawasan yang mempunyai enapan bijih timah termasuklah beberapa tempat di negeri-negeri Perak, Selangor, Pahang, Johor, Terengganu, Negeri Sembilan, Kedah dan Wilayah Persekutuan. Beberapa kawasan yang berpotensi lagi di negeri-negeri Melaka, Perlis dan Kelantan sedang dikaji untuk menentukan sama ada ianya dapat diusahakan.

Pasaran timah ketika ini sedang melalui dan mengalami satu tempoh masa di mana permintaannya adalah terhad di samping menghadapi pertambahan pengeluaran. Di samping itu penggunaan timah juga menghadapi persaingan daripada kemajuan teknologi dan bahan-bahan gantian seperti aluminium, plastik dan kertas minyak. Oleh itu adalah jelas bahawa masa depan perusahaan timah adalah bergantung kepada peningkatan usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan penggunaan dan pengluasan penggunaan timah di samping mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluar anggota dan juga bukan anggota Majlis Timah Antarabangsa untuk mengurangkan pengeluaran supaya bekalan timah yang masuk ke pasaran adalah sejajar dengan permintaan.

Dalam hubungan ini suka saya memaklumkan bahawa di Mesyuarat Khas Para Menteri Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC), persetujuan telah dicapai untuk mengujudkan pertalian di antara Persatuan berkenaan dengan Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) yang berpusat di London di mana Institut ini akan digunakan sebagai jentera penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah bagi

mencapai matlamat utama penubuhan ATPC. Persetujuan juga telah dicapai di mana buat permulaan sumber kewangan ITRI telah ditambah kepada 11.75 juta pound sterling bagi mencapai rancangan penyelidikan 5 tahun sehingga 1990. Dengan perkembangan ini saya penuh harapan bahawa masa depan penggunaan timah kelihatan cerah.

#### KEMPEN ANTI—MEROKOK

**53. Tuan D. P. Vijandran** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan menyokong kempen anti-merokok Kerajaan.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian):** Kerajaan telah pun mengeluarkan garis panduan tatasusila bagi membantu menjayakan Kempen Anti-Merokok. Garis Panduan itu terkandung dalam surat Pekeliling Am Bilangan 12 Tahun 1982. Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang bertanya, beberapa langkah telah pun diambil dan di antaranya ialah:

- (a) Pegawai-pegawai Kerajaan yang berhubung terus dengan orang ramai tidak dibenarkan merokok semasa bertugas di kaunter atau dalam pejabat. Pegawai-pegawai luar (Field Officers) tidak dibenarkan merokok semasa menjalankan tugas.
- (b) Para hadirin tidak dibenarkan merokok semasa mesyuarat ataupun seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kerajaan.
- (c) Tidak boleh merokok dalam kenderaan-kenderaan Rasmi Kerajaan. Di samping itu notis melarang merokok diletakkan di bilik-bilik mesyuarat, bilik menanti orang awam, di



kaunter-kaunter khidmat dan di dalam pejabat. Tempat-tempat abu rokok juga tidak disediakan dalam bilik-bilik mesyuarat dan bilik menanti.

**UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN  
KESELAMATAN SOSIAL  
MEMINDA**

**54. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meminda undang-undang Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) supaya dapat pekerja-pekerja yang didaftarkan di bawah SOCSO diberi pilihan bagi mendapatkan tuntutan gantirugi mereka sama ada di bawah "Common Law" atau pun di bawah SOCSO.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam);** Di bawah Undang-undang PERKESO, pihak majikan adalah dikehendaki membayar semua caruman bagi Skim Insurans Bencana Pekerjaan. Ini bermakna bahawa para majikan menanggung segala perbelanjaan dan kerugian terhadap tuntutan faedah kecederaan pekerja akibat dari kemalangan semasa menjalankan tugasnya. Memandangkan kepada hakikat ini, adalah difikirkan tidak wajar bagi pihak majikan membeli polisi insurans swasta bagi perlindungan "Common Law" di samping membuat caruman PERKESO iaitu membeli dua jenis perlindungan bagi suatu kemalangan yang sama.

Mengikut skim sekarang, seseorang pekerja yang ditimpa kemalangan boleh mendapat faedah kecederaan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial dengan cepat, mudah dan terjamin. Sebaliknya, jika seseorang pekerja dibenarkan menuntut gantirugi di bawah "Common Law" maka ia perlu membuktikan bahawa kemalangan itu adalah disebabkan kecuaiian atau kelalaian majikannya.

Proses untuk mendapatkan gantirugi melalui Mahkamah akan mengambil masa yang agak panjang dan melibatkan perbelanjaan tambahan untuk memperolehi perkhidmatan Peguambela. Oleh yang demikian, penyelesaian di bawah "Common Law" tidaklah semestinya menguntungkan pihak pekerja sebagaimana yang disangkakan oleh orang ramai.

Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang meminda undang-undang PERKESO pada masa sekarang.

**PENGUNDIAN WAJIB  
PILIHANRAYA**

**55. Tuan M. G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau ingin mewajibkan pengundian di Pilihanraya Umum memandangkan bahawa masih terdapat sebilangan besar daripada rakyat negara kita yang enggan mengundi selepas 25 tahun Parlimen ditubuhkan di Malaysia dan sama ada sebarang cadangan untuk mengurangkan umur pengundian kepada 18 tahun.

**Dr Mohamed Yusof bin Mohd. Noor:** Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan pengundian secara wajib kepada orang ramai yang layak membuang undi dalam Pilihanraya Umum yang akan datang dan tidak ada cadangan untuk merendahkan had umur kelayakan untuk mengundi kepada 18 tahun.

**TAPAK PERUMAHAN  
BELUM DIMAJUKAN**

**56. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai orang yang telah diberi tapak tanah di sekitar Wilayah Persekutuan sejak beberapa tahun dahulu hingga sekarang belum berbuat

apa-apa di tapak-tapak tersebut hinggakan tapak-tapak tersebut menjadi semak samun, terbiar dan menjolok mata, jika sedar, nyatakan sama ada beliau akan rmemaksa orang-orang berkenaan supaya mendirikan rumah-rumah mereka dalam tempoh masa tertentu, dan jika mereka tidak berbuat demikian, supaya merampas semula tapak-tapak tanah tersebut dan memberikannya kepada pemohon-pemohon lain yang betul-betul memerlukan dan tidak menjualkan kepada orang lain.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Kementerian Wilayah Persekutuan memaiig sedar terdapat sebilangan kecil lot-lot perumahan yang belum dimajukan. Ini adalah disebabkan dahulunya lot-lot perumahan ini diberi milik secara berkelompok, tanpa dimajukan infrastrukturnya terlebih dahulu. Justeru itu sukarlah bagi tuanpunya tanah memajukannya secara bersendirian. Tuan-tuan tanah berkenaan telah dinasihat supaya berikhtiar sesama sendiri bagi mengadakan infrastruktur untuk menghubungi lot-lot masing-masing. pejabat Tanah akan mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah Kanun tanah Negara terhadap tuan punya yang tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan setelah kes itu dikaji dengan cermat.

#### PENJAJA BANDARAYA

**57. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan mengotorkan Bandaraya. Jika sedar, nyatakan tindakan yang telah diambil.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Soalan ini adalah sama dengan soalan yang telah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 16hb April, 1985. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam." (16hb April, 1985).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

3.31 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bangun juga untuk turut serta bagi menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diucapkan dalam pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda walaupun pendek tetapi padat kerana Baginda telah menyentuh semua aspek dan melibatkan semua golongan masyarakat yang ada di dalam negara Malaysia ini.

Saya berharap teguran dan nasihat daripada Baginda itu akan memberi perangsang kepada kita semua seluruh rakyat Malaysia untuk kita hidup dengan berbaik-baik sangka di antara satu dengan yang lain. Mudah-mudahan Negara kita akan bertambah maju dan rakyat hidup dalam aman dan bahagia, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga telah menyentuh yang Kerajaan akan mengeraaskan badan-badan pentadbiran di dalam segala bidang. Ini bermaksud bahawa pegawai-pegawai pentadbir adalah penting. Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan telah mengadakan dasar dan pihak pegawai-pegawai Kerajaan adalah sebagai pentadbir bagi menjalankan segala dasar-dasar ini. Manakala pentadbir itu dapat berjalan atas dasar-dasar yang dimajukan oleh pihak Kerajaan itu maka dasar itu akan dapat berjalan dengan baik demi untuk kepentingan rakyat jelata seluruhnya di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapati di dalam segi pentadbiran, kita rasa banyak yang kita terdapat perkara-perkara yang anih berlaku dalam mentadbirkan dasar-dasar Kerajaan kita ini. Jadi, saya ingin menyentuh beberapa contoh yang terdapat di dalam badan-badan pentadbiran di negara kita ini. Yang menyebabkan berlaku begini ialah disebabkan oleh tidak ada pengawasan ataupun tidak ada perancangan yang teliti sebelum dasar-dasar itu dilaksanakan. Inilah yang menimbulkan masalah-masalah terutama sekali yang merugikan ialah rakyat-rakyat di luar bandar.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan LPN kerana di tempat saya ini masyhor dengan LPN dan padi. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati dalam surat khabar ada dinyatakan bahawa padi-padi yang dijual oleh pihak petani-petani telah bertimbun-timbun terbiar di luar kompleks LPN kerana disebabkan oleh pengawasan ataupun pemikiran daripada pihak-pihak berkenaan tidak sampai ke matlamat bahawa pada suatu masa nanti padi akan bertimbun-timbun datang ke kompleks LPN.

Oleh sebab yang demikian, maka padi-padi itu tidak dapat dikisar dan diletakkan di luar kompleks LPN maka padi-padi itu telah pun didedah kepada panas dan hujan. Maka dengan sebab itulah padi-padi itu rosak dan hancur sama sekali. Maka istiharlah pihak Kerajaan bahawa oleh sebab padi-padi yang rosak yang dijual oleh pihak petani-petani maka Kerajaan rugi \$50 juta dalam tahun ini sahaja. Ini tidak lain dan tidak bukan hendak disalahkan balik kepada petani-petani itu sendiri kerana kononnya padi-padi yang dijual oleh petani-petani itu tidaklah datang daripada mutu yang baik. Jadi yang sebenarnya kalau tuan-tuan berkesempatan pergi melihat di Kedah ataupun di Perlis masih ada lagi padi-padi yang bertimbun-timbun di luar kompleks LPN ini dan kita dapati sedang reput sekarang. Jadi, inilah yang dikatakan rancangan ataupun pentadbiran yang tidak cekap oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Maka yang menerima akibatnya ialah pihak-pihak petani. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini patut dirancang dengan lebih awal supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah juga menyebut berkenaan dengan menggalakkan rakyat bekerja keras iaitu supaya dapat mengeluarkan hasil

Negara kita. Dalam segi pertanian, sama ada penternakan, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Pada masa sekarang petani-petani telah pun berusaha untuk memelihara itik, ayam, menanam buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya. Tetapi yang timbul sekarang ialah masalah pemasaran yang perlu diambil berat oleh pihak Kerajaan.

Di sini, saya suka menyarankan supaya pihak FAMA dapat mengemaskinikan rancangan ataupun pentadbiran mereka supaya dapat menolong petani-petani memasarkan hasil pertanian mereka. Jadi sekarang ini prestasi FAMA tidak begitu menggalakkan. Ada setengah-setengah pihak menyatakan apakah FAMA sedang buat sekarang. Dan FAMA tidak dapat langsung menolong pihak petani untuk memasarkan hasil-hasil daripada pihak petani. Inilah saya cadangkan supaya pihak FAMA memperkemaskinikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Baginda telah juga menyebut berkenaan dengan mengeneipkan sikap melampau dan keterlaluan supaya tidak menimbulkan sikap tidak stabil di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tidak menimbulkan kestabilan dalam Negara kita ini ialah berpunca daripada politik. Jadi, sejak wujudnya parti politik di negara kita ini maka timbullah ketidak stabilan di antara satu puak rakyat dengan satu puak rakyat yang lain.

Saya ingin menyentuhkan sedikit berkenaan dengan politik, ataupun parti-parti politik yang setengah daripada ahli-ahli mereka menunjukkan sikap yang tidak senang kepada kita, terutama sekali sikap melampau dan sikap yang tidak mencerminkan sebagai rakyat yang patuh ataupun yang taat kepada

negara ini. Lebih baiklah saya bawa, Tuan Yang di-Pertua, kepada perkara yang dekat iaitu yang mana berlaku pada masa pilihanraya di Padang Terap pada masa yang lepas. Kita lihat parti-parti Pembangkang, lebih tegas saya katakan parti PAS menunjukkan sikap yang liar, yang angkuh, yang menunjukkan mereka ini adalah seolah-olah samseng yang terhormat dalam pilihanraya yang baru lepas, hingga bergaduh dan berlakulah Peristiwa Berdarah di Lubuk Merbau.

Dalam tinjauan saya semasa di Padang Terap tempoh hari, yang mana saya telah ditempatkan selama lebih kurang seminggu untuk tinggal di Padang Terap, saya dapati bahawa perkara ini disebabkan oleh pengaruh daripada pemimpin-pemimpin PAS itu sendiri yang memberi api kepada pengikut-pengikutnya supaya bertindak begitu liar sekali hinggakan penduduk-penduduk di Padang Terap pada ketika itu seolah-olah dalam ketakutan, terutama sekali disebabkan oleh penyokong-penyokong daripada luar negeri yang datang ke negeri Kedah, yang mana mereka itu tidak kenal, tidak ada saudara-mara mereka di negeri Kedah, maka mereka ini bertindak dengan mengikut sesuka hati mereka, dengan sebab itulah berlakunya kekacauan.

Saya berharaplah kepada parti-parti, terutama sekali PAS supaya berfikir dua kali kerana dasar mereka ialah dasar Islam, tetapi apa yang mereka lakukan sekarang tidak mencerminkan langsung nilai-nilai Islam seperti mana yang disebutkan oleh setengah-setengah golongan mengatakan parti-parti Pembangkang ini terutama sekali PAS "Cakap Tidak Serupa Bikin", jadi berlakulah pergaduhan terutama sekali dalam pilihanraya. Saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan kerana apa yang saya hendak syorkan ialah pergaduhan yang berlaku adalah

disebabkan oleh perkara-perkara yang disebutkan di bawah ini terutama sekali saya syorkan kepada pihak Kerajaan ataupun pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya tarikh kempen pilihanraya ini patut dipendekkan dari dua minggu kepada seminggu ataupun 10 hari, kerana pergaduhan selalu berlaku dalam masa kempen pilihanraya. Jadi kita tidak guna panjangkan masanya kerana sekarang rakyat Malaysia ini telah faham, tak payah lagi kita kempen, makan masa yang panjang kerana dalam masa kempen pilihanraya inilah yang selalu berlaku pergaduhan di mana-mana sahaja yang kita dapat pada masa-masa yang lepas.

Satu lagi yang menimbulkan pergaduhan ialah masalah poster, kadang-kadang berebut menampal poster, ada yang setengah biasa berkelahi, bertikam dan sebagainya kerana poster. Jadi saya juga ingin mengesyorkan supaya poster ini dihapuskan, kita tidak payah lagi gunakan poster-poster ini kerana poster-poster inilah yang mengakibatkan pergaduhan dan kita gunakan poster hanya ditampal kepada bilik-bilik gerakan atau bilik-bilik gerakan pilihanraya sahaja. Di segi pengalaman kita bahawa dengan sebab-sebab yang saya sebutkan tadi itulah yang menyebabkan pergaduhan yang berlaku semasa dalam kempen pilihanraya.

Kedua, supaya pihak Pasukan Keselamatan ataupun pihak yang berwajib supaya mengawasi kemasukan penyokong-penyokong daripada luar yang tidak terkawal kerana mereka inilah yang selalunya menimbulkan pergaduhan seperti mana yang berlaku di Padang Terap tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Yang di-Pertuan Agong telah juga menyebutkan berkenaan penerapan nilai-nilai Islam. Jadi penerapan nilai-nilai Islam yang diusahakan oleh

Kerajaan kita bukan lagi sampai pada matlamatnya, tetapi hendaklah kita usahakan supaya pada satu masa nanti akan sampai kepada matlamatnya.

Di dalam kegiatan Kerajaan menjalankan usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam, ada golongan-golongan yang merasai curiga tentang penakrifan nilai-nilai Islam ini. Bagi saya ada dua golongan, satu golongan yang bukan Islam dan satu lagi golongan ialah dari golongan orang Islam sendiri, yang bukan dalam golongan Islam janganlah ragu-ragu kerana penerapan nilai-nilai Islam sebahagiannya ialah supaya menggalakkan orang Islam ini rajin, bersih, tekun bekerja dan sebagainya. Bagi pihak orang-orang yang bukan Islam sekarang ini, nilai-nilai Islam telah pun ada pada mereka itu, mereka ini rajin bekerja, bersih dan giat dalam perniagaan. Islam juga menggalakkan kita menceburkan diri dalam perniagaan, jadi tidak ada sebab yang mereka ini mencurigai. Kalau kita hidup dalam sebuah negara kita ada curiga-mencurigai di antara satu dengan lain, maka kita tidak akan dapat hidup dengan aman dan damai dan saya berserulah kepada pihak-pihak yang tertentu supaya jangan berasa sangsi di atas usaha-usaha Kerajaan ini.

Kedua ialah golongan Islam sendiri yang mana mereka ini takut kalau usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini tidak dapat ditandingi oleh mereka itu sendiri kerana mereka sedang berlaung untuk menerapkan nilai-nilai Islam, tetapi mereka tidak dapat menjalankan kerana mereka cuma bercakap sahaja dan mereka takut usaha-usaha Kerajaan ini akan mencapai kejayaan. Jadi kepada mereka ini saya berserulah supaya jangan mencurigai sesama Islam, kerana ini adalah satu perkara yang tidak baik dipandang oleh masyarakat lain.

Saya ingin sentuh mengenai dengan perkhidmatan Pasukan Keselamatan yang disebutkan oleh Baginda dalam Ucapan Baginda tempoh hari. Pasukan Keselamatan ini adalah satu Pasukan yang telah menjamin kebahagiaan hidup kita kerana mereka inilah yang menjaga keselamatan kita dapat hidup dengan selesa, aman dan tenteram di negara kita ini. Jadi seperti mana saya telah sebutkan dahulu, kita tidak payahlah cuma sebut-sebut dalam majlis-majlis mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan kita memberi hormat kepada mereka ini, merekalah yang menjayakan keamanan dan sebagainya. Saya rasa tidak memadai dengan ucapan-ucapan kita sahaja dan saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius terhadap mereka ini. Ada beberapa perkara yang perlu kita bertindak dengan lebih tegas terutama sekali masalah perumahan, kerana sekarang ini kita lihat Pasukan-pasukan Keselamatan kita ini tinggal merata-rata tempat di kampung-kampung, kadang-kadang di tepi-tepi dapur orang, tinggal dengan tidak begitu senonoh dan perkara ini patut kita ambil tindakan kerana kita yakin dan percaya bahawa mereka inilah yang menjaga keamanan dan ketenteraman kita.

Ketiga masalah pelajaran anak-anak mereka ini. Saya selalu sebutkan bahawa kebanyakan ahli-ahli Pasukan Keselamatan kita sama ada askar, polis dan sebagainya, anak-anak mereka ini selalu tercicir dalam segi pelajaran kerana mereka ini berpindah-randah daripada satu tempat ke satu tempat.

Saya berharaplah kepada pihak Kerajaan supaya menyediakan asrama-asrama ataupun sekolah-sekolah asrama penuh untuk anak-anak Pasukan Keselamatan ini di bandar-bandar besar, seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Kuantan

dan sebagainya. Jadi dapat kita menempatkan anak-anak Pasukan Keselamatan ini supaya pelajaran mereka tidak akan tercicir. Saya berharap pihak Kerajaan akan menitikberatkan perkara ini supaya mereka ini tidak akan hidup dengan keadaan yang tidak menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang disebutkan oleh Baginda iaitu dasar luar negeri. Dasar luar negeri ini akan mencerminkan negara kita sama ada negara kita baik ataupun tak baik adalah peranan yang dimainkan oleh dasar luar negeri kita. Kita berharap kepada Kementerian Luar Negeri supaya memainkan peranan dengan lebih teratur dan lebih kemas bagi menjaya ataupun mencerminkan kedudukan negara kita ini. Selalu kita baca dalam suratkhbar-suratkhbar bahawa pihak Kementerian kita ataupun pihak Diplomat kita di luar negeri tidak menjalankan tugas mereka dengan baik, kerana risalah-risalah yang dihantar oleh pihak kita ke Pejabat-pejabat Diplomat di luar negeri tidak tersebar, disimpan begitu sahaja. Kadang-kadang rombongan-rombongan yang pergi melawat ke negeri-negeri tertentu, rombongan-rombongan itulah yang mengambil risalah-risalah itu menyebarkan kepada orang ramai. Jadi, ini menunjukkan mereka ini tidak menjalankan kerja ataupun tugas dengan teratur dan dengan sebab itulah ada setengah-setengah negara yang tidak mengenal Malaysia kita ini, di mana duduk Malaysia ini, dan inilah peranan yang penting sekali yang dapat dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri supaya dapat kita memperkenalkan negara kita kepada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masalah krisis Vietnam ataupun krisis Kampuchea, iaitu dalam ASEAN. Sekarang ini kita lihat Negeri Thai telah pun bersiap sedia menghadapi kemungkinan daripada askar-askar

Vietnam yang datang masuk ke negara mereka ini. Dalam 2, 3 hari ini askar-askar yang bercuti dipanggil balik kerana kemungkinan akan berlaku di negeri Thai kerana kemasukan askar-askar Vietnam. Tetapi saya ingin tahu apakah Kerajaan kita Malaysia sedang giat lakukan ataupun persediaan yang dibuat untuk kita menghadapi sebarang kemungkinan daripada negeri Thai nanti, kerana kita lihat tidak ada apa lagi yang kita buat persediaan, iaitu di perbatasan antara Malaysia dengan Thailand. Sekarang ini patut kita siap sedia kerana perkara ini mungkin akan berlaku bila-bila masa. Saya berharaplah supaya pihak Kementerian Luar Negeri ataupun Kementerian Pertahanan kita patut bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang akan mungkin datang daripada negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang dibangkitkan oleh Baginda berkenaan dengan semangat cintakan negara. Semangat cintakan negara ini adalah terletak kepada Dasar Pelajaran, ataupun Dasar Pendidikan di negara kita ini patut kita memperkembangkan, kerana daripada murid-murid sekolah itulah yang keluar nanti akan menjadi pemimpin negara kita. Sekiranya murid-murid yang keluar dari sekolah itu terdiri daripada murid-murid yang berdisiplin, maka pemimpin kita nanti akan muncul pemimpin-pemimpin yang berdisiplin. Saya rasa sekarang ini masalah disiplin murid-murid sekolah ini telah pun merosot, walaupun Kerajaan mengisytiharkan berbagai-bagai cara untuk mengatasi masalah disiplin murid-murid sekolah sekarang, malah lebih teruk lagi daripada masa-masa yang tepat. Kalau kita perhatikan sekarang masalah pakaian murid-murid itu sendiri, kita lihat pakaian murid-murid di sekolah sekarang ini tidak begitu kemas sekali. Jadi, ini menunjukkan tidak ada disiplin kepada murid-murid itu dan sekarang murid-murid sekolah

ataupun murid-murid sekolah menengah khususnya, tidak takut-takut lagi menghisap rokok di khalayak ramai. Ini menunjukkan disiplin murid-murid itu telah pun begitu rendah sekali dan kita berharap pihak Kementerian Pelajaran akan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, mudah-mudahan pada masa yang akan datang kita akan dapat pemimpin yang begitu berdisiplin demi untuk kepentingan negara kita dan rakyat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dalam saya membahaskan Ucapan Tuanku dan saya sekali lagi dengan sukacitanya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku tempoh hari. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Husein Ahmad.

*3.57 ptg.*

**Tuan Haji Husein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian sama di dalam perbahasan usul Menjunjung Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong di Parlimen pada 25hb Mac yang lalu ini.

Di samping menyokong penuh di atas usul ini, saya mohon mengambil bahagian dan saya mohon menyedut beberapa rangkap Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di antaranya, "Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita". Memang dasar demokrasi yang telah dipergunakan oleh kita sejak daripada kita mencapai kemerdekaan sehingga sekarang ini telah membentuk wajah kita sebagaimana yang kita ada pada ketika ini. Dan ternyata keseluruhannya seluruh masyarakat dan rakyat menerima dan menjunjung dasar demokrasi yang diamalkan oleh pemerintah kita ini

sehingga hasil daripada dasar demokrasi inilah lahirnya berbagai-bagai pertubuhan politik yang mempunyai ideologi yang tersendiri. Lahirnya parti pemerintah yang menjunjung daulat demokrasi ini menjaga kepentingan demokrasi ini sehingga memberi hak kepada setengah-setengah golongan yang boleh mengambil kesempatan mempergunakan dasar demokrasi ini semata-mata bagi kepentingan untuk mencapai matlamat mereka sahaja.

Umpama, Tuan Yang di-Pertua, lahirnya parti-parti politik di negara kita ini termasuk parti-parti Pembangkang adalah berlandaskan kepada dasar demokrasi yang diamalkan di negara kita ini. Tetapi malangnya dasar yang baik ini yang telah diterima oleh seluruh rakyat ini, termasuk anggota-anggota parti Pembangkang ini, tidak diterima dengan sepenuhnya; sebaliknya ada di antara mereka menerima dasar-dasar ini semata-mata bagi kepentingan peribadi dan kepentingan golongan dan parti mereka sahaja, manakala apa yang diputuskan oleh dasar demokrasi ini yang tidak menguntungkan mereka sama ada peribadi atau parti politik mereka, mereka ketepikan, bukan sahaja diketepikan bahkan memperhinkannya.

Sebagaimana yang telah disebut oleh ramai anggota Dewan di dalam Majlis ini, peristiwa menurunkan gambar Dato' Seri Perdana Menteri dan Dato' Timbalan Perdana Menteri di Dewan Bahasa dan Pustaka oleh sebuah parti politik yang lahir di atas landasan demokrasi di negara ini. Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri tak pernah meminta supaya gambar-gambar mereka ini ditampal di mana-mana Dewan termasuklah Dewan Bahasa, tetapi oleh kerana hendak menunjukkan bahawa pengalaman dasar demokrasi

dan keputusan demokrasi harus diterima oleh semua golongan sama ada yang bersetuju atau tidak, itu ialah merupai tonggak amalan di negara ini maka justeru itu gambar para pemimpin negara yang telah diputuskan oleh dasar demokrasi ini diletakkan di Dewan-dewan seperti Dewan Bahasa ini sekadar menandakan bahawa keputusan demokrasi meletakkan amanah dan kepercayaan kepada mereka bagi memastikan tuah baik negara ini sepanjang kepimpinan mereka bagi kepentingan rakyat di negara ini. Malangnya, niat baik ini, tujuan baik ini, telah dipergunakan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab sehingga gambar ini diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang tak ada apa, seolah-olah kerja seperti ini kerja anak-anak nakal sahaja, ambil buang, yang tak suka dibuang, yang suka ditampal; tetapi di sebaliknya harus dimengertikan terutama oleh pihak pemerintah gejala-gejala atau implikasi daripada tingkah-laku yang dianggap kurang sopan ini, yang dianggap kurang mantap ini, yang dianggap menolak keputusan demokrasi ini harus disadari bahawa-bahana yang terpaksa ditanggung oleh kita semua. Apa lagi gejala-gejala ini berlaku di dalam kalangan pertubuhan politik.

Tuan Yang di-Pertua, lumrah di negara kita ini berbagai-bagai kempen berlaku termasuklah kempen anti denggi. Nyamuk aedes yang membawa penyakit demam denggi begitu lumrah kita kempen untuk dihapuskan sehingga kerana nyamuk boleh kita menghukum orang-orang yang tak kena keturunannya dengan nyamuk. Tetapi tidak pernah berlaku di dalam sejarah dunia ini sejak di zaman manusia tamaddun ini seekor nyamuk denggi boleh membunuh sehingga berpuluh-puluh ribu atau berjuta manusia. Sebaliknya penyakit yang



dibawa oleh pertubuhan politik seperti penyakit yang sedang berlaku di dalam negara kita ini lebih merbahaya daripada nyamuk denggi, daripada nyamuk aedes kerana penyakit politik bukan sahaja boleh membunuh beratus-ratus ribu, bahkan penyakit politik boleh membunuh berjuta manusia dan boleh membunuh di dalam tempoh sesaat beratus ribu manusia seperti apa yang berlaku di Hiroshima dan di Nagasaki.

Demikian juga apa yang berlaku kerana penyakit-politik politik di negara-negara lain yang juga pernah disebut di dalam Dewan yang berdaulat ini. Saya berharap bagi pihak pemerintahan menyedari hakikat penyakit politik yang amat merbahaya ini demi keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat di negara kita Jni.

Tuan Yang di-Pertua, pohon saya menyebut beberapa rangkap lagi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutama melahirkan sikap kesederhanaan pemerintahan di negara kita ini. Memang negara kita ini mengamalkan sikap yang sederhana di dalam segala tindakannya. Sederhana yang sesuai dengan keadaan ala di negara kita ini, sesuai dengan keadaan tuntutan agama yang diamalkan di negara kita ini, sesuai dengan keadaan agama yang menjadi agama rasmi di negara kita ini tetapi sederhana juga mempunyai tahap-tahapnya. Kalau sederhana yang sudah keterlaluan sederhanaanya tidak dianggap sederhana lagi bahkan mungkin boleh dianggap lemah atau kalau sederhana yang keterlaluan keras sederhanaanya maka sederhana tidak dianggap sederhana lagi, mungkin sederhana sudah bertukar menjadi satu sikap yang lain. Di atas sikap yang baik, sikap sederhana yang diamalkan oleh Kerajaan kita ini malangnya telah diambil kesempatan pula oleh setengah golongan lain.

Kebetulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik daripada Sabah dan di Sabah sekarang ini kerana sikap sederhana yang ada pada Kerajaan kita ini beberapa golongan tertentu telah mengambil kesempatan melahirkan fitnah-fitnah dengan sewenang-wenang, melahirkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan bertanggungjawab dengan sewenang-wenang bukan sahaja dengan secara sembunyi-sembunyi atau berbisik-bisik tetapi di hadapan khalayak umum, di hadapan orang Majlis yang ramai.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu bila sebuah negara Semenanjung dilahirkan di dunia ini tetapi lumrah digunakan di Sabah negara Semenanjung telah menjadi penjajah kepada Sabah dan negeri Sabah menjual sebahagian negeri Sabah kepada penjajah Semenanjung iaitu Pulau Labuan.

Baru sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, salah seorang anggota Dewan bertanya kepada pemerintah, kepada Kerajaan di dalam soal pelaksanaan pembangunan di Pulau Labuan. Ertinya oleh kerana Labuan telah dijadikan salah satu daripada Wilayah Persekutuan maka terpaksa peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ini ditambah, diberi kepada Pulau Labuan yang seharusnya sebelum daripada ini sepatutnya peruntukan yang sedemikian tidak diambil daripada Kerajaan Pusat yang harus dipergunakan daripada peruntukan Kerajaan Negeri Sabah. Maka mahu tidak mahu sekarang untunglah Negeri Sabah kerana peruntukan yang harus dibangunkan ke Pulau Labuan ini boleh dipergunakan di kawasan-kawasan yang lain di seluruh Negeri Sabah bagi kepentingan rakyat di Sabah.

Jika diperhitungkan dengan secara kasarnya rugilah Kerajaan Persekutuan ini kerana peruntukan ini

harus dipergunakan di Labuan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak mempersoalkan soal jual-beli kerana walau bagaimana Pulau Labuan, tanah di Labuan itu tak boleh diangkut dan diangkat dibawa ke mana-mana negeri di dalam sebelah sini sama ada di Kelantan, Perak, Johor atau Terengganu. Tetapi masalah penyakit yang dilemparkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab ini dan yang akan membahayakan kedudukan negara ini berleluasa.

Semenanjung menjajah Sabah kerana Perdana Menteri orang dari Semenanjung, Timbalan Perdana Menteri orang dari Semenanjung. Kalau hendak dikira Perdana Menteri orang di Semenanjung, saya orang Kelantan, ramai lagi Yang Berhormat sahabat saya daripada Selangor. Orang Kelantan tak pernah jadi Perdana Menteri, orang Selangor tak pernah jadi Perdana Menteri tetapi kita tidak terasa Kelantan dijajah, Selangor tak terasa Selangor dijajah.

Bahkan, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengenalan saya dengan Tuan Yang di-Pertua sendiri secara peribadi, kalau tidak silap pengenalan saya Tuan Yang di-Pertua sendiri ialah berasal daripada Sabah. Sekarang kami mengucapkan tahniah di atas kepercayaan dan perlantikan amanah yang diberi oleh para pemimpin, Tuan Yang di-Pertua telah dilantik dan menjalankan tugas di Dewan yang berdaulat ini. Tuan Yang di-Pertua yang kami pertuankan keseluruhan anggota Dewan ini sepanjang berada di Dewan ini, kami menghormatinya sebagaimana kami menghormati Dewan yang berdaulat ini.

Sepeninggalan, Tuan Yang di-Pertua, diganti oleh Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai dari Sarawak. Kami menghormati beliau tetapi bukan bererti bahawa Sabah dan Sarawak mula menjajah Negeri Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis

atau Johor. Ini menunjukkan bahawa persetujuan yang telah dipersetujui oleh kita bersama di seluruh negara ini seketul bumi di Sabah atau di Sarawak sama nilainya kepada setiap individu rakyat di Malaysia ini dengan seketul bumi di Kelantan atau di Terengganu juga di Negeri Kedah. Kita mempunyai hak yang sama.

Maka di dalam soal penjajahan saya kira apa yang diutarakan oleh setengah-setengah golongan di Sabah ini hanyalah semata-mata untuk melahirkan suatu sikap kebencian daripada rakyat Negeri Sabah kepada pemerintahan di negara kita yang dihasilkan oleh demokrasi yang menjadi amalan kita sekarang ini. Golongan-golongan ini jangan diperbiarkan. Golongan-golongan ini membawa bahaya lebih bahayanya daripada nyamuk-nyamuk aedes. Sebab itu saya kira daripada kita membasmi apa yang telah berlaku lebih baik kita membendungnya sebelum daripada penyakit ini merebak dan berlaku. Sebab itu saya berharap bagi pihak pemerintah memberi perhatian di dalam tingkah laku setengah-setengah golongan yang membawa penyakit-penyakit ini sebelum penyakit ini merebak dan apa lagi apakala diambil kesempatan oleh golongan-golongan lain daripada kalangan kita yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sepanjang Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berulang kali membangkitkan soal perpaduan. Perpaduan merupakan tonggak segala kejayaan, segala pencapaian di semua bidang pembangunan yang telah kita nikmati pada hari ini. Memang bahkan pencapaian kemerdekaan negara ini pun ialah hasil daripada sikap perpaduan, kita berpadu, berpadu tanpa memperhitungkan soal daerah, soal-negeri, soal rupa kaum, tetapi kita berpadu satu sebagai keluarga Malaysia yang menerima amanah mewarisi negara dan bumi Malaysia

yang kita cintai ini. Tetapi malang kalau sudah menyedari hakikat hasil perpaduan ini, menghasilkan segala apa yang kita capai pada ketika ini yang telah memberi rahmat dan kebahagiaan kepada kita ini diperbiarkan digugat terutama oleh anasir-anasir yang tidak ingin melihat kebahagiaan rakyat di dalam negara ini atau anasir-anasir yang anti nasional di negara ini.

Saya bimbang, saya takut nanti seolah-olah kita yang menimbus lobang, ada pula yang menggali lobangnya. Maka lobangnya tidak akan tertimbus buat selama-lamanya. Akhirnya salah langkah kita yang akan terjerumus di dalam lobang ini. Sebab itu sekali lagi saya mengambil kesempatan melalui Majlis berdaulat ini agar keadaan-keadaan yang cuba hendak memecah belahkan perpaduan ini benar-benar dapat diatasi.

Saya sedar banyak langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak pemerintah untuk mewujudkan dan mengekalkan sikap perpaduan yang menjadi amalan kepada sebahagian besar rakyat di negara kita ini.

Berbagai-bagai program telah diatur, berbagai-bagai acara telah dibuat melalui berbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh berbagai-bagai Kementerian, tetapi malangnya di dalam dua hari yang lepas masih terdengar suara-suara atau jawapan-jawapan seolah-olah soal perpaduan di negara kita ini masih belum wujud dengan erti kata yang sebenarnya. Saya mengambil satu contoh yang paling ringan, soal limau mandarin, ini pun boleh dijadikan satu isu sama ada di luar ataupun di Dewan. Kita telah mencapai kemerdekaan selama lebih 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, anak-anak yang dilahirkan di hari kemerdekaan sekarang ini mereka pun telah melahirkan anak-anak. Anak-anak itu dilahirkan di Malaysia ini, anak-anak

dilahirkan di zaman kemerdekaan ini saya tidak fikir mereka ini masih terlekat manis limau mandarin yang datang daripada negeri asing kerana mereka masih belum merasai limau-limau daripada negeri asing sebab mereka dilahirkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya sedar banyak sudah kejayaan yang dilaksanakan oleh pemerintah kita. Kalau dahulu banyak kita bergantung kepada negara-negara asing tetapi sekarang ini kita telah mula bertukar kepada apa yang dihasilkan oleh negara kita, umpamanya yang paling dekat kalau dahulu kita terpaksa memakai motokar yang dibawa daripada negeri-negeri Eropah, seperti Italy, Perancis, England dan kemudian sesuai dengan keadaan dasar kita yang baru kita pakai pula motokar yang dibawa daripada negeri Jepun dan sekarang tidak lama lagi insya Allah kita akan memakai motokar yang dikeluarkan di dalam negara kita sendiri iaitulah Proton Saga. Kalau motokar boleh kita pakai daripada motokar yang dibina di negara kita sendiri yang dibuat, yang dikeluarkan di negara kita sendiri takkanlah limau mandarin tidak boleh ditukar dengan limau Malaysia. Dan kalau ini pun masih belum dapat dilaksanakan lagi, saya rasa harus bagi pihak pemerintah mengkaji "susuk sirat", apakah pihak pemerintah masih belum mampu melahirkan jenis limau yang baik ataupun pihak kita, pihak rakyat masih belum menghayati soal sikap perpaduan dengan erti kata yang sebenarnya bagi kita mengenali kita adalah rumpun Malaysia yang sebenarnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat pada satu ketika pernah diutarakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam soal doa. Baginda bertitah di Negeri Johor pada satu ketika, soal doa. Sesuai dengan

dasar Kepimpinan Melalui Teladan, Majlis ini supaya menjadi contoh setiap Dewan ini hendak bersidang, Setiausaha Dewan menjemput doa, dan Ahli-ahli Dewan berdiri, maka doa pun dibaca dalam Bahasa Kebangsaan. Mohon restu daripada pihak Maha Esa Allah s.w.t. supaya sentiasa memelihara dan agar segala keputusan dilakukan melalui Dewan ini semata-mata untuk memberi kesejahteraan kepada seluruh rakyat. Ada yang menadah tangan, ada setengahnya saya nampak relax sahaja. Hendak kata bersetuju pun corak tidak menunjukkan persetujuan, hendak kata tidak bersetuju pun corak tidak menunjukkan persetujuan. Apakah salahnya kalau seluruh keluarga Dewan apakala sampai doa kita masing-masing sama-sama menadahkan persetujuan doa yang dipohonkan oleh pembaca doa agar apa yang dipohon itu benar-benar dimakbul oleh Yang Maha Esa iaitu Allah s.w.t.

Saya rasa ini tidak cacat, dan ini tidak cela, setidak-tidaknya kita lakukan sahaja apakala doa menadah tangan sebagai suatu tradisi di tempat kita ini setiap yang meminta hendaklah menghulurkan tangan, bahkan kalau kita tengok dalam Drama pun mohon kasih daripada kekasih minta dihulur tangan, apatah lagi sekarang bukan soal memohon kasih daripada seorang kekasih, tetapi memohon restu daripada Allah, daripada Tuhan untuk memberi kebahagiaan dan kasih kepada seluruh ummah dalam negara Malaysia ini yang kita diamanahkan dan dipertanggungjawabkanini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Usul ini untuk menyembahkan junjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong di dalam Dewan Parlimen pada 25hb Mac, 1985 yang lalu. Terima kasih.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam atau sehingga selesai Ahli-ahli berucap ikut mana yang terdahulu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang berbunyi, Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam atau sehingga selesai Ahli-ahli berucap, ikut mana yang terdahulu, dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.00 malam atau sehingga selesai Ahli-ahli berucap ikut mana yang terdahulu.

**UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA D.Y.M.M. SERI  
PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG**

*Perbahasan disambung semula.*

*4.21 ptg.*

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul mempersembahkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena dengan perayaan Parlimen yang ke 25 tahun adalah begitu tepat pada masanya memandangkan dalam 25 tahun sistem Parlimen berdemokrasi ini, negara kita telah pun mencapai berbagai-bagai kejayaan.

Negara kita pada hari ini dapat ditadbirkan dengan satu sistem yang berkesan dan teratur. Pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah yang telah diwujudkan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, perlu dilaksanakan dengan lebih tegas lagi supaya negara kita menghadapi cabaran-cabaran dan dugaan-dugaan perkembangan yang pesat yang dialami oleh negara kita.

Seperti yang terkandung di dalam Titah Di Raja, pertumbuhan ekonomi negara kita dijangka lebih kurang 6%. Ini adalah satu kadar pertumbuhan yang begitu menggalakkan memandangkan kepada ekonomi dunia yang kusut. Walau bagaimanapun, kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian ini.

Sebagai Ahli-ahli yang bertanggungjawab terhadap Dewan yang mulia ini, kita mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranan supaya menentukan kejayaan ekonomi negara kita seterusnya. Tanggungjawab ini harus juga dipikul oleh setiap rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai dasar demi meningkatkan dasar pelaburan untuk menarik pelabur asing. Sungguhpun dasar-dasar merupakan satu unsur yang penting untuk kemajuan, saya berpendapat bahawa kita patut juga memupuk satu suasana pelaburan yang stabil supaya menentukan pelaburan-pelaburan tempatan dan pelaburan-pelaburan asing boleh terus mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum suasana pelaburan bergantung kepada keamanan masyarakat dan kestabilan politik, lebih-lebih lagi dalam sesebuah masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa. Seperti yang terkandung di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sedang dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, suku-suku kaum dalam masyarakat kita perlu mengeratkan kerjasama serta memperkukuhkan perpaduan di antara satu kaum dengan kaum lain demi kestabilan negara.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandangkan bahawa kaum-kaum di dalam masyarakat kita mempunyai corak sosio-budaya yang berlainan. Kita perlu mengamali sikap bertoleransi dan bertolak ansur supaya kita dapat bekerjasama untuk mewujudkan satu jenerasi ala-Melayu.

Dalam konteks ini segala praktik yang keterlaluan patut dihapuskan. Praktik keterlaluan ini tidaklah kira sama ada dilakukan oleh kaum

Melayu, Cina, India atau lain-lain baik dari segi corak sosio-budaya ataupun dari segi agama masing-masing. Hanya dengan berpandukan oleh prinsip-prinsip bertoleransi ini kita dapat memupuk dan mendirikan sebuah masyarakat yang aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama membina sentiasa memerlukan usaha yang gigih dan masa yang panjang akan tetapi dengan sekelip mata sahaja kita boleh memusnahkan apa yang telah dibina. Sejak 27 tahun merdeka, kita telah mencapai berbagai-bagai kemajuan. Kemajuan ini dicapai dengan titik peluh dan usaha yang gigih perwira-perwira negara kita pada masa-masa lampau.

Sebagai generasi pada zaman sekarang, kita mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan kerja-kerja baik perwira-perwira ini dan meningkatkan lagi taraf kemajuan ini. Hanya dengan berbuat demikian, kita membuktikan kepada generasi-generasi yang akan datang bahawa kita telah juga memainkan peranan kita terhadap bangsa dan negara.

Pada hari yang mulia ini, saya ingin merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya meningkatkan lagi usaha ke arah perpaduan negara. Saya menganggap ini sebagai satu unsur yang penting sekali dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan bangsa dan boleh dikatakan sebagai mercu pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita ingin mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara kita perlu mengkaji dengan teliti faktor-faktor yang dapat menentukan kejayaannya. Pendek kata, kita perlu melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan ikhlas dan pegawai Kerajaan perlu mengenyepikan perasaan dan pandangan mereka sendiri dengan mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya.

Saya yakin bahawa dengan adanya kerjasama di antara pemimpin-pemimpin negara serta pelaksanaan-perlakuan-perlakuan dasar negara kita bersedia untuk melangkah ke satu peringkat kemajuan dan perkembangan yang lebih mengatakkkan lagi. Dengan ini sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, terima kasih.

4,30 ptg.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:**  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana inilah untuk pertama kalinya dapat saya berdiri dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan yang baik ini, saya pohon izin untuk menyampaikan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memperkenankan perlantikan saya untuk menjadi salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang telah bersetuju untuk melantik saya menjadi salah seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perlantikan ini serta dengan izin Allah, saya berikrar dan amat berharap untuk turut serta berganding bahu bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, untuk bersama-sama berbakti dengan memberikan pandangan dan fikiran, mengenai dasar, serta perancangan negara kita bertuah ini, mengenai

pentadbiran serta pelaksanaan, politik dan ekonomi yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional.

Saya tidak teragak-agak untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat sekalian bagi menentang sehabis-habisan, terhadap sesiapa jua, serta menarik perhatian Kerajaan, khususnya melalui Dewan yang mulia ini terhadap anasir-anasir jahat yang boleh menggugat kestabilan politik, kemantapan ekonomi dan keharmonian hidup rakyat yang berbilang kaum, di negara kita yang tercintai ini. Dan saya juga bersama-sama Yang Berhormat lain dengan sedayaupaya akan menentang mana-mana golongan atau kumpulan yang cuba hendak menggugat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita, yang telah diterima oleh rakyat, untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat umum, yang kurang bernasib baik di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar inilah, saya cuba untuk memulakan ucapan sulung saya ini dan membincangkan Titah Di Raja ini dengan menyentuh berbagai-bagai masalah terutama sekali masalah perpaduan nasional dan polarisasi kaum di dalam negara kita ini. Pun begitu jugalah masalah-masalah lain yang ada hubungannya dengan hidup dan penghidupan rakyat, di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan perpaduan nasional boleh jadi sudah tawar atau basi, kepada pendengaran kita semua. Tetapi saya suka mengingatkan bahawa ungkapan ini adalah pada saya merupakan ungkapan "hikmat" yang semestinya dinilai dan dihargai, berserta dengan tindakan dan amalan oleh setiap rakyat Malaysia. Jika kita mahu hidup dengan aman bahagia di negara kita ini, jika tidak, kita menganggapkan

perkara ini penting dan mustahak, saya bimbang mungkin pada satu hari nanti, negara kita ini, akan menjadi sebuah negara yang akan timbul berbagai-bagai pergaduhan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional menyeru dan berusaha, untuk mengukuhkan perpaduan nasional, ia bukanlah merupakan hanya untuk kepentingan politik, atau hanya untuk mainan politik semata-mata, sebab kita semua telah sedar dan insaf, telah mengakui dan memahami, bahawa kita tidak ada pilihan yang lain, melainkan kita mesti bersatupadu sebagai satu bangsa, bangsa Malaysia, mesti bersatupadu dengan satu bahasa, Bahasa Malaysia, dan mesti bersatupadu sebagai satu negara, negara Malaysia jika kita benar-benar ingin maju, makmur dan hidup aman damai di negara kita ini. Kerajaan kita, dan kita semua laksanakan tugas yang berat dan rumit ini, dengan penuh keyakinan bahawa ianya adalah satu usaha yang wajib, jika kita mahu, kita semua yakin dan setia, kita pasti berjaya, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita yang berbilang kaum, bahasa, agama dan berbagai kebudayaan ini, musuh utama dan amat merbahaya terhadap perpaduan nasional ialah polarisasi kaum. Kita semua telah lama sedar bahawa, musuh ini telah lama wujud dalam masyarakat kita dan telah pun menunjukkan berbagai-bagai aktiviti yang sangat berbahaya yang menyusah dan merungsingkan fikiran kita, dan fikiran rakyat yang cintakan kedamaian dan kebahagiaan. Perkara ini telah menjadi perbualan ramai apabila Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri kita pada tahun lepas telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap polarisasi kaum yang semakin tajam dan semakin meruncing di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar dan faham sebab utama yang menjadi musuh ini merebak, ialah kerana adanya tokoh-tokoh politik, golongan-golongan, pertubuhan-pertubuhan serta partai-partai politik, yang sengaja mengeksploitasi isu-isu perkauman ini, demi untuk kepentingan mereka dan juga demi untuk kemenangan dalam pilihanraya. Tokoh-tokoh yang tidak bertanggungjawab ini, dengan sengaja dan penuh kebanggaan membongkar serta memperalatkan isu-isu yang boleh membangkitkan prasangka dan kemarahan kaum di antara satu dengan lain. Ada tokoh-tokoh politik yang tidak segan silu berkempen dan menampal berbagai-bagai poster, tidak lain tujuan semata-mata untuk menarik perhatian dan merangsang emosi kaum tertentu. Pada hal tokoh-tokoh politik ini sedar, mereka ini sedang bermain api yang sangat panas yang boleh membakar semua orang termasuklah diri mereka sendiri. Perbuatan seperti ini adalah merupakan kegiatan politik yang sangat jahat sepatutnya dikutuk oleh setiap rakyat di negara kita ini yang cintakan perdamaian.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita dapati masih ramai lagi orang-orang kita yang tidak mahu menjunjung Bahasa Malaysia. Kita sesama-sama mengakui dan menyedari bahawa Bahasa Malaysia adalah satu alat yang terpenting yang dapat mengubati penyakit polarisasi kaum dan mengukuhkan perpaduan nasional. Pribumi negara ini telah banyak bertolak ansur, Tuan Yang di-Pertua, dengan sifat-sifatnya yang semula jadi, bersopan santun ikhlas dan jujur sehingga dengan sifat-sifat yang mulia itu harta kekayaan Pribumi satu demi satu, telah berpindah ke tangan orang lain. Yang menyedihkan kita, Tuan Yang di-Pertua, Pribumi telah dengan relahati sanggup menukarkan nama Melayu dan Tanah

Melayu kepada Malaysia demi semata-mata untuk kepentingan negara dan semua rakyat negeri ini. Tetapi sungguh malangnya, Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi rakyat Malaysia yang tidak sanggup mengorbankan sedikit perasaan perkauman mereka, walaupun mereka sedar di sinilah bumi kita, di sinilah tempat tumpah darah kita. Sepatutnya di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung, Tuan Yang di-Pertua. Di bumi bertuah inilah kita akan hidup dan mati bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, yang sungguh menyedih dan memilukan hati kita semua, ada parti politik dengan berani dan terang-terang mengeksploitasi sentimen dan kesucian agama kita, sehingga masyarakat kita yang sebelum ini, hidup aman damai telah menjadi pecah-belah dan kacau-bilau. Zaman sebelum wujudnya parti ini, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun marah dan hebat perbalahan berlaku, umat Islam di negara kita ini tetap juga berjemaah di dalam masjid yang sama, dan berimamkan yang imam yang sama, tetapi parti ini terus berusaha dengan bersungguh-sungguh dengan berbagai tipu-helah supaya umat Islam di negara ini berjemaah di tempat yang berlainan, maka berpecah-belah masyarakat kita, bermusuhan-musuhan masyarakat kita, yang dahulunya aman dan tenteram.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum sudah begitu lama parti ini memperalatkan agama dan orang-orang yang masih hidup dengan berbagai tipu-helah dan fitnah, tetapi nampaknya usaha parti ini masih gagal. Setiap kali dalam pilihanraya, parti ini terus kalah. Dengan sebab itu kita dapati, parti ini telah mencuba satu tektik baharu dengan memperalatkan orang mati sepertimana kita semua ketahui, apa yang dipanggil oleh mereka Peristiwa Berdarah di Lubuk Merbau.



Tujuannya semata-mata untuk kepentingan pilihanraya dan untuk menunjukkan dan menarik perhatian rakyat supaya menyokong mereka. Sepatutnya orang yang telah mati kita doakan dia, kita tahlilkan dia, bukan membuat video, risalah-risalah dan gambar-gambar yang disebar di seluruh Malaysia semata-mata untuk mencari pengaruh politik parti yang didukung oleh rasa dendam dan nafsu amarah politik yang jahat, lagi penuh dengan godaan syaitan politik berlaka.

Tuan Yang di-Pertua, yang tambah menyakitkan hati kita semua, parti ini sampai hati dan tergamak menggunakan video, risalah dan gambar-gambar orang mati ini, untuk memerangsang dan menggoda perasaan anak-anak kita yang sedang menentuk di dalam dan di luar negeri. Ada pemimpin-pemimpin parti ini juga sampai hati pergi ke luar negeri meracuni fikiran anak-anak kita supaya anak-anak kita itu menentang Kerajaan, perbuatan ini adalah satu perbuatan yang amat jahat, yang tidak boleh dimaafkan oleh pemimpin-pemimpin negara kita ini, yang berkehendakkan supaya suatu masa nanti anak-anak kita inilah yang akan menjadi pemimpin-pemimpin negara kita ini, dan akan terus menghayati perjuangan kita yang tidak ada titik perhentian.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, parti politik ini pada pandangan saya sudah sampai ke tahap melampau, telah menjadi penyakit politik yang sangat bahaya, boleh menajamkan polarisasi kaum, boleh menyemarakkan api perkauman, boleh melemahkan agama dan umat Islam dan sudah pun menggugat perpaduan nasional. Maka dengan ikhlas melalui Dewan yang mulia ini, saya minta sungguh-sungguh Kerajaan kita mengambil tindakan politik mahu pun undang-undang dengan lebih berani dan lebih tegas.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah diberikan mandat oleh rakyat, maka menjadi tanggungjawab kita semua untuk menunaikan amanah dan tanggungjawab yang berat ini. Saya amat bimbang jika kita bertindak lambat, sejarah buruk akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi mengingati peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang lepas, masih lagi kita ingat, dan masih lagi diperkatakan oleh kita, sebagai mengingati betapa buruknya kejadian ini. Apakah kejadian seperti ini tidak boleh berulang. Tuan Yang di-Pertua, kejadian seperti ini pada pendapat saya, bila-bila pun boleh berlaku, jika masih ada rakyat kita yang lebih mementingkan kepentingan diri dan kepentingan kaum masing-masing, daripada kepentingan nasional, Apabila kejadian seperti ini berlaku rakyat yang tidak berdosa akan terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas seorang pendidik dan pencinta bahasa, inginlah saya menarik perhatian khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka, pusat-pusat pengajian tinggi dan guru-guru, supaya meningkatkan lagi usaha membina bahasa kita, sebagai bahasa moden dan bahasa ilmu pengetahuan. Dewan Bahasa perlulah menumpukan sepenuh usahanya bagi memantapkan pemakaian bahasa yang baik dan betul. Juga dengan segera hendaklah melengkapkan buku-buku pengetahuan dalam semua kehidupan kita yang moden ini. Inilah saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tugas utama Dewan Bahasa pada masa kini. Penerbitan buku-buku pelajaran dan buku-buku bacaan untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah, sudah sampai masanya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut diserahkan

kepada penerbitan swasta yang telah begitu matang dan telah begitu faham dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini telah timbul masalah kelemahan penguasaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar kita. Saya rasa matlamat dan kaedah pengajaran bahasa kita perlu dibaiki dan dimajukan lagi. Saya masih ingat lagi, dalam bulan Oktober 1983, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, telah mengarahkan Maktab Perguruan Bahasa, kembali kepada matlamat penubuhannya yang asal, iaitu sebagai pusat melatih guru-guru mengajar bahasa dan membuat penyelidikan terhadap bahasa itu. Sampai sekarang pun saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, itu tinggal arahan begitu sahaja. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semoga pihak-pihak berkenaan, khususnya Kementerian Pelajaran supaya dapat memberi perhatian yang segera, dengan lebih serius dalam perkara ini, semoga matlamat penubuhan Maktab Perguruan Bahasa dapat diteruskan dan masalah kelemahan penguasaan bahasa di kalangan pelajar-pelajar kita dapat dibaiki dan saya berharap perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keduanya, saya ingin kemukakan ialah masalah pertanian. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar negara kita adalah negara pertanian. Anihnya jumlah import makanan sepertimana yang telah kita sama-sama maklum masih sangat besar, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1983 makanan yang kita import berjumlah hampir \$3,000 juta dan dalam tahun 1984 telah meningkat hampir \$3,250 juta. Dari jumlah itu sayur-sayuran dan buah-buahan sahaja mencapai hampir \$500 juta bagi tahun 1983, dan terus meningkat lagi sejumlah \$524 juta ringgit pada tahun

1984. Ubi kentang, bawang, limau, kubis bermacam-macam jenis kacang dan bijian, masih juga kita terus import ratusan juta ringgit setahun.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah jumlah aliran wang keluar yang besar dari negara kita. Padahal banyak daripada makanan itu boleh dikeluarkan dan ditanam di negara kita sendiri. Tanah yang boleh dipergunakan saya rasa masih cukup luas dan tenaga kerja boleh dikatakan masih mencukupi. Sudah ratusan tahun rakyat negara ini menanam durian dan nenas dan juga lain-lain tanaman, tetapi kita masih lagi membeli durian dari Thailand dan juga buah-buahan dari negeri itu dan juga dari negeri lain-lain negeri sampai ke hari ini. Setiap kali kita membeli nenas dan durian kita masih meragui sama ada buah-buahan ini adakah baik atau tidak. Sepatutnya perkara seperti itu tidak berlaku lagi dalam negara kita yang telah terkenal sebagai sebuah negeri pertanian dan kita telah merdeka hampir 30 tahun. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pakar-pakar penyelidikan dan ekspresmen di semua bidang pertanian perlulah bersatu tenaga, mempertingkatkan usaha dengan sungguh-sungguh supaya masalah yang kita hadapi ini, akan dapat dikurangkan sedikit demi sedikit. Negara kita telah berjaya menanam padi, getah dan kelapa sawit yang bermutu, ini adalah merupakan kejayaan yang boleh dibanggakan. Kalau berjaya dengan hasil yang bermutu tinggi, saya rasa tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh menanam durian, nenas yang sedap dan manis dan mengeluarkan lebih banyak buah-buahan serta sayur-sayuran yang bermutu tinggi, yang boleh kita banggakan sepertimana negara-negara jiran yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Yang Berhormat saudara Anwar Ibrahim, Menteri Pertanian kita telah

menyatakan rancangan menyatukan kawasan-kawasan pertanian yang berselerak, dalam skim berkelompok dan mini estet tidak memberi kesan kerana berbagai masalah kemanusiaan dan tradisi. Yang Berhormat Menteri Pertanian berharap kepada semua pihak yang bertanggungjawab supaya mempertingkatkan usaha membantu para petani serta menyakinkan mereka, iaitu petani-petani di atas kebaikan rancangan tersebut. Disebabkan masalah inilah kata Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, Malaysia masih mengimport bahan makanan terutama buah-buahan dan sayur-sayuran dengan banyak. Saranan atau ingatan Yang Berhormat saudara Anwar Ibrahim, adalah merupakan satu tanggungjawab yang saya kira mesti dikaji dan diambil tindakan segera oleh semua pihak terutama Pegawai-pegawai Pertanian. Jika kita semua sedar dan insaf, di mana kelemahan-kelemahan kita dan bertindak membaikinya, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak desa yang tinggal jauh di pedalaman, saya rasa tidak senang kalau dalam ucapan saya ini tidak menyentuh mengenai pembangunan desa atau pembangunan luar bandar, terutama sekali di kawasan-kawasan mundur dan miskin yang masih terdapat di seluruh negara kita ini, lebih-lebih lagi di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Pahang dan di pedalaman Terengganu, Sabah dan Sarawak dan juga di semua perkampungan nelayan kita.

Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpnan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, serta para pemimpinnya dengan ikhlas dan jujur telah mengkaji dan mengenal pasti, ada antara kawasan-kawasan dalam negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, ada di antaranya kawasan-kawasan yang benar-benar miskin.

Tujuan Kerajaan kita berbuat demikian pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, semoga setiap agensi Kerajaan dapat merancang dan memberikan pertolongan ke kawasan-kawasan tersebut, semoga pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri dan Pusat dapat sama-sama berfikir, apakah jenis bantuan dan apakah jenis pertolongan dapat disalurkan ke kawasan-kawasan tertentu, dan semoga para bijak pandai, khususnya ahli-ahli ekonomi kita dapat merancang sesuatu rancangan yang boleh diusahakan untuk kawasan-kawasan berkenaan dan semoga seluruh rakyat Malaysia, khasnya penduduk-penduduk bandar, yang serba mewah sama-sama dapat menyederi dan menginsafi, bahawa masih ada lagi kawasan-kawasan tertentu di negara kita ini, yang belum mendapat nikmat kemerdekaan sepertimana yang telah mereka rasai, masih belum ada bekalan elektrik, bekalan air, jalan yang sempurna dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar Kerajaan Barisan Nasional akan terus membantu kawasan-kawasan ini dalam semua zaman, sama ada zaman meleset atau sebaliknya. Kerajaan sedar, pemimpin-pemimpin kita semua sedar, rakyat di kawasan mundur dan miskin inilah, pada umumnya adalah merupakan rakyat yang sentiasa menumpukan taat setia, kepada negara dan Kerajaan kita. Tidak keterlaluan kalau saya katakan mereka semua adalah asas dan kekuatan serta kestabilan politik negara kita yang tercinta ini. Tanpa sokongan mereka, tanpa bantuan mereka, tanpa kerjasama mereka, janganlah kita mimpikan Kerajaan Barisan Nasional dapat terus memerintah negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sungguh kita merasa kecewa, niat ikhlas pemimpin-pemimpin Kerajaan kita terhadap kawasan-kawasan

miskin yang saya katakan itu, dijadikan bahan politik oleh golongan-golongan tertentu dengan berbagai-bagai tuduhan dan berbagai-bagai fitnah. Mereka menuduh Kerajaan kita sengaja membiarkan kawasan-kawasan tersebut, mereka menuduh Kerajaan tidak mahu membantu kawasan-kawasan berkenaan, dengan berbagai-bagai fitnah, berbagai-bagai tuduhan, yang tidak berasas dan tidak bertanggungjawab. Tuduhan-tuduhan dan fitnah yang dilemparkan oleh pemimpin-pemimpin politik yang gila kuasa ini, ternyata sekali dalam pilihanraya kecil Padang Terap baru-baru ini, sesungguhnya tuduhan-tuduhan mereka itu sangat pedih dan sangat menyakitkan hati kita mendengarnya, terutama sekali oleh orang-orang yang ikhlas serta bertanggungjawab dan benar-benar faham di atas kejujuran para pemimpin kita yang ada sekarang ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ikhlasnya memohon perhatian Kerajaan, terutamanya pegawai-pegawai perancangan pembangunan negara kita, supaya dapat memberikan perhatian dan peruntukan yang khusus, yang lebih banyak, kepada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Kita hendak membasmi kemiskinan, saya rasa di sanalah yang perlu menjadi tumpuan usaha kita yang bersungguh-sungguh. Sumber pendapatan mereka yang begitu kecil, menyebabkan mereka memerlukan bantuan dan usaha pembangunan yang lebih besar. Kemudahan dan keperluan asas yang lebih baik dan lebih segera, supaya kehidupan mereka dapat mereka rasai nikmatnya, sepertimana penduduk-penduduk kota yang telah dapat nikmat begitu besar di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti, akan ada peruntukan yang lebih munasabah dan lebih

khusus untuk kawasan-kawasan ini. Projek Penyusunan Semula Kampung, yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, adalah satu projek yang sangat baik dan sangat mulia, yang patut diteruskan, lanya memerlukan peruntukan dan tumpuan kita yang lebih banyak dan bersungguh-sungguh, jika kita berkehendakkan kejayaan yang boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan negara, saya amat bersetuju dengan arahan dan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bahawa tenaga pekerja di agensi baru Kerajaan tidak perlu ditambah, kecuali tersangat mustahak, dan kita tidak ada jalan yang lain. Namun perancangan projek, peruntukan wang dan usaha yang khusus, yang lebih bersungguh-sungguh dari apa yang kita laksanakan sekarang ini adalah perlu.

Dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan dan pembangunan desa, banyak kelemahan dan kesalahan telah kita pelajari daripada usaha kita selama 20 tahun ini, tentulah kita telah mengenalpasti kesalahan dan kelemahan tersebut. Kita amat berharap segala kelemahan dan kesalahan-kesalahan kita yang lalu, tidak akan berulang lagi. Semoga ianya menjadi ingatan kepada setiap pemimpin kita, kepada setiap perancang-perancang ekonomi kita, supaya perkara seperti ini tidak akan berulang lagi yang nyata merugikan bangsa dan tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendatang baru dalam Dewan ini, saya rasa ada dua tiga perkara lagi yang ingin saya menyentuh, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kita yang memandang sangat berat terhadap bahaya dadah dan sentiasa berusaha

setiap masa untuk membanteras kegiatan yang sangat merbahaya ini. Walaupun begitu, kita dapati wabak dadah telah sampai ke peringkat yang pada pandangan saya paling bahaya, sudah jadi macam cancer atau barah yang mustahil dapat diubati. Cubalah kita kaji dan perhati bersama, Tuan Yang di-Pertua, semakin hebat kita menentanginya, semakin ramai belia-belia kita yang dijangkiti oleh penyakit ini, semakin ketat kawalannya semakin banyak tangkapan serta rampasan dilakukan, kita dapati semakin banyak lagi dadah yang masuk ke negeri kita ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, semua ibu bapa dan guru-guru perlulah memainkan peranan yang lebih serius dan bertanggungjawab. Jika kita gagal, kita akan menghadapi malapetaka yang sangat dahsyat. Jika hanya kita menyerahkan tugas memerangi musuh nombor satu ini kepada Polis dan kepada PEMADAM sahaja. Di samping itu kita dapati pengawalan di sempadan di utara Semenanjung, khususnya di perbatasan Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Langkawi, perlulah diperhebatkan dan dilengkapi dengan semua jenis alat kelengkapan sebagaimana yang kita lakukan di Lapanganterbang Subang umpamanya. Saya dapati pada masa ini, kawalan di sempadan utara Semenanjung itu tidak akan dapat mengatasi kecekapan dan keberanian para penyeludup yang sentiasa bersedia menghadapi apa juga risiko asal sahaja kepentingan mereka itu dapat mereka sempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang yang terlibat secara kecil-kecilan, juga secara langsung dalam bidang industri pembinaan di negara ini, saya dapati dalam keghairahan kita hendak memindahkan teknologi moden, terdapat rakyat kita dan

usahawan-usahawan kita khususnya, mungkin kita sedar atau tidak sedar, sedang berlaku satu amalan yang pada pandangan saya, merugikan bangsa dan negara; satu amalan yang boleh menyakitkan hati dan juga boleh melemahkan pemaju serta kontraktor tempatan; satu amalan yang menambah lagi pengaliran wang kita keluar dari negeri ini.

Hal ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kerja membina bangunan-bangunan yang tidak memerlukan teknologi khusus pun, ada di antara agensi-agensi Kerajaan kita dan orang-orang kita memberikan kerja-kerja pembangunan biasa yang tidak perlu apa-apa teknologi kepada kontraktor-kontraktor luar negeri. Sama ada secara usahasama ataupun tidak, tidak dipersoalkan. Yang kita persoalkan, mengapa kita mesti bekerjasama dengan syarikat-syarikat luar negeri, sedangkan masih banyak syarikat-syarikat tempatan kita yang berkemampuan. Apakah bangunan rumah kedai, rumah biasa pun mesti dikerjakan secara usahasama dengan syarikat-syarikat luar negeri?

Pada pandangan saya jika perkara ini berterusan, marwah bangsa dan negara kita akan terjejas, kerana kerja-kerja seperti ini boleh dan mampu dikerjakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan dan jurutera-jurutera tempatan kita.

Saya tidak menyalahkan Kerajaan dalam perkara ini. Kerajaan dan pemimpin kita tidak bersalah. Yang bersalah ialah kita, orang-orang yang dipertanggungjawabkan, tidak mahu sedar dan tidak mahu insaf dalam perkara ini. Pada saya kesedaran dan keinsafan adalah senjata penting dalam usaha kita untuk menjadikan bangsa dan negara kita ini, satu bangsa dan satu negara yang benar-benar bermarwah, dihormati dan disegani oleh semua pihak.

Oleh yang demikian, sukaulah saya mencadangkan "Satu dasar dan satu garis panduan" digubal untuk digunakan oleh semua pihak, sama ada pihak swasta atau agensi-agensi Kerajaan yang lain, atau siapa juga, Kita perlu menentukan supaya kontrak-kontrak yang memerlukan teknologi khusus sahaja, boleh ditawarkan kepada kontraktor luar negeri, sama ada secara usahasama atau apa juga cara, yang telah ditentukan oleh Kerajaan kita. Segala bentuk kontrak membina bangunan biasa, hendaklah dihadkan kepada hanya kontraktor tempatan sahaja. Sekiranya kontrak itu terlalu besar dan kontraktor tempatan tidak sanggup membiayainya, barulah kita memberi peluang kepada kontraktor luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada usaha Kerajaan kita, hasil daripada sekolah-sekolah kita, hasil daripada tempat-tempat pengajian tinggi dan universiti-universiti kita, sama ada universiti dalam dan luar negeri, serta dengan dorongan ibu bapa serta pemimpin-pemimpin kita semua, telah berjaya kita lahirkan ribuan anak muda, yang telah lulus dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran. Akan tetapi kita belum begitu berjaya bahkan dalam hal-hal yang tertentu, kita gagal melahirkan rakyat, khususnya generasi muda sebagaimana yang diharapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titahnya pada 25hb Mac yang lalu. Baginda telah menyatakan bahawa negara memerlukan generasi muda yang bersatu padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan bermoral tinggi, sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan kita semua, dan inilah matlamat pengajaran serta pendidikan kita yang sebenarnya. Mulai sekarang

mestilah langkah-langkah yang lebih positif untuk mencapai matlamat ini perlu diambil tindakan segera. Jika tidak, saya bimbang masa depan kita dan anak cucu kita tidak akan terjamin. Untuk itu orientasi baru hendak menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat yang sedang disusun oleh Kementerian Pelajaran itu, perlulah dikerjakan dengan segera dan bersungguh-sungguh. Konsep dan orientasi baru seperti ini dalam bidang pendidikan khususnya, sudah banyak kali dibuat dari sejak kita mencapai kemerdekaan dahulu lagi, tetapi banyak pula yang hanyut begitu sahaja tanpa kubur, kerana tidak dikerjakan dengan yakin, bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab.

Saya amat berharap sekolah tidak akan dijadikan tempat eksperimen dengan anak-anak kita dijadikan mangsa ujian (guinea pig).

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan konsep atau orientasi baru ini Kementerian Pelajaran tidak sahaja perlu memperkemas dan memperluaskan bidang kokurikulum. Semua bidang kurikulum itu sendiri perlulah diteliti dan disesuaikan dengan konsep ini. Kita sangat perlu memberi waktu dan kesempatan kepada para guru serta pelajar-pelajar untuk mengamalkan konsep ini. Kita hanya boleh menyeru dan meminta ibubapa ikut serta untuk menjayakan cita-cita mulia ini. Akan tetapi daya utama, gerak permulaan dan tenaga untuk pelaksanaan mestilah datangnya dari guru-guru dan murid-murid itu sendiri. Jika tidak, pada pandangan saya rancangan ini akan sia-sia dan tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata matlamat sekolah sebenarnya hanya dapat dicapai, apabila aspek pengajaran ilmu dan kemahiran diseimbangkan dengan pendidikan keagamaan dan kemasyarakatan atau sosio-politik. Oleh kerana itu, di

samping menyemak kokurikulum masa dan tenaga hendaklah diberi kepada guru-guru untuk melaksanakan rancangan ini, aspek pendidikan guru juga perlulah diatasi dan sebagai langkah permulaan, orientasi baru ini perlulah disampaikan dengan semasak-masaknya kepada guru-guru dan pegawai-pegawai Kerajaan, terutama sekali Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah yang sedang berkhidmat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda pada 25hb Mac yang lalu, sudah cukup untuk mengajar kita supaya kita menjadi rakyat yang benar-benar bertanggungjawab, benar-benar ikhlas dan jujur kepada negara kita ini. Ucapan, pesanan Duli Yang Maha Mulia Tuanku merangkumi dan mencakupi semua bidang, kalau kita perhati dan kita kaji bersungguh pada pandangan saya, adalah merupakan satu pandangan yang ikhlas, yang patut kita kaji dengan mendalam supaya ianya dapat menjadi ubat kepada orang-orang kita, kepada rakyat kita, yang masih tidak sedar atas keikhlasan dan kejujuran Kerajaan untuk menjadikan negara dan bangsa kita ini sebuah negara dan satu bangsa yang dapat terus hidup aman dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan, rancangan menjadikan sekolah sebagai institusi masyarakat adalah terletak di tangan guru-guru dan Pegawai-pegawai Pelajaran. Ibu bapa dapat membantu menurut kemampuan masing-masing yang saya kira amat terbatas. Jika guru-guru dan sekolah-sekolah diperkukuh dan diperkemaskan, saya yakin kita akan berjaya insya Allah, kerana anak-anak kita yang kecil-kecil yang sedang berada dibangku sekolah akan menjadi warisan bangsa, dan

merekalah yang diharapkan untuk menjadi pemimpin-pemimpin kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dan saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:**  
Yang Berhormat Tuan Jaafar Harun.

*5.07 ptg.*

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian untuk menyatakan rasa penghargaan dan junjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam Titah Perasmian Penggal Ketiga, Parlimen Keenam negara kita Malaysia tahun 1985 ini pada 25hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di Raja yang mengandungi empat muka itu walaupun demikian panjangnya, tetapi saya nampak adalah satu ucapan yang merangkumi semua aspek, meliputi soal-soal pentadbiran, dasar-dasar Kerajaan, dasar-dasar luar negeri, penerapan nilai-nilai Islam, soal ASEAN, Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya. Ini adalah satu ucapan yang bernas dan padat. Oleh itu sebagai rakyat jelata, saya adalah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih atas limpah perkenan Baginda berdua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang telah sudi mencemar Duli berangkat merasmikan Sidang Parlimen dan melafaskan Titah Ucapan semoga Allah lanjutkan usia Baginda memerintah di atas takhta Kerajaan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Perasmian Di Raja itu, saya hanya mengambil satu dua perkara sahaja yang hanya dapat saya sentuh. Yang pertamanya, penerapan nilai-nilai Islam. Oleh kerana dalam Perlembagaan Negara kita telah termaktub bahawa agama Islam sebagai agama rasmi negara kita, maka Kerajaan kita bukan sahaja mengambil berat untuk memelihara, memupuk dan memperkembangkan syiar agama Islam, tetapi juga telah melaksanakan beberapa ciri-ciri, khususnya menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan kita. Walaupun demikian, pada pendapat saya masih banyak lagi nilai-nilai atau aspek-aspek tertentu yang boleh disalurkan atau diserapkan lagi ke dalam pentadbiran Kerajaan kita.

Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan dalam usaha Kerajaan kita menerapkan nilai-nilai Islam ini ke dalam pentadbiran Kerajaan kita ini sehingga sekarang ini berapa peratuskah nilai-nilai Islam yang telah diserapkan ke dalam pentadbiran Kerajaan. Dan adakah Kerajaan berpuas hati setakat yang ada ini atau ada beberapa ciri-ciri lagi yang akan diserapkan pada masa akan datang sehingga menjadi sepenuhnya. Oleh itu sukacita saya jika tidak keberatan untuk mendapat penjelasan sepenuhnya.

Berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegur dari segi pelaksanaan dari satu segi berhubung dengan pakaian wanita-wanita kita yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan. Ada di antaranya pakaian mereka menutup keseluruhan anggota yang hanya menampakkan dua biji matanya sahaja itu pun memakai cermin mata hitam pula. Tetapi sekarang ini Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Surat Pekeliling

yang tidak menggalakkan wanita-wanita kita menutup keseluruhan anggotanya apa yang dikatakan sebagai purdah.

Saya adalah mengalu-alukan dan menyokong tindakan Kerajaan itu dan saya berharap supaya wanita-wanita yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan memakai pakaian yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan penerapan nilai-nilai Islam ini ke dalam pentadbiran Kerajaan kita ini, saya suka menyentuh berhubung dengan kutipan wang zakat bagi orang-orang yang beragama Islam. Pada masa sekarang kita dapati ada tiga kategori bagi orang-orang yang beragama Islam mengeluarkan zakatnya iaitu yang pertama orang-orang yang bekerja sendiri yakni orang-orang kampung; yang kedua orang-orang perniagaan sama ada perniagaan mereka secara kecil-kecilan ataupun perniagaan yang besar-besar, dan yang ketiga, orang-orang yang bekerja dengan Kerajaan.

Jadi, bagi orang-orang kampung mereka telah membayar zakat daripada pendapatannya sama ada daripada hasil pertaniannya ataupun persawahannya ataupun sebagainya. Bagi mereka yang menjalankan perniagaan dan mereka yang bekerja dengan Kerajaan, mereka juga telah dikenakan cukai pendapatan sedangkan mereka ini juga diwajibkan membayar zakat yakni mereka ini terpaksa membayar kedua-duanya sekali. Oleh itu saya membuat perhatian kepada Kerajaan atau mengesyorkan kepada Kerajaan supaya diadakan satu peraturan membayar zakat kepada orang-orang perniagaan dan kakitangan Kerajaan yang beragama Islam iaitu dikendalikan sendiri oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dan disalurkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama di tiap-tiap Negeri.



Jadi mereka yang tersebut tadi tidak payah lagi membayar cukai pendapatan, kerana sebagai gantinya mereka adalah dikenakan kutipan zakat yang dikelolakan seperti yang saya nyatakan tadi. Cara ini saya fikir adalah lebih baik dan berkesan serta boleh meningkatkan lagi kutipan zakat di tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Dasar Pertanian Negara, saya memanglah mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan kita telah mewujudkan sekim itu dengan secara langsung yang mana dasar ini untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di samping meningkatkan pendapatan petani-petani kita. Dalam program tersebut, Kerajaan telah menggalakkan rakyat menanam kelapa sawit terutama sekali bagi tanah-tanah sawah yang tidak berair yakni tanah sawah yang terbiar begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah sawah yang terbiar ini iaitu yang tidak berair ini, saya berpendapat kita tidak boleh meninggalkan langsung menanam padi di tanah sawah itu walaupun tanah sawah ini tidak berair. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dibuat suatu kajian menanam padi huma pula iaitu tanah-tanah sawah yang tidak berair ini kita tanam dengan padi yang tidak memerlukan air. Padi ini kita namakap padi huma ataupun padi daratan, kerana padi huma atau padi daratan ini. Tuan Yang di-Pertua, boleh juga mengeluarkan hasil, saya fikir sama mutunya seperti padi yang ditanam di sawah-sawah yang berair.

Kalaulah di zaman orang tua-tua dahulu ada ditanam padi huma, kenapa pula zaman kita atau zaman sekarang ini kita tidak boleh menanam padi huma sedangkan masa sekarang kita ada dengan pengetahuan sains

dan teknologi yang boleh kita gunakan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Jadi saya percaya jika Kerajaan mengkaji dan menggalakkan rakyat menanam padi huma atau padi daratan ini kepada mereka yang mempunyai sawah yang tidak berair maka saya percaya masalah pengeluaran beras padi di negara kita ini akan dapat kita atasi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga adalah mengalu-alukan kepada Kerajaan kerana di antara strategi pembangunan Kerajaan mengutamakan pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas. Jadi semenjak daripada kita telah merdeka sehingga ke hari ini beberapa kemudahan-kemudahan asas telah dibina termasuklah membekalkan tenaga elektrik ke luar-luar bandar, pembekalan air paip serta membina jalan-jalanraya di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak membina jalan-jalan ke luar bandar yakni ke kampung-kampung tetapi keadaan jalan ini sehingga hari ini jalan-jalan yang telah dibina itu telah banyak yang rosak, banyak yang telah berlobang-lobang walaupun telah dibaiki beberapa kali dan kalau kita bandingkan keadaan jalan di luar bandar dengan jalan-jalan di dalam bandar sangat jauh bezanya, amat menyedihkan jalan-jalan di luar bandar ini.

Oleh itu saya berharap supaya Kerajaan memberi peruntukan yang lebih untuk membaiki jalan-jalan di luar bandar ini supaya rakyat mendapat keselesaan menggunakan jalan-jalan seperti jalan-jalan di dalam bandar. Oleh itu dalam keadaan ekonomi yang sedemikian, saya fikir rancangan untuk membina jalan-jalan baru patut kita kurangkan kecuali di mana yang perlu, kerana kita

mengutamakan kepada peruntukan membaiki jalan-jalan yang rosak diutamakan.

Sebagai contoh sebatang jalan keselamatan di bawah projek Persekutuan, sejauh lebih kurang 11 km iaitu jalan itu dibina daripada satu tempat yang bernama Gilang ke Tapah, Jempol-Jelebu, Negeri Sembilan. Jalan ini telah dibina di bawah projek jalan keselamatan yang memakan belanja berjuta-juta ringgit dan telah siap baru lebih kurang dalam 5 bulan sahaja. Oleh kerana jalan ini tidak dijaga oleh pihak Kerajaan atau pihak JKR maka saya dapati jalan ini telah mula rosak. Longkang-longkang di kiri kanan telah mula pecah-pecah, batu yang besar-besar di atas tebing itu telah mula menggolek apabila hari hujan telah jatuh ke bawah di atas jalan menggolek di atas jalanraya. Saya nampak batu itu tiada siapa yang hendak mengempikannya kerana besar. Dan tebing-tebing jalan itu pun telah mulai runtuh. Jadi sekiranya JKR tidak menjaga dan membaiki jalan ini dalam masa yang tidak berapa lama sahaja, saya fikir jalan ini akan rosak teruk dan tidak boleh dilalui oleh kenderaan seperti kereta-kereta sedangkan Kerajaan telah berbelanja berjuta-juta ringgit. Jadi saya berharap kepada Kerajaan akan mengambil perhatian dan tindakan yang bersungguh-sungguh berkenaan dengan penambahan peruntukan membaiki jalan-jalan yang rosak ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk memberi tumpuan kepada perkembangan sektor perindustrian, saya suka menegaskan supaya Kerajaan mengutamakan penggunaan barang-barang tempatan yang ada dalam negara kita ini, untuk diproses dijadikan berbagai-bagai alat, benda-benda sama ada untuk kegunaan dalam negara kita ini ataupun untuk dieksport.

Kerajaan kita telah menggalakkan penubuhan industri-industri kecil di luar bandar, tetapi setakat hari ini pertumbuhannya belum boleh dikatakan menggalakkan, maksud saya Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Kerajaan menambahkan lagi penubuhan industri-industri kecil ini di luar-luar bandar, kalau boleh sekurang-kurangnya satu kawasan Dewan Undangan Negeri, satu industri kecil ditubuhkan, ini bergantung kepada keadaan barang-barang mentah, asli, tempatan yang boleh diproses, digunakan dalam kawasan itu sendiri. Tetapi saya yakin sekurang-kurangnya satu industri kecil memang boleh ditubuhkan di setiap satu kawasan Dewan Undangan Negeri. Perlaksanaan ini tergantung kepada daya usaha, inisiatif pemimpin-pemimpin dan kesungguhan pegawai-pegawai Kerajaan kita yang ada dalam kawasan itu untuk menyelidik dan bekerjasama untuk menggalakkannya. Dengan cara yang demikian, pertumbuhan industri-industri kecil di kampung-kampung di luar bandar ini akan bertambah dari semasa ke semasa dan penggunaan barang-barang tempatan bukan sahaja digunakan, tetapi juga dinikmati di samping meningkatkan lagi ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya suka menyentuh berhubung dengan dasar luar negeri kita. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas usaha Kerajaan kita meningkatkan kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam, demikian juga kepada usaha-usaha Pertubuhan Persidangan Islam untuk menyelesaikan peperangan Iran dengan Iraq. Kita berasa dukacita kerana dua buah negara Islam kita telah bersengketa dan bermusuhan, berperang begitu lama, bukan sahaja melibatkan ekonomi negara mereka terancam, tetapi

keselamatan dan rakyat mereka juga turut terkorban sama sekali. Sepatutnya negara-negara Islam bersatu, bermuafakat antara satu dengan lain, tetapi tidak di sebaliknya, walaupun beberapa usaha-usaha untuk mendamaikannya telah dibuat, tetapi setakat hari ini belum berjaya lagi. Oleh itu saya berharap kepada Kerajaan kerana kita pun sebuah daripada negara Islam juga supaya mengambil daya-usaha yang bersungguh-sungguh, menjadi orang tengah untuk menyatupadukan, untuk mendamaikan semula negara Iran dan Iraq ini. Kerajaan Malaysia hendaklah menyelesaikannya bersungguh-sungguh sama ada bertindak terus sebagai orang tengah atau cara yang lain bagi menyelesaikan peperangan mereka dan kalau perlu kita jemput mereka ke mari, adakan persidangan, perbincangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukup setakat itu dan dengan ini saya menyokong dan saya mengucapkan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Di Raja yang telah dititahkan pada 25-3-1985 yang lalu. Terima kasih.

**Datuk Abang Haji Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab.

5.26 ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap menyokong rakan saya Senator Tuan K. Kumaran bagi menyembahkan junjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25-3-1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik di atas Titah yang padat dan jitu yang merangkumi seluruh aspek pertumbuhan dan perkembangan

negara kita terutama sekali di bidang pertumbuhan ekonomi, di antaranya pertumbuhan ekonomi negara bagi 1985 dianggarkan dalam lengkongan 6% berbeza dengan pertumbuhan kadarnya pada tahun 1984 iaitu 7%, tetapi tahun 1986 iaitu tahun hadapan diramalkan lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Raja, Ketua kepada negara ini, baginda telah berseru di dalam Titahnya diantara lain, "semua pihak perlulah bekerja keras untuk meningkatkan lagi produktiviti negara bagi menentukan kejayaan dalam perdagangan dan peningkatan taraf hidup rakyat".

Tuan Yang di-Pertua, sekali pandang dalam keadaan pertumbuhan ekonomi serta dengan pertumbuhan-pertumbuhan, perkembangan perusahaan bahan-bahan utama kita, melihatkan harga getah yang tidak pernah meningkat, melihatkan industri bijih timah yang semakin hari semakin malap, golongan manakah yang hendak bekerja keras ini? Tuanpunya-tuanpunya estet getah banyak telah membiarkan ladang getahnya kerana pekerja-pekerja sudah lari, pekebun-pekebun kecil sudah lama golong tikar berhijrah ke tempat lain, sekalipun menjadi buruh kasar di kilang-kilang dengan keadaan hidup yang amat sempit di bandar-bandar, nasib pekerja-pekerja dan tuanpunya lombong-lombong bijih termasuk kapal-kapal korek yang besar, yang dipunyai oleh Pernas Charter (M.M.C.) semuanya berwajah masam dan muram. Jadi penekanan-penekanan untuk bekerja keras ini memang baik kepada ahli-ahli fikir dan profesional kita, ahli-ahli ekonomi termasuklah ahli-ahli politik dalam pemerintahan supaya kita berfikir mulai masuk kepada dekad tahun 1990an ini sama ada negara kita akan menumpukan perhatian kepada bahan

eskport getah dan bijih timah, ini hendaklah ditentukan dengan tegas sebelum keadaan menjadi bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang nasib kita sebagai negara yang kecil ini, secara disadari atau tidak disadari kita terjatuh menjadi mangsa kepada apa yang disebut, dengan izin, "The International Jewish Lobby" di dalam perdagangan eksport, bahan-bahan utama kita seperti getah dan bijih timah. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, beberapa rombongan-rombongan dagang yang diketuai oleh delegasi-delegasi kita yang handal, yang diketuai oleh Menteri-menteri, ahli-ahli perniagaan, yang dihantar ke luar negeri untuk menggalakkan pembelian minyak sawit di luar negeri, kononnya minyak sawit kita ini melalui negara ketiga, tetapi hari ini masih belum menampakkan kesan yang menggalakkan.

Negara-negara sahabat kita dalam Komanwel dahulu pun banyak yang lebih mengutamakan minyak kacang soya, itu memang urusan dalam negeri mereka, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, sekalipun urusan dalam negeri mereka, sedarkah kita pada satu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ketika merasmikan satu kilang minyak sawit di negara ini telah menyuarakan perasaan dengan lantang, iaitu ada negara-negara tertentu, Kuasa-kuasa Besar tertentu yang membusuk-busukkan, yang melemah-lemahkan dan merendahkan mutu minyak kelapa sawit kita di pasaran dunia. Kerajaan kita harus bertindak tegas di dalam perkara ini kerana bidang ekonomi ini adalah bidang yang, dengan izin, competitive, tidak mengenal sahabat dan tidak mengenal musuh.

Contohnya, ada rombongan-rombongan daripada negara-negara sahabat kita ASEAN sendiri yang

pergi Ke luar negeri, selepas rombongan dagang kita sampai ke negara-negara pengguna itu rombongan dagang mereka pun sampai, dengan pujuk rayu, dengan memberikan kemudahan kredit yang rendah, dengan memberi jangka masa kredit yang panjang dan dengan beberapa perkara pujuk rayu yang di luar bidang kita memahaminya lagi, dengan sendirinya negara-negara pengguna yang pada mulanya tertarik dengan minyak sawit kita, akhirnya minyak sawit kita tidak juga laku.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sudah bertuah walaupun dua sumber utama kita getah dan bijih timah telah jatuh, tetapi Allah s.w.t. telah mengurniakan dua sumber baru yang berupa minyak daripada pokok dan minyak daripada petroleum daripada perut bumi. Jikalau dua sumber ini kita tidak menumpukan perhatian yang lebih serius, saya fikir dan kita minta elaklah, keadaan pertumbuhan ekonomi kita akan bertambah buruk lagi pada masa hadapan.

Apa yang kita mahu, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya negara-negara sahabat kita, terutama sekali negara-negara ASEAN yang iklimnya, tanahnya, sumber hasilnya lebih kurang sama, tetapi setiap kali ada perjumpaan, mesyuarat, perbincangan diperingkat atasan nampaknya Presiden-presiden daripada negara-negara sahabat kita itu berpeluk mesra dengan Perdana Menteri kita, dengan Pak Menteri-Pak Menteri kita, tetapi balik sahaja ke tanahair masing-masing dalam tempoh seminggu keadaan sudah tidak semesra semasa perjumpaan itu. Ini sungguh kita kesalkan di dalam konsep hidup bersama dan mendokong cita-cita bersama di kalangan sesama negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kuota bijih timah sebagaimana yang saya katakan semalam, saya amat menyesali sikap taat setia yang melampau negara kita ini kepada perjanjian-perjanjian, dengan izin, International Tin Council (ITC) kerana apa yang dibangkitkan daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama kelmarin, beliau menyatakan dengan adanya persetujuan ITC ini kita dapat mempertahankan harga optima bijih timah lebih kurang di antara \$29 sekilogram. Jika tidak dengan ITC ini, kata Menteri tersebut, harga timah akan jatuh di antara \$12 ke \$15 sekilogram. Saya rasa perkara ini tidak munasabah dalam keadaan yang wujud sekarang. Pelombong-pelombong bijih kita berpendapat bijih timah di negara ini boleh dikeluarkan dengan harga yang kurang daripada \$29 sekilogram kerana kos pengeluaran bijih timah negara kita adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara rakan pengeluar bijih timah yang sepakat di dalam ITC.

Contohnya seperti negara Bolivia di Latin Amerika kerana di negara itu kos pengeluarannya tinggi kerana bentuk perusahaan industri bijih adalah, dengan izin, "load mining". Maka, sekalipun harga diturunkan di bawah paras \$29 ini yang ditetapkan oleh ITC, negara kita masih berdaya dan mampu menanggung kos pengeluarannya. Dengan sikap kita yang begitu fanatik mematuhi kawalan ITC, secara tidak langsung kita telah membantu menstabilkan industri bijih di negara-negara seperti Bolivia itu di mana kos pengeluarannya tinggi dan sebaliknya membunuh industri perlombongan bijih timah di negeri kita sendiri. Keadaan yang wujud sekarang bijih timah di negara ini diseludup ke negara sahabat kita di selatan, dengan tegasnya di Singapura, masuk ke pasaran gelap yang amat menguntungkan mereka, ditambah

lagi dengan pengaliran timah dari negara-negara Thailand dan Indonesia. Kedua-dua negara ini tidak masuk di dalam ITC group. Dengan secara berlambak bijih daripada negara-negara itu dan juga sebahagiannya daripada negara kita memasuki pasaran gelap di Singapura.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan yang tak tentu arah ini Kerajaan tidak boleh berdiam diri atau bersikap "menunggu dan lihat" sahaja. Kerajaan patut mengambil sesuatu langkah, sama ada bertindak tidak mematuhi Perjanjian ITC, kira keluar daripada kumpulan ITC ini atau kita tutup terus industri lombong bijih supaya kita boleh menumpukan kepada sumber ekonomi yang lain pula, kerana kebanyakan pekerja-pekerja lombong telah beribu-ribu diberhentikan, tetapi dalam bahasa Kementerian Buruh tidak dikatakan diberhenti, "retrenchment" sahaja. Maknanya ditangguh sehingga keadaan quota bijih itu pulih, boleh panggil balik bekerja, tetapi kalau 5 tahun lagi tak pulih, saya tak nampak apakah nasib mereka itu akan boleh berubah atau tidak. Jadi, kita memerlukan satu sikap yang tegas daripada Kementerian yang berkenaan supaya sumber-sumber utama negara kita seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit ini demi "survival" negara kita pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah yang berikutnya saya ingin menyentuh apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, di antara lain di muka 3, "Negara memerlukan generasi muda dan bersatu padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin, bermoral tinggi serta sanggup memberi sumbangan ke arah perpaduan dan pembangunan negara". Titah yang luas ini adalah satu kunci kepada keselamatan dan menjamin sama ada negara kita ini akan dapat mengeluarkan generasi

yang bertanggungjawab untuk meneruskan perjuangan kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali dalam membentuk disiplin dan moral generasi baru ini selain daripada generasi lama bertugas, mass media memainkan peranan yang penting. Pertamanya, mass media yang di bawah kawalan ketat Kerajaan 100%, walaupun hari ini sudah ada TV3, ialah RTM. Saya nampak ada banyak peranan yang dimainkan oleh mass media RTM ini tetapi akhir-akhir ini rancangan-rancangan TV adalah semacam perancangan ini tidak diteliti ataupun tidak dengan halus, dengan kehendak untuk menimbulkan generasi yang berdisiplin, bermoral, berilmu tinggi ini akan tercapai. Kerana rata-rata di seluruh pelusuk desa, saya tak tahu di bandar kerana saya datang daripada desa, mereka amat kesal dengan rancangan TV yang telah dimulakan pada tiap-tiap pagi Jumaat dan pagi Ahad, dimulakan daripada pukul 10.00 pagi yang melibatkan kanak-kanak sekolah, generasi-generasi muda ini terpegun dan menatap TV sehingga payah dan amat sukar untuk ibu-bapa menarik minat mereka ke arah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, siaran-siaran TV kita dengan radio kita yang telah ada pada masa yang telah lalu dimulakan pada pukul 3.00 petang dan 5.00 petang itu pada hari-hari tertentu sudahpun mencukupi. Kalau kita tambah tenatkan lagi keadaannya bermula dengan awal pagi saya kira amatlah susah untuk kita membentuk suatu generasi yang bermoral kerana disiplin di rumahtangga ini kadang-kadang dengan anak-anak yang di bawah lingkungan umur ini memerlukan ketaatannya bukan kepada TV tetapi kepada ibu-bapa.

Di dalam keadaan zaman kita sekarang ini bukanlah senang untuk menarik minat kanak-kanak itu dan

mengalihkan minat mereka daripada suatu sumber seperti rancangan-rancangan kartun, rancangan-rancangan yang menyeronokkan dan mengasyikkan di rancangan TV itu kepada perintah kedua ibu-bapanya. Jadi, biarlah pihak RTM mengkaji dengan halus dan memikirkan dengan sedalam-dalamnya supaya dihapuskan balik rancangan yang telah dimulakan daripada awal pada hari Jumaat dan hari Ahad itu.

Rancangan-rancangan TV ini banyak yang berkesan di kalangan umur kanak-kanak. Suatu kejadian yang ganjil tetapi benar berlaku di peringkat umur Tadika, berlaku kerana minat kanak-kanak ini melihat iklan-iklan di TV kerana kita terlampau menumpukan untuk gerakan menghapuskan dadah, kita siarkan sepanjang waktu hukuman mati dengan gantung. Setiap hari dikeluarkan dengan gambar tali gantung.

Pada suatu hari ada kejadian di tempat saya, kanak-kanak di umur 6 tahun, kindergarten ini menggantung dirinya dengan tali plastik tetapi oleh kerana keadaan pada masa itu nasib baik lagi ibunya sedar, mendengar renggek suara budak menjerit maka dia meluru di waktu maghrib itu mendapatkan suara renggek itu, dapat diselamatkan. Apabila ditemuduga oleh guru-guru seminggu kemudian selepas pulih daripada keadaannya budak itu pun bercakap. Bila Cikgu soal dari mana dapat idea ini? Dia kata, TV tunjuk gantung sampai mati. Inilah di antara kesan dan kekesanannya rancangan-rancangan TV. Jadi peranan TV yang ditayangkan di kaca TV ini memanjang hari barangkali tidak terfikir oleh perancang-perancang itu, penyusun rancangan itu sampai begitu akibatnya tetapi inilah yang telah terjadi.

Peranan mass media ini lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang amat mengelirukan kita ialah peranan akhbar tempatan kita seperti *Utusan Melayu*, *New Straits Times*, *Berita Harian*. Saya perhatikan di dalam usaha-usaha Kerajaan untuk membanteras dadah ini sebaliknya berita-berita Jamal Abdillah, penyanyi yang dipuja dan dipuji oleh beribu pemuja ini telah masuk kes di Sarawak tetapi hampir setiap hari sampai hari ini disanjung dan dipuja, disiarkan besar-besaran di dalam akhbar. Apakah peranan akhbar kita menyanjung penagih dadah ini dan sebaliknya tidak membantu Kerajaan di dalam usaha-usaha kita untuk membasmi dadah di negara ini. Saya kira pihak akhbar sudah menampakkan suatu daya usaha yang melampau di dalam memberikan publisiti kepada penyanyi penagih dadah ini sehingga bersiri-siri cerita Jamal Abdillah ini ditunjukkan. Jadi, kepada masyarakat umum di dalam generasi umur yang begini, sahabat-handai dan peminat-peminat Jamal Abdillah akan bertanya rupa-rupanya menjadi penyanyi, menjadi artis, menjadi penagih dadah adalah suatu petanda baik supaya nama bertambah harum dan kelak apabila keluar daripada penjara kerana hukuman akan disanjung tinggi lagi oleh pihak akhbar dan masyarakat, Mengapa kita jadi pemuja kepada penghisap dadah dalam usaha ini. Dalam bahasa kampungnya kita "terbalik kot", Tuan Yang di-Pertua. Kepada kaki-kaki main terup tahulah apa istilah "terbalik kot" ini. Usaha kita dalam satu segi untuk membasmi dadah tidak berkesan kiranya di tangan kanan kita mengeluarkan kenyataan-kenyataan menyokong tindakan-tindakan ini. Kepada Menteri yang berkenaan di dalam hal ehwal negeri yang bertanggungjawab di dalam meluluskan KDN akhbar-akhbar ini patutlah memberi nasihat kepada akhbar supaya tidak keterlaluan mengambil konsep kebebasan akhbar

itu dijadikan sebeb-bebasnya, sekehendak hati kita sehingga boleh meracuni fikiran rakyat dari segi pembasmian dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Kementerian Pengangkutan khususnya kepada Malaysian Airline System (MAS). MAS ini dengan iklannya yang sangat cantik dan indah: MAS menerbangkan anda dengan senyuman, tetapi dengan peristiwa yang berlaku pada akhir tahun 1984 saya menganggap MAS adalah menerbangkan anda dengan sengsara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut dan hairan sikap MAS yang berpejabat di Jeddah di dalam usaha-usaha menarik pelancong terutamanya membawa penumpang-penumpang jemaah yang melakukan umrah. Pada tahun itu sungguh amat kecewa, bahkan jemaah-jemaah yang melakukan umrah ini sempat beribu-ribu jumlahnya, bukan sampai ke paras jemaah haji yang 22,000 lebih tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun MAS mementingkan jemaah-jemaah di bawah agensi pelancongan umrah sahaja tetapi tiket-tiket MAS yang dijual melalui agen-agen lain yang bukan melalui agensi pelancongan umrah MAS ini mereka semuanya menaiki MAS tetapi pergi sahaja ada jaminan, balik tidak ada jaminan. Tidak tentu tarikhnya dan amat sukar pula untuk menemui pegawai-pegawainya, pengurus-pengurusnya, yang berdolak-dalik tentang menentukan tarikh penerbangan balik. Sebaliknya penumpang-penumpang daripada negara Pilipina, daripada Korea mendapat layanan yang istimewa daripada anak tempatan. Adakah MAS menjalankan sikap dan konsep perjalanannya "anak di pangkuan dicampakkan, dan anak dihutan disusukan?"

Saya berharap kepada pihak Kementerian Pengangkutan supaya meneliti, menyiasat dan bertindak

terhadap pihak audit MAS ini bagaimanakah dia menjalankan sistem pengauditan terhadap tempahan tiket penumpang-penumpang yang pergi umrah kerana saya dapati wakil-wakil, agent-agent membuat tempahan itu kadang-kadang tanpa tiket tetapi bila dipicit pesawat computer ada menunggu 30 orang, hari ini, besok kita sampai cancell 15 orang. Besok kita datang naik balik 80 orang. Seorang penumpang umrah iaitu Allahyarham Tuan Haji Chik bapa mertua kepada bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor meninggal di Jeddah di dalam menunggu tarikh daripada hari ke hari hingga sampai berminggu, 10 hari lewat daripada tarikh yang ditetapkan. Saya sama, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengangkat jenazah itu ke tanah perkuburan Ma'ala. Inilah terjadi bagaimana MAS boleh tidak langsung memberi perhatian dan layanan kepada anak bangsanya, anak watan negara Malaysia ini yang beragama Islam yang bukan berjoli ke tempat yang bukan-bukan. Mereka menunaikan ibadat umrah, mendoakan keselamatan dan kesejahteraan, keharmonian pertumbuhan negara yang baik tetapi sebaliknya mereka dapat layanan yang sebegini rupa.

Pihak MAS walaupun mementingkan agensi umrah dia tetapi pihak-pihak agensi yang lain yang membantu menjual, mengiklan kebaikan MAS ini patut mereka bekerjasama berganding bahu kerana di dalam usaha ini kita adalah berniaga dan memberi khidmat sambil menepati apa yang disebut menerbang anda dengan senyuman, jangan menerbangkan anda dengan sengsara dan susah payah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh satu, dua masalah di dalam membentuk generasi muda yang bersatu padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan

bermoral tinggi ini setelah 28 tahun kita merdeka, setelah 25 tahun sistem demokrasi berparlimen kita telah beralih daripada penjajah kepada bangsa sendiri, alangkah megahnya negara kita telah dapat mengeluarkan ahli-ahli fikir, pentadbir-pentadbir, Menteri-menteri, Professor-professor, Profesional-profesional tetapi masih ada lagi ahli-ahli profesional kita, pegawai-pegawai tinggi kita yang memberi contoh, budi bahasa yang tidak baik.

Satu pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kejadian budi bahasa ini berlaku di kalangan apa yang disebut oleh Tuan Haji Senator kita daripada Kelantan kelmarin kepada golongan nombor 4, nombor 3 kita boleh maafkan tetapi mereka ini telah sampai ke peringkat pengurus di sesebuah kapal korek, lombong dan sebagainya. Ada satu kejadian di mana ada seorang buruh sementara pekerja lombong, ia diberhentikan dan pekerja ini merayu kepada pengurus itu mengatakan tolong beri pertimbangan kepada saya untuk tempoh dua, tiga bulan lagi bagi menghabiskan ansuran motosikal yang masih belum tamat. Apa jawab si pengurus yang sepatutnya memberikan kata-kata yang manis, sebaliknya meluahkan kata-kata yang amat dahsyat seperti bom atom kepada pekerja muda ini. "Duit lombong ini bukan duit bapa awak."

Semua ini, Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mengalihkan daripada sistem penjajahan mengambil alih kekuasaan di dalam bidang pengurusan, di dalam bidang ekonomi apa lagi dalam bidang politik sepatutnya kata-kata kesat yang tidak bermoral yang tidak boleh menjadi contoh dan teladan tidak sepatutnya keluar daripada orang-orang yang berpangkat tinggi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga pernah terjadi kepada rakan-rakan kita menghadiri temuduga untuk



mendapatkan stesyen PETRONAS di mana seorang pemohon ditemuduga oleh satu panel yang mengandungi 15 orang pegawai. Adapun pemohon ini masuk dengan rakannya sambil menunjukkan pejabat, apa kata seorang daripada ahli-ahli panel itu, yang ini siapa? Sahabat saya. Dalam borang kata seorang sahaja, balik, boleh keluar. Ini amat memeranjatkan dalam keadaan kita menyanjung bahawa peralihan ekonomi dan kuasa pentadbiran ini balik ke tangan anak negara kita, sebaliknya lebih kesat daripada perkataan dan perbuatan bangsa barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang disuarakan oleh sahabat saya Senator Tuan Haji Mohd. Nor daripada Kelantan itu iaitu penerapan, kursus ataupun orientasi ini bukan setakat bidang orang nombor 4, ataupun golongan nombor 3 tetapi nombor satu yang perlu di kursus dengan berus dawai ialah golongan nombor satu dan nombor dua ini supaya selaras dan seimbab, selari dengan konsep yang dibawa oleh Kerajaan iaitu Bersih, Cekap dan Amanah serta melaungkan Kepimpinan Melalui Teladan. Jika tidak maka laungan kita dan hasrat Kerajaan untuk mendapat Kepimpinan Melalui Teladan ini akan menjadi laungan yang indah khabar dari rupa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian sahajalah ucapan saya di dalam turut untuk memberi sokongan kepada ucapan yang terdahulu untuk menyembah Junjung Kasih yang setinggi-tingginya di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

**Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen:** Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan.

6.20 ptg.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan turut serta menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana titah Baginda dan saya turut menyokong di atas Titah Ucapan yang telah pun dititahkan pada tanggal 25hb Mac, 1985 yang baru lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya merasa bersyukur di atas Titah Ucapan Baginda yang pada mula-mulanya Titah Baginda telah pun mengatakan bahawa Kerajaan kita mengamalkan sikap sederhana dalam segala hal terutama perkara-perkara seperti politik, sosial, ekonomi, kebudayaan dan keagamaan. Dan justeru itu Baginda pun terus menitahkan bahawasanya pihak Kerajaan juga mengamalkan sikap bagi mengeneipkan sikap melampau dan keterlaluan. Dan seterusnya lagi Baginda juga, titah Baginda dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam, tidak akan menjejaskan hak asasi kaum-kaum yang menganut agama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana akhir-akhir ini kita dengar dalam usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua segi pentadbiran dan kehidupan sehari-hari rakyat jelata seluruh negara kita ini, maka kita semua sokong seratus peratus, tetapi telah pun digambarkan atau diberi gambaran yang agak berbeza di mata dunia yang mana ini telah pun menimbulkan satu keraguan ataupun satu tanda tanya tentang ke manakah haluan dan jalan yang akan dituju oleh Malaysia di bawah pimpinan Kerajaan, dalam usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Adakah kita akan mengikuti langkah dan contoh yang dibawa oleh Kerajaan Iran sebagai contoh ataupun seperti yang dilakukan oleh Kerajaan

Pakistan ataupun di lain-lain negara dunia Islam yang sedia ada yang mana pada ketika ini telah banyak menunjukkan berbagai perkara yang belum dapat kita katakan memuaskan kehendak dan hasrat kita sebagai orang-orang yang menganuti agama Islam.

Maka Titah Ucapan Baginda dan dasar Kerajaan dengan bersikap kesederhanaan dalam semua segi ini, kepada saya, ia mencerminkan bahawasanya negara kita, sistem kita, Kerajaan kita merupakan satu sistem pentadbiran yang begitu unik sekali dan tidak ada tolok bandingnya, tidak ada yang serupa dengannya. Malahan pada hemat saya, kita perlu sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat untuk berusaha melahirkan sebuah negara Islam yang tercontoh, yang istimewa dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain. Oleh kerana pada hemat saya setakat ini kita belum boleh lagi bangga dengan pencapaian negara Islam yang lain dari segi pentadbiran, politik ataupun sebagainya yang pernah terlihat ataupun pernah tercatat dalam sejarah.

Maka di sini, saya ingin menekankan bahawasanya pihak Kerajaan perlu dan seharusnya dalam kita melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam untuk mencuba sedaya upaya mengambil kira keadaan semasa, keadaan negara yang majmuk dengan berbilang kaum dan berbilang agama dengan dasar-dasar Kerajaan untuk mempertingkatkan sumber ekonomi, perindustrian, pelancongan dan sebagainya. Kita perlu membuat dasar-dasar ataupun menentukan keutamaan-keutamaan yang tersendiri dan melaksanakan segalanya itu mengikut kehendak zaman, keperluan semasa agar benar-benar kita akan dapat mewujudkan sebuah negara Islam yang benar-benar agresif, dinamik dan mengikut keadaan

zaman. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin ketinggalan zaman dan kita akan mengalah ataupun dikalahkan dalam dunia yang penuh persaingan ini yang mana semuanya sedang berlumba-lumba untuk memperhebatkan lagi pencapaian pentadbiran dan kepimpinan peringkat Kerajaan di negara-negara antarabangsa.

Maka di atas dasar Kerajaan yang telah pun begitu jelas dan nyata yang dilafaskan, yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda di Dewan Rakyat, pada hemat saya semua kita yang menjadi anggota Dewan ataupun rakyat negara kita ini, ketika ini sepatutnya dan seharusnya berasa syukur dengan amat sangat yang mana kita akan dapat terus bermastautin di bawah pimpinan, satu payung yang akan mengambil kira kepentingan semua bangsa, semua kaum dan semua agama, yang mana kita perlukan agar suatu Kerajaan beragama yang berlandaskan Islam yang benar-benar unik dan tersendiri dapat diwujudkan di negara kita ini agar kita dapat bersaing dengan di dunia antarabangsa bagi menunjukkan kepada dunia cara, style, pimpinan Islam yang tidak ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda tentang keadaan ekonomi semasa di mana telah banyak dikaitkan ataupun dibangkitkan oleh sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini, saya ingin hanya mengambil sedikit peluang ini untuk menekankan bahawasanya dalam keadaan ekonomi meleset, bukan sahaja di Malaysia bahkan seluruh dunia, tetapi walaupun keadaan meleset ekonomi seluruh dunia, Malaysia boleh juga bangga yang pertumbuhan ekonomi kita agak memuaskan kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain mahupun dengan negara-negara yang telah pun maju lebih lama daripada kita. Tetapi ada perkara-perkara yang kecil tetapi penting bagi

menentukan agar pertumbuhan ekonomi kita ini tidak seburuk yang sepatutnya. Malahan kita mampu lagi, insya Allah mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi ini agar pertumbuhan kita ini dapat dikawal, tidak turun jauh daripada yang kita ingini, malahan kita dapat perbetulkannya, kita akan dapat mempertingkatkan projeksyen yang mana pada tahun yang ke hadapan ini pertumbuhan ekonomi kita dianggarkan akan turun pertumbuhannya daripada tahun-tahun yang sudah, mahupun kalau dibandingkan dengan tahun ini.

Cara-caranya ialah ingin saya mengambil masa sedikit untuk memberi pendapat dan sumbangan dalam Dewan yang mulia ini iaitu kita telah nampak tindakan Kerajaan untuk menjimat cermatkan perbelanjaan Kerajaan, telah dapat hasil yang agak menggalakkan juga yang mana sejak ianya dilancarkan pada tahun 1982, tiap-tiap tahun Kerajaan telah dapat menjimatkan tidak kurang daripada \$3-\$4 billion (\$3,000 juta-\$4,000 juta) Malaysia dan setakat ini kalau dikumpulkan, kita telah dapat menjimatkan tidak kurang daripada M\$13 billion (M\$13,000 juta), yang mana tentu sekali akan dapat kita memperbaiki lagi pencapaian pertumbuhan ekonomi kita dan usaha-usaha ini perlulah diteruskan. Malahan dilipat-gandakan oleh Kerajaan agar segala pembaziran ini, dan segala perbelanjaan yang tidak perlu sangat dapat kita bendungkan dan justeru itu dapat pula kita mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi agar lebih menyenangkan kita, oleh kerana pertumbuhan ekonomi ini lambat laun akan juga membabitkan setiap rakyat baik kaya, baik miskin, baik besar, baik di kampung mahupun di bandar.

Dan akhir-akhir ini keadaan ekonomi kita lebih-lebih meleset lagi dengan keadaan yang mana sebuah

parti dalam Kerajaan telah tidak dapat mengatasi masalah mereka dengan saksama, dengan damai seperti diharap-harapkan oleh kita semua. Saya bangkitkan perkara ini oleh kerana ianya penting sebab parti ini dan anggota parti ini merupakan kaum setakat ini yang monopolikan ekonomi negara kita. Maka sekiranya kaum yang memonopolikan ekonomi kita, kalau mereka berkecamuk, bergaduh dan menimbulkan pecah-belah di antara mereka tentu sekali kesannya amat buruk sekali kepada keadaan ekonomi negara. Itu sebab mengapa sekarang ini harga-harga kaunter-kaunter di pasaran Kuala Lumpur Stock Exchange telah jatuh menjunam dengan hebatnya. Dan ini kita nampak akan berpanjangan selagi masalah yang ada di dalam parti yang dalam Kerajaan itu tidak dapat diatasi.

Di sini saya ingin melafazkan perasaan sedih dan dukacita saya yang mana saya nampak pemimpin-pemimpin parti yang berkenaan yang mana juga merupakan pemimpin-pemimpin Kerajaan negara kita, langsung tidak mempedulikan kepentingan negara, kepentingan ekonomi dan kepentingan umum, malah jelas kepada saya, mereka ini lebih mementingkan lagi diri sendiri ataupun komplot-komplot ataupun kumpulan-kumpulan mereka yang tertentu. Langsung mereka tidak indah apa akan jadi kepada negara kita ini dari segi ekonominya sekarang ini ataupun mungkin kepada negara umum sekiranya katalah kalau pilihanraya umum diadakan lebih awal daripada jadual. Saya merasa sedih dan dukacita sekali mengapa orang-orang yang kita harapkan sebagai pemimpin kita juga sebagai rakan berkongsi dalam Kerajaan, sebagai partner dalam kita mentadbirkan negara, sanggup mengambil risiko-risiko begitu besar bagi keuntuhan, bagi kebajikan dan kesejahteraan negara kita ini. Kita perlu sangat agar mereka ini memikir semula tentang

implikasi dan kesan personal conflict, dengan izin, yang ada kepada pemimpin-pemimpin mereka ini dan justeru itu cubalah sekiranya mereka cintakan negara ini, sekiranya mereka benar-benar menganggap mereka ini rakyat jelata ataupun rakyat negara Malaysia ini dan ingin kesejahteraan negara ini, saya fikir tibalah masa dan ketikanya bagi mereka benar-benar mencari jalan tengah bagi mengatasi masalah mereka seperti yang telah pun dibuat tidak lama dahulu disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri, tetapi di manakah sebenarnya keikhlasan dan kejujuran mereka ini? Saya ingin mempersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini juga kita dengar keadaan ekonomi yang begitu kucar-kacir, ura-ura begitu hangat sekali walaupun ini merupakan khabar-khabar angin tetapi kita cemas sekali dan saya ingin menyatakan di sini bahawa saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengawalkan keadaan ini dan justeru itu mengambil tindakan yang tertentu agar ianya tidak jadi seperti yang diramalkan. Ini ialah berkenaan dengan kemungkinan ringgit Malaysia akan diturunkan harganya. Saya dengar khabar di pasaran pihak badan perunding antarabangsa mencadangkan setinggi-tinggi 30% nilai mutu ataupun harga ringgit ini perlu diturunkan dan cadangan itu telah pun kononnya dicadangkan kepada pihak Kerajaan bagi menimbangkannya. Dan ada pula mengatakan bahawasanya Kerajaan sedang memikirkan kemungkinan, hendak menurunkan nilai ringgit mata wang Malaysia ini tidak sampai 30% tetapi mungkin hanya 20%. Tetapi pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang ada sekarang ini, dalam masa kita bersiap untuk menghadapi pilihanraya umum, sekiranya Kerajaan menurunkan lagi

nilai matawang ringgit, saya percaya moral dan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan mungkin luntur dan ia akan menyebabkan dan membabitkan, di setengah-setengah tempat mungkin, pihak Barisan Nasional, Kerajaan tidak akan dapat mengekalkan kerusi bagi menentukan majority yang banyak dalam Dewan Negeri dan juga Parlimen. Maka saya berseru dan saya berharap pihak Kerajaan agar kalau boleh setakat ini janganlah mintanya langsung menimbangkan mana-mana cadangan untuk menurunkan nilai matawang ringgit bagi kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berubah sedikit kepada lain bab yang telah pun dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia iaitu berkenaan dengan peranan belia dan para pelajar bagi menentukan keutuhan, kesejahteraan negara pada masa kini dan masa muka. Kita amat kesal sekali di setengah-setengah pusat pengajian tinggi, di setengah-setengah pusat bahagian di luar negara, ada setengah-setengah penuntut dan para pelajar yang begitu terbawa-bawa sangat mendokong dan menyokong perkara-perkara yang dibuat ataupun yang dibawa oleh Pembangkang Kerajaan. Kita amat hampa sekali kerana pelajar-pelajar ini begitu mudah sekali terpedaya dengan satu dua perkara buruk yang merupakan perkara yang remeh-temeh sahaja. Sebenarnya, Kerajaan telah buat banyak benda yang baik dan elok, hanya segelintir sahaja perkara yang tidak baik mungkin berlaku. Tetapi dalam keadaan pelajar-pelajar ini yang sebegitu mudah terpengaruh oleh anasir-anasir yang tidak senang cara Kerajaan memimpin negara ini, banyak belia dan para pelajar telah pun dibawa ke jalan ataupun ke lorong bagi mengeruhkan imej dan prestasi perjuangan ataupun pemimpin perjuangan ataupun pemimpin Kerajaan di khalayak ramai, baik di dalam mahupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, itu sebab pentingnya mengapa kita perlu lebih banyak lagi masa dan tenaga untuk mewujudkan ramai lagi guru-guru ataupun pendidik-pendidik dalam segi kaunseling untuk kita dapat merapatkan lagi dasar Kerajaan dengan para-para belia dan para-para pelajar kita, agar mereka benar-benar sedar dan insaf dan tahu apakah sebenarnya dasar Kerajaan, perjuangan Kerajaan dan cara-cara Kerajaan mentadbirkan negara kita ini.

Kita tidak payah bercakap di sini tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan selama ini. Tetapi yang sedih, ialah penumpuan masa dan orang yang tertentu untuk mengambil kira dan mengambil tahu tentang keperluan-keperluan tertentu kepada belia-belia dan para-para pelajar amat kurang sekali. Petang tadi pun kita mendengar apabila kita soalkan tentang ratio—jumlah guru, counsellor dengan penuntut, pihak Kementerian Pelajaran tidak ada pun butir-butir ataupun statistiknya yang mana ini amat mendukacitakan saya sendiri. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dan berat tentang kepentingan pelajar dan negara, saya fikir dan saya percaya statistik yang tertentu itu perlu sekali, dan ini boleh menentukan apakah keadaan sebenarnya yang berlaku di negara kita ini dan seterusnya apa pula tindakan yang patut diambil bagi mengatasi masalah yang berhadapan dengan perkara yang tertentu itu.

Kita juga dukacita kerana sebentar tadi juga di masa yang sama bertanyakan tentang jumlah penuntut kita yang belajar di luar negeri walaupun jumlahnya lebih daripada 50,000 penuntut yang telah diumumkan oleh wakil Kementerian Pelajaran tadi, tetapi saya sedih sekali oleh kerana breakdown ataupun jumlah penuntut-penuntut mengikut kaum tidak ada. Pada saya ini berat

untuk saya terima sebagai perkara yang tidak mampu dibuat oleh Kementerian Pelajaran, sampaikan breakdown ataupun angka-angka tentang berapa banyakkah penuntut-penuntut Melayu, Cina atau India yang menuntut di luar negeri tidak ada di Kementerian Pelajaran, siapa yang ada angka-angka itu! Itu pada saya satu perkara yang terpenting yang patut ada pada Kementerian, agar daripadanya dapat kita tahu siapakah sebenarnya jumlah penuntut-penuntut kita yang ada belajar mengikut kaum seperti yang perlu ada apabila kita menentukan apa-apa perkara bagi menentukan yang dasar Kerajaan, hasrat Kerajaan itu sebenarnya sampal, dapat diterima dan dapat kita bendung keadaan-keadaan pelajar di luar negeri.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seperti begini amat perlu sekali diambil kira dan Kementerian Pelajaran saya fikir perlu mengambil usaha yang lebih tertentu lagi agar perkara-perkara yang tidak baik yang pernah berlaku di antara pelajar-pelajar dengan Kerajaan tidak terus-menerus berlaku. Saya percaya sekiranya pihak Kementerian dapat menentukan masa pegawai dan juga angka-angka sebagai perkara-perkara yang sedia ada, insya Allah, perkara-perkara yang menjadi masalah dapat dianalisis dengan lebih detail, lebih betul dan lebih baik lagi semoga segala jalan bagi mengatasi masalah itu dapat dibetulkan secepat mungkin dan dengan penuh kejayaan.

Satu lagi perkara yang saya agak penting juga ialah berkenaan dengan penggunaan bahasa Melayu serantau. Kita tahu bahawasanya bahasa Melayu ini merupakan satu bahasa yang digunakan oleh banyak makluk di dunia ini, malah bahasa Melayu digunakan, dituturi oleh satu kumpulan orang keturunan bangsa Melayu jumlahnya kalau dibandingkan dengan bangsa-bangsa

lain ataupun orang-orang yang menggunakan bahasa lain, bahasa Melayu ini tergulung dalam antara satu dalam sepuluh, maknanya kita termasuk dalam senarai jumlah manusia yang menggunakan satu-satu bahasa itu terbanyak sekali dalam dunia. Yang saya ingat, yang terbanyak sekali mungkin bahasa Cina, Inggeris, Perancis, Jerman dan sebagainya, Bahasa Malaysia mungkin duduk dalam peringkat tujuh atau lapan jumlah penduduk ataupun jumlah manusia yang menggunakan bahasa Melayu. Maka pihak Kerajaan ada tidak lama dahulu mencadangkan agar satu Pusat Bahasa Melayu Serantau diwujudkan.

Bagi kita membaiki lagi dan memperhebatkan lagi penggunaan bahasa Melayu di benua ini ataupun di serantau ini, malah kalau begitu hebat bahasa Melayu kita ini, kita boleh buat kalau betul perancangan kita, susunan kita membuatkan bahasa Melayu ini sebagai satu bahasa international. Sebab apa, ia di antara sepuluh bahasa-bahasa yang terbanyak sekali digunakan oleh rakyat di dunia ini. Maka pada saya tidak salah, memang patut kita buat sesuatu agar Bahasa Melayu ini dapat diperhebatkan agar ianya boleh menjadi bahasa international tetapi suatu Pusat Bahasa Melayu Serantau perlu diwujudkan.

Setahu kita walaupun perkara ini telah diumumkan beberapa lama yang lampau, setakat ini pihak Kerajaan belum lagi mampu untuk menubuhkan pusat ini kononnya mungkin kurang ada kemampuan daripada segi perbelanjaannya. Tetapi saya fikir ini suatu investment yang penting bagi kebaikan kita bersama dan bagi kepentingan bahasa Melayu itu sendiri. Saya penuh yakin dan percaya setiap sen kita investkan dalam menubuhkan Pusat Bahasa Melayu Serantau ini akan mendatangkan hasil yang baik dari segi jangka panjangnya

pada bangsa dan bahasa kita, agar mungkin kita akan dapat wujudkan bahasa Melayu ini sebagai satu bahasa international seperti bahasa-bahasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada juga Baginda menekankan tentang pentingnya bidang sukan dan olahraga bagi kita menghadapi musuh-musuh utama negara seperti dadah, komunis dan puak pelampau dan ini mungkin perlu juga kita sama-sama mengambil perhatian walaupun kadangkalanya sukan dan olahraga ini kita tidak memberi penekanan yang begitu penting tetapi kalau kita fikir sejenak ianya boleh dan telah pun membuktikan bahawasanya ia boleh memainkan peranan selain daripada kita dapat mempereratkan silatullah di antara kita sama kita, antara kaum dan sebagainya, ianya dapat juga menjauhi musuh-musuh antara negara seperti yang tersebut tadi iaitu dadah, komunis dan puak pelampau.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dalam keadaan ini kita mintalah dipertimbangkan agar peranan untuk kita memberi keutamaan yang lebih dalam bidang sukan dan olahraga ini dimainkan bersama bukan sahaja oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan malah kalau boleh setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan juga patut menggalakkan bidang ini bagi integrasi rakyat keseluruhannya. Dan di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda mempertekankan pentingnya sukan dan olahraga ini, kita juga harus pandang daripada segi imej negara juga dalam bidang ini yang mana sukan boleh juga memperlihatkan, mempamerkan imej, prestasi, mutu pencapaian, pentadbiran dan sikap sesebuah negara itu.

Akhir-akhir ini kita lihat prestasi dan imej pasukan-pasukan antarabangsa negara kita agak kurang memuaskan. Kita semua sedar dan tahu bahawasanya walaupun negara kita ini negara kecil, kita pernah menjadi jaguh beberapa bidang sukan di peringkat antarabangsa, terutamanya badminton dan keduanya hoki. Maka penekanan dan keutamaan perlu diberi kepada kedua-dua bidang sukan ini yang mana kita boleh excel, dengan izin, mereka boleh menjadi jaguh dunia, bukan setakat serantau ini sahaja, dunia bukan kecil itu, besar. Maka pihak Kerajaan dan juga lebih-lebih lagi persatuan-persatuan yang mengendalikan sukan-sukan seperti ini perlu mengambil berat tentang perjuangan bagi mempertingkatkan mutu sukan ini demi untuk kepentingan dan nama baik negara kita. Dan kita rasa kesal sekali yang mana pemimpin-pemimpin pertubuhan sukan telah menunjukkan sikap yang pada hemat saya negatif yang mana nampaknya pada umumnya setengah-setengah mereka itu ingin mengekalkan tempat tahun demi tahun, tidak mengambil kira tentang kesan kepimpinan mereka itu dan ini dengan sendirinya melemahkan prestasi, imej dan mutu permainan sukan kita, dengan tidak ada langsung perubahan daripada segi kepimpinannya, strateginya ataupun pengetahuan-pengetahuan baru daripada segi strategi dan permainan sukan yang tertentu. Sekiranya mereka itu mementingkan sukan yang mereka anggotai itu, sebagai pegawai, mereka mestilah benar-benar sanggup mengutamakan segalanya bagi menentukan sukan yang mereka pimpin itu tetap mencapai kejayaan. Kalau tidak, mereka mestilah sanggup mengundurkan diri dan membenarkan pufa orang-orang yang lain yang mungkin mempunyai idea-idea yang baru, cara-cara yang baru untuk memperbaiki lagi pasukan sukan kita

agar imej dan nama baik negara kita akan dapat dikembalikan, terutamanya dalam bidang badminton dan hoki. Lain-lain jenis sukan juga penting tetapi mengikut keadaan kita, mengikut bentuk, dan saiz kita yang ada di negara kita ini mungkin tidak dapat kita saingi dengan negara-negara antarabangsa; tetapi cara permainan badminton, contohnya, dan hoki, saiz kita, besar badan kita memang sesuai sekali iaitu kita mampu dan boleh menjadi jaguh di peringkat dunia.

Dengan menggalakkan kaum-kaum pelajar, kaum-kaum muda untuk bersukan dengan lebih baik dan lebih menyeluruh lagi, kita akan dapat juga menjauhi segala musuh-musuh utama negara dan ianya juga akan dapat mempererat lagi integrasi di antara rakyat kita. Dengan itu kita akan dapat juga menjauhi perkara-perkara seperti ancaman dadah daripada mendampingi kaum-kaum belia dan anak-anak muda kita.

Kita juga ingin menyokong Kerajaan yang begitu tegas menggubal Rang Undang-undang baru, yang begitu tegas bagi membanteras permasalahan penagihan dadah dan kita amat kesal sekali dengan sikap setengah-setengah negara asing yang mana tidak mencontohi sikap negara kita dalam isu berkenaan dengan dadah yang mana setengah-setengah negara bersikap terlampau liberal, dengan izin, dengan masalah penanaman pokok-pokok seperti pokok-pokok poppy yang mengeluarkan heroin ataupun pokok-pokok ganja yang mana ini bercanggah sekali dengan harapan dan dasar Kerajaan kita dan juga dasar Kerajaan dunia dan Bangsa-bangsa Bersatu. Kita kesal yang mana setengah-setengah negara membenarkan penanaman pokok-pokok poppy secara berleluasa malah mereka pula menggalakkan dan mengambil untung daripada

penanaman pokok-pokok itu dengan langsung tidak mengira akan kesan buruk daripada bahan-bahan yang dikeluarkan daripada pohon-pohon poppy dan ganja ini sebagai dadah yang telah pun banyak memusnahkan anak-anak muda kita di seluruh dunia.

Di sini saya ingin menyatakan bahawasanya ada di setengah-setengah negara, semua tahu dengan Golden Triangle, iaitu di Vietnam, Kampuchea dan Burma yang mana begitu banyak pokok poppy ditanam dan mengeluarkan banyak heroin yang telah pun masuk ke negara ini dan telah dapat menagihkan berpuluh-puluh ribu anak-anak kita di negara kita ini. Di setengah-setengah negara lain seperti negara-negara Barat juga, di setengah-setengah negeri di Amerika Syarikat pun begitu senang membenarkan tanaman pokok ganja terutamanya di California untuk benda itu ditanam dan seterusnya dijual untuk mendapat hasil yang mana ini bercanggah sama sekali dengan kehendak Bangsa-bangsa Bersatu. Mengenai ini juga, pada hemat saya, perkara yang mana pihak Kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas dan keras di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengutuk sekeras-kerasnya negara-negara yang begitu liberal membenarkan penanaman pokok-pokok poppy, ganja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang telah pun dititahkan oleh Baginda ialah berkenaan dengan, selain daripada kita mempertingkatkan pertumbuhan industri untuk kita mengindustrialisekan negara kita ini, kita juga banyak mempertekankan Dasar Pertanian Negara. Di sini saya nampak bahawasanya pihak Kerajaan dalam memperjuangkan Dasar Pertanian, Kerajaan tidak begitu bersungguh-sungguh seperti Kerajaan melaksanakan Dasar Perindustrian.

Saya nampak seolah-olah Dasar Pertanian ini dibuat sambil lewa sahaja. Itu sebab mengapa sehingga hari ini pihak petani dan hasil daripada bidang pertanian masih lagi menjadi permasalahan kepada kita semua. Tidak habis-habis Dewan ini berdebat tahun demi tahun tentang kekurangan dan kemelesetan sumber-sumber hasil daripada bidang pertanian dan ini tidak sepatutnya, oleh kerana kita semua tahu bahawasanya negara Malaysia ini begitu bertuah sekali, dengan tanah yang subur, dengan iklim yang baik, dengan sang suria yang sentiasa ada.

Kita sepatutnya boleh menjadi sebuah negara pertanian yang begitu terkemuka dengan menghasilkan hasil-hasilan yang terbaik sekali seperti terdapat di setengah-setengah negara jiran. Tetapi malangnya ia tidak sedemikian. Di manakah salahnya? Pada hemat saya "political will" kurang dalam Kerajaan melaksanakan Dasar Pertanian Negara. Saya fikir kalau keutamaan ataupun penekanan (emphasis) yang benar-benar kuat, tinggi, kita mampu jadi sebuah negara pertanian contoh, sebab kita banyak tanah lagi, banyak kawasan yang boleh digunakan, kita selalu dengar ada tanah-tanah terbiar, tetapi mengapakah Kerajaan masih belum dapat mencari jalan bagi membereskan tanah-tanah yang terbiar ini ataupun tanah-tanah yang lapang yang banyak sedia ada itu tidak dapat dipergunakan daripada segi memperhebatkan lagi bidang pertanian di negara kita ini.

Saya menyeru dan saya minta pihak Kerajaan agar memberi penekanan yang hebat seperti Dasar Perindustrian, bagi Dasar Pertanian Negara, sekiranya kita ingin, kita mahukan negara kita bangun dan para petani, para nelayan kita mendapat satu kadar pendapatan yang lebih baik agar taraf kemiskinan dapat diperjuangkan dengan lebih hebat



lagi, agar hasrat Kerajaan untuk mengubahsuaikan masyarakat dan menghapuskan kemiskinan benar-benar dapat dicapai. Lain jalan saya nampak tidak ada, hanya "political will" itu akan menentukan pencapaian kepada hasrat Dasar Ekonomi Baru untuk mengubahsuaikan masyarakat dan menghapuskan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya, Titah Baginda begitu menyeluruh dan telah pun membabitkan, boleh dikatakan semua aspek walaupun ia hanya mengandungi empat muka. Pada umumnya dan seperti saya tekankan awal-awal lagi, kita patut bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah pun mengamalkan sebagai keutamaannya sikap kesederhanaannya dalam semua segi, dalam semua aspek bagi mentadbirkan negara kita ini. Dengan sikap ini sahajalah yang akan dapat menentukan keutuhan, survival serta kejayaan negara kita ini. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t. agar Kerajaan dapat meneruskan usaha-usaha murninya bagi menentukan keutuhan dan kejayaan kita bersama.

Saya penuh yakin dan penuh percaya sekiranya dasar dan sikap kesederhanaan ini yang didokong oleh Kerajaan, insya Allah, kita akan dapat mewujudkan sebuah negara Islam yang unik, yang contoh dan pada tahun-tahun akan datang dapat kita pameran ke dunia sebuah negara Malaysia beragama Islam, yang benar-benar dinamik, agresif dan boleh wujud dan terus wujud dengan penuh kejayaan dalam dunia serba-serbi penuh dengan persaingan ini.

Dengan kata-kata itu dan dengan harapan itu, saya sekali lagi menyokong dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Ucapan Baginda pada 25hb Mac, 1985. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Nen Abidah binti Abdullah.

6.46 *ptg.*

**Puan Hajjah Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama bangun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersempena dengan upacara perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac yang lalu.

Setinggi-tinggi junjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan di atas kejujuran dan keikhlasan Baginda terutama sebagai seorang tonggak negara yang mahukan negara di bawah naungannya mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Baginda juga memuji bahawa Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara dan dengan adanya Parlimen ini dapat memenuhi hasrat rakyat untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang pembangunan. Oleh itu sesuatu yang telah diputuskan di Parlimen ini hendaklah dilaksanakan dengan teratur dan segera supaya hasrat rakyat dalam menanti pembangunan ini tidaklah diibaratkan seperti menantikan buah yang tidak gugur.

Sungguhpun Kerajaan berusaha sedaya upaya bagi memperkembangkan semua bidang badan-badan pentadbiran tetapi masih wujud dasar sambil lewa, sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat terhadap Kerajaan. Kita tidak mahu mendengar jawapan-jawapan dari pihak Menteri yang memberi jawapan di Dewan bahawa usaha ke arah yang dituntut masih dalam pertimbangan. Kerajaan bercadang atau Kerajaan tidak bercadang untuk meluluskan

sesuatu perkara yang difikirkan penting juga oleh rakyat. Dari segi jawapan yang telah kita dengar bersama di Dewan ini oleh Timbalan Menteri berhubung dengan kemudahan yang tidak dapat dikecapi oleh rakyat, jawapan pihak Kementerian, saya sedar bahawa perkara ini berlaku tetapi memandangkan bahawa keadaan di masa ini, maka perkara tersebut tidak dapat dipertimbangkan. Perkara ini berlaku bukan sehari dua, bahkan berpuluh-puluh tahun dan mereka yang sedang mengalami perkara ini sudah tentu timbul satu perasaan tidak puas hati bahawa Kerajaan tidak memandang berat kepada masalah yang sedang mereka hadapi. Di manakah yang dikatakan meningkatkan kemakmuran di kalangan rakyat? Dari segi politik, puas bagi pihak Kerajaan untuk mewujudkan persefahaman, perpaduan di semua kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Semakin lama bukan perpaduan yang dapat dicapai dan diwujudkan, semakin lama perpecahan demi perpecahan wujud sehingga berani mencerca mengatakan yang bukan-bukan terhadap pemimpin-pemimpin agung, terhadap Perdana Menteri dan akhirnya sampai berani menurunkan gambar Perdana Menteri yang kita sayangi. Dan sikap benci mereka terhadap pemimpin-pemimpin di tanamkan kepada orangramai.

Wanita sentiasa mengatakan bahawa ini satu penghinaan bukan gambar Perdana Menteri ini diturunkan, tetapi maruah negara juga sudah diturunkan. Kutuk sahaja tidak memadai. Maka ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perbuatan yang sudah melampaui batas. Gambar-gambar pergaduhan yang berlaku disebarkan kepada orang ramai semasa ceramah-ceramah mereka diadakan. Ini juga menimbulkan satu perasaan yang

tidak puas hati di kalangan pendengar-pendengar yang hanya mendengar ceramah daripada pihak mereka sahaja. Dengan yang demikian di mana akan kita letakkan kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mahukan dan memerlukan kepercayaan, penyertaan, sokongan rakyat secara langsung dari semua peringkat bagi mewujudkan satu negara yang maju dan bermaruah.

Saya berharap kepada Kerajaan akan dapat mengambil langkah serta memberi kawalan yang ketat ke atas mereka yang melakukan perkara yang tidak diinginkan di mana-mana yang melakukan kesilapan, kesalahan, tangkap sahaja, simpan mereka itu dalam penjara. Sedangkan mereka tahu dalam Al-Quran, Allah s.w.t. berfirman yang maksudnya: "Taatilah Allah dan taatilah Rasul(Nya), dan orang-orang yang memegang kuasa di antara kamu." Di mana tidak langsung dapat diwujudkan aljumaah iaitu bersatu teguh bercerai roboh. Semangat disiplin dan taat setia rakyat-rakyat negara perlu diwujudkan jika mustahak buatlah seperti pandang ke timur. Dari segi kebudayaan, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan juga akan memandang berat apa yang telah dilaung-laungkan maka kita mahu kepimpinan melalui teladan.

Semalam, Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan saya telah menyuarakan iaitu sama ada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk membina satu pusat latihan khas untuk belia wanita. Yang bertanya wanita, yang menjawab juga wanita iaitu Datin Paduka Rosemary Chong "buat masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak bercadang hendak membina satu pusat latihan khas kepada belia wanita memandangkan pusat-pusat latihan yang ada sudah mencukupi."

Mencelah pula seorang Ahli Dewan, "Adakah Yang Berhormat memikirkan bahawa belia wanita tidak memberi faedah?" Oleh itu, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membina pusat-pusat latihan untuk beliawanis ataupun belia-belia wanita dalam negara kita. Dengan wujudnya pusat-pusat latihan ini akan dapat menampung lebih banyak kursus-kursus dan latihan-latihan sama ada dari segi berniaga untuk menampung dan menyara hidup mereka sekiranya keadaan hidup mendesak.

Dalam usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan program pertukaran budaya sudah tentu tidak menguntungkan belia wanita. Kadangkala yang terpilih hanya kaum belia ataupun kaum lelaki sahaja. Maka saya menguatkan juga supaya pusat latihan belia wanita ini hendaklah diwujudkan.

Menyentuh juga masalah adanya hubungan yang rapat antara semua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tetapi masih ada lagi perbezaan yang wujud yang mana kita hendak pergi ke Sarawak masih lagi memakai pasport dan ke Sabah, tidak. Saya berharap supaya Kerajaan akan menghapuskan penggunaan pasport masuk ke Sarawak. Sarawak adalah sebuah negeri yang wujud dalam Malaysia. Perkara tersebut adalah menyusahkan dan melambatkan perjalanan masuk ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sentiasa dalam Titah Ucapan mendahulukan Dewan Negara "Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat" tetapi baru-baru ini telah diisytiharkan bahawa Setiausaha Parlimen boleh menjawab soalan-soalan yang dibuat di Dewan Negara. Apakah Setiausaha

Parlimen lebih tinggi daripada Dewan Negara? Untuk mengembalikan keutuhan Dewan ini adalah diharapkan supaya dapat ditarik balik iaitu Setiausaha Parlimen tidaklah diberi peluang untuk menjawab soalan-soalan dalam Dewan ini.

Kerajaan perlu meneliti dan menghalusi di atas perbelanjaan Kerajaan dan harus juga berjimat cermat di dalam semua aspek tetapi adakah kita sedar bahawa secara tidak langsung Kerajaan juga banyak membazirkan wang dan tidak memberi peluang yang baik kepada bumiputra. Kerja-kerja pembinaan seperti projek-projek lebuhraya, jambatan-jambatan adalah diberi kepada Korea, Taiwan dan Jepun. Sama ada disedari atau tidak bahawa pembayaran gaji adalah tidak sama. Oleh itu adalah diharapkan supaya dapat Kerajaan menyelidiki supaya penyelewengan seperti yang demikian tidak terus berlaku.

Kemerdekaan negara telah kita capai sejak 27 tahun yang lalu. Dalam masa yang demikian, sudah tentu belum cukup bagi kita untuk mengatasi semua sekali masalah pembangunan dan mengatasi kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat. Tetapi syukurlah kita bahawa negara kita yang kita kasihi ini telah dapat juga mengatasi segala kemuskilan yang disebutkan. Sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain, barang di jauhan Allah, sekiranya negara ini berlaku seperti negara Ethiopia dan negara-negara lain yang menghadapi masalah kebuluran. Saya mengucapkan syabas setinggi-tinggi tahniah kepada pemerintahan "2M" ertinya Mahathir-Musa yang telah berusaha bersusah-payah bagi mewujudkan keamanan dan kemakmuran negara.

Oleh itu rakyat sekalian harus memberi perhatian yang lebih di atas kegigihan pemimpin ini. Kerjasama yang erat haruslah diberikan semoga

usaha dan seruan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih dari masa ke semasa.

Perpaduan yang erat di antara masyarakat majmuk yang menjadi rakyat negara ini adalah sangat-sangat diperlukan. Semoga Allah memberikan taufek dan hidayah kepada rakyat-rakyat sekalian. Dan akhirnya saya dengan sukacitanya menyokong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nasir bin Manap.

*6.57ptg.*

**Tuan Nasir bin Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya membahaskan Usul Terima Kasih Ke atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, disamping saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, saya suka menarik perhatian iaitu berhubung dengan bahagian pentadbiran dan pelaksanaan.

Dalam masalah ini saya suka menarik perhatian berhubung dengan pembelian rumah kos rendah ataupun dikatakan rumah awam yang biasanya dibina oleh perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang agak berharga anggaran \$25,000. Dalam kaedah ini apa yang difahamkan tujuan Kerajaan membina rumah-rumah murah adalah untuk memberi kepada orang-orang yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah yang agak lebih sesuai dan dapat hidup dengan keluarga mereka. Tetapi perkara ini kalau kita tidak atasi dari semasa ke semasa, hasrat Kerajaan untuk

memberikan rumah murah atau mengadakan rumah murah kepada orang-orang yang berpendapatan rendah tidak akan berhasil.

Apa yang kita dapati setelah ditemuduga kepada orang-orang yang patut menerimanya dan kita dapati orang-orang yang tinggal di sana dikatakan orang yang berpendapatan tinggi dan kadangkala yang mendapat rumah itu menyewakan kepada orang lain, dengan ini kita percayai sebab-sebab yang menjadikan demikian iaitu orang yang mendapat rumah itu terdapat yang mereka sendiri telah ada rumah dan berkemungkinan ada di antara mereka kalau di dalam bandar ini mereka telah ada rumah kadangkala dikatakan rumah haram dan apabila ditemuduga mereka mendapati rumah itu, tetapi mereka tidak mahu tinggal di rumah yang baru, dan tidak mahu berpindah kepada rumah yang baru, maka rumah itu disewakan kepada sesiapa yang mereka suka. Ini apa yang saya difahamkan dari segi hasrat Kerajaan sebagaimana yang dijelaskan tadi tidak akan tercapai. Oleh sebab hasrat ini takut berlanjutan dari semasa ke semasa dan tidak akan tercapai, maka saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan perlu membuat satu dasar yang khusus supaya hasrat Kerajaan untuk memberi rumah-rumah yang saya jelaskan tadi benar-benar dapat diterima kepada orang yang perlu.

Dengan ini saya mencadangkan pihak Kerajaan sama ada dengan arahan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri atau mana-mana pihak perlu diubah dasar, satu di antaranya pihak Kerajaan patut mengadakan satu dasar yang dikatakan sewa-beli. Apabila kita mengadakan satu dasar sewa-beli dan kita tidak boleh membenarkan kepada sesiapa yang mendapat rumah awam tadi atau rumah murah disewakan kepada orang lain dan mereka dikehendaki tinggal sendiri di rumah yang mereka dapat.

Sekiranya kita perhatikan atas namanya di rumah itu mereka tidak tinggal dan orang lain tinggal di rumah itu, maka dengan sendirinya orang yang punya nama kepada rumah itu terbatal dengan sendirinya, dan kepada pihak Kerajaan bolehlah menentukan sesiapa yang sesuai untuk menduduki atau mendapatkan rumah itu dalam bentuk dasar sewa-beli juga. Dan dalam satu jangka masa yang tertentu misalnya sehingga 15 tahun atau mungkin satu jangka masa yang sesuai ataupun setelah habis dibayar maka rumah itu barulah diserahkan kepada mereka sendiri. Jadi dalam kaedah ini saya rasa hasrat Kerajaan untuk memberikan rumah murah atau rumah awam kepada orang yang berpendapatan rendah agak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dijelaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh berhubung dengan perpaduan negara, dengan ini saya suka mengambil perhatian berhubung dengan parti-parti politik di dalam negara ini yang kita dapati ada di antara parti-parti politik yang menggunakan kepada suatu nama agama, dan perlu dijelaskan iaitu parti PAS yang bermaksud "Persatuan Islam Tanah Melayu". Apa yang kita fahami bersama penganut-penganut agama Islam yang ada di antaranya menceburkan diri dalam parti PAS dan di dalam parti UMNO agak selalu bertentangan antara satu sama lain. Ini kita tidak mempersoalkan mengapa jadi demikian? Tetapi kita menekankan di antara seagama ini bertentangan antara satu dengan lain kerana fahaman politiknya tidak sama. Jadi dengan ini kita penuh yakin terdapat parti PAS ini selalu mengagungkan nama yang kononnya sesiapa yang menganuti parti PAS ini mereka adalah agamanya lebih tinggi daripada mana-mana orang Islam yang tidak memasuki parti PAS. Walaupun

kita berhasrat perkara ini tidak benar, tetapi inilah yang diheboh-hebohkan oleh parti PAS ini. Jadi kalau Kerajaan tidak mengambil tindakan yang wajar dari sekarang, maka saya penuh percaya selain daripada perpecahan bangsa sendiri, mungkin suatu perkara yang tidak diinginkan akan berlaku di masa-masa akan datang.

Dalam hakikat ini saya suka mengambil perhatian pada masa yang lalu semasa perpecahan ataupun pengasingan di antara Singapura dengan Malaysia ataupun Tanah Melayu, di waktu itu parti PAP agak bergerak dalam perkataan yang sama di antara Singapura dengan Malaysia, tetapi memandangkan oleh sebab perkataan nama ini mungkin tidak sesuai dan atas nama yang sama dalam dua negara, maka Kerajaan mengarahkan kepada parti PAP di Malaysia ini supaya menukar nama kepada sesuatu nama yang lain. Dengan ini daripada parti PAP yang lalu, maka parti ini telah ditukarkan kepada parti DAP. Kalau pada masa-masa yang lalu kita pihak Kerajaan dapat mengarahkan penukaran nama daripada suatu nama ke suatu nama yang lain, maka saya tidak nampak apakah Kerajaan pada masa sekarang memandangkan kepada parti PAS ini yang agak boleh merosakkan ketenteraman orang ramai khususnya di negara Malaysia ini, maka saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan, parti PAS ini kalau boleh jangan diharamkan, tetapi parti PAS ini oleh sebab namanya berunsur agama mesti ditukarkan kepada suatu nama lain, suatu nama yang tidak ada unsur agama.

Jadi, saya rasa apabila penukaran daripada Parti PAS ini yang berunsur agama kepada satu nama lain yang tidak berunsurkan agama, maka pertentangan antara penganut-penganut agama Islam dapat berkurangan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada di antara rakan-rakan yang menunggu untuk memberi ucapan di dalam Dewan ini dan menghormati kepada rakan-rakan yang lain berucap tidak berbunga-bunga, maka dengan ini dan akhirnya saya menyokong penuh usul Ucapan Terima Kasih yang telah dibentangkan di Dewan ini. Sekian, terima kasih.

#### 7.11 m/m.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi saya peluang berucap di Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Terlebih dahulu saya berasa syukur kepada Tuhan yang Maha Kuasa kerana dapat turut sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mempersembahkan junjung kasih lagi penghargaan dan tahniah serta menyokong penuh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersempena pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada pagi Isnin, 25hb Mac, 1985.

Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang penuh dengan beramanat untuk membimbing rakyat yang berbilang kaum di tanahair kita Malaysia yang kita cintai ini akan menjadi panduan besar kepada rakyat Malaysia demi untuk memperkukuhkan perpaduan dan muhibah antara semua kaum dan agama yang berhasrat dan sanggup menggembelinkan tenaga untuk membangunkan negara kita ke arah kestabilan, kebahagiaan dan kemajuan rakyat serta negara keseluruhannya. Kata-kata amanat yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku amatlah berguna dan tepat, terutama sekali masa kini negara kita baru dua

minggu yang lalu telah menyambut ulang tahun suku abad bersempena memperingati penubuhan Parlimen dan juga tidak berapa lama lagi negara kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Kelima sebagai satu strategi membangunkan negara kita Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terharu kerana dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyebutkan, "Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah banyak kemajuan yang telah dicapai dengan pesatnya, terutama sekali di kawasan bandar". Walaupun begitu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyarankan supaya pembangunan negara tidak seharusnya tertumpu ke kawasan bandar atau kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Para nelayan, kaum tani, pekerja ladang dan Orang-orang Asli serta kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik masih memerlukan perhatian khusus diperbaiki taraf kehidupan mereka. Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita dan Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinetnya akan melipatgandakan usaha pembangunan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil Masyarakat Orang Asli di Dewan yang mulia ini ingin merakamkan ucapan junjung kasih sekali lagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di dalam Titah Ucapan Baginda tidak lupa akan nasib masyarakat Orang Asli yang masih banyak memerlukan perhatian khusus untuk diperbaiki taraf kehidupan mereka, dan juga di samping lain-lain masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menuju ke arah itu, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, sebagaimana lain-lain agensi Kerajaan juga telah

berusaha keras untuk meningkatkan lagi produktiviti negara bagi menentukan kejayaan dalam peningkatan taraf hidup.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama lagi negara kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Kelima sebagai satu lagi strategi membangunkan negara Malaysia yang kita cintai. Melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini beberapa program telah diatur untuk mencapai matlamat bagi pelaksanaan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas supaya masyarakat Orang Asli mencapai taraf kemajuan dan pembangunan yang sama dengan masyarakat lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat itu, pihak Jabatan Hal Ehwal Oang Asli memerlukan suatu peruntukan kewangan yang agak besar. Dengan peruntukan kewangan yang besar ini dapatlah pihak Jabatan melaksanakan segala program pembangunan sebagaimana yang dijadualkan. Dengan itu, saya merayu kepada pihak kerajaan supaya dapat memberi peruntukan kewangan yang cukup dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sekarang Malaysia ialah sebuah negara yang sedang maju tetapi kita telah mencapai kemajuan pembangunan bandar yang bermakna sejak kemerdekaan kita dan saya rasa masanya sudah tepat bagi kita mengulang kaji dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan kita dan meletakkan lebih tumpuan ke atas pembangunan kawasan luar bandar bagi faedah dan kemajuan orang-orang kita yang kurang bernasib baik, sebagaimana yang telah disarankan oleh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, salah satu keperluan-keperluan asas yang dikehendaki oleh orang yang kurang bernasib baik dan

lebih tepat lagi kawasan luar bandar, ialah kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan raya yang menghubungkan jalan-jalan masuk dan jambatan-jambatan. Dalam hal ini, saya merayu dan meminta kepada Kerajaan Pusat dan Negeri supaya dapat mengadakan peruntukan bagi membina jalan raya untuk memudahkan disegi perhubungan laluan yang lebih dekat lagi bagi kegunaan orang ramai dan pengawasan keselamatan lebih senang dengan adanya terbina jalan raya dan khasnya bagi kemudahan serta faedah proses pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli yang ramai tinggal di kawasan berkenaan, dan saya anggapkan mereka masih lagi ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan negara di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan mereka tinggal di kawasan pedalaman yang tiada jalan raya dan hanya perhubungan jalan kaki dan sungai jauhnya berbelas batu, maka kawasan mereka tidak dapat menikmati pembangunan yang sempurna seperti di lain kawasan. Dengan adanya infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan yang dibina ke kawasan berkenaan, diharapkan kemajuan kawasan yang dianggap mundur itu dapat disegerakan. Contoh-contoh kawasan Orang Asli yang ramai tinggal di pedalaman dan perlu diadakan perhubungan jalan raya untuk tujuan memudahkan dan menyalurkan segala pembangunan dan faedah buat perhubungan dan laluan masyarakat umum adalah seperti berikut:

- (1) Dari Lasah Sungai Siput Perak melalui Pos Legap, Yum ke Kuala Betis Gua Musang Ulu Kelantan; dan
- (2) Dari Pos Betau Koyan Raub melalui Pos Lanjang dan Telanok ke Ladang Boh Teh Cameron Highlands, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya berseru supaya pihak Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap kakitangan Kerajaan di dalam perkhidmatan awam, tentera dan polis. Ini adalah kerana mereka merupakan tulang belakang pentadbiran negara yang turut menyumbangkan tenaga di dalam proses memajukan negara. Maksudnya selain daripada melihat sumbangan golongan perniagaan, petani-petani, nelayan dan lain-lain lagi maka sumbangan dari kakitangan Kerajaan patutlah juga diberi perhatian yang berat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya menyokong penuh ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25-3-85 yang lalu dan juga saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang berucap di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

*7.22 mlm.*

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan. Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Usul Terima Kasih dan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985 yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita dengar keluhan-keluhan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dikatakan kesemuanya berpendapat bahawa mengikut keadaan semasa tiada siapa yang boleh menafikan dan menidakkan bahawa sejak akhir-akhir

ini semakin hari semakin jelas dan lantang kita mendengar dan melihat nada-nada sumbang dan perbuatan-perbuatan yang kontra dari setengah-setengah pihak sama ada di sektor parti politik khususnya Parti Pembangkang lebih-lebih jelas lagi ialah daripada Parti PAS. Begitu juga di Jabatan-jabatan Kerajaan dan begitu juga di institusi-institusi pelajaran atau persekolahan baik di sekolah menengah ataupun sekolah tinggi akan suara dan perbuatan yang jelas menentang dan memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang seolah-olah mereka yang tidak bertanggungjawab ini mahu dan berhasrat hendak meruntuh dan menggagalkan segala apa juga usaha dan rancangan serta hasrat Kerajaan hari ini bagi meningkatkan lagi taraf hidup rakyat dan membangunkan negara untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat, makmur, kuat, bermaruah dan bersatu-padu bagi menghadapi cabaian-cabaran masa yang akan datang.

Kita baru sahaja menyaksikan dan melihat bagaimana kotor dan biadabnya perbuatan sebuah parti yang memperjuangkan Islam konon menurunkan dan mempersenda gambar dua orang pemimpin teragung kita seolah-olah mereka tidak menghormati langsung dan memandang sepi pemimpin negara kita yang dihormati bukan sahaja oleh rakyat yang taat-setia di negara ini bahkan pemimpin-pemimpin itu dihormati dan disanjung tinggi oleh negara-negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dan Kerajaan kita sepatutnya tidak mendiamkan diri atau membiarkan sahaja perbuatan durjana yang tidak menunjukkan taat-setia kepada Raja dan negara dan tidak bersopan itu dengan tidak diambil apa-apa tindakan balas yang setimpal dengan



perbuatan mereka bagi mengajar mereka agar mereka sedar dan insaf atas perbuatan mereka.

Saya mengesyorkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagi mereka kakitangan Kerajaan yang menunjukkan sikap dan perbuatan menentang Kerajaan hari ini hendaklah diberikan kata dua, kata pemutus iaitu sama ada mengundurkan diri dari jawatan ataupun diberhentikan daripada jawatan. Tidak guna mereka itu diberi kemudahan, dapat gaji diberi oleh Kerajaan sebaliknya ia tidak berterima kasih dan bersyukur. Bak kata peribahasa: Bunga disunting, perdu diberakkan.

Bagi mereka yang menuntut di institusi pelajaran tinggi sekiranya mereka ini menerima biasiswa dari mana-mana agensi Kerajaan hendaklah ditarik-balik sahaja biasiswa mereka dengan tidak berlengah-lengah lagi atau tanpa soal-jawab dan bagi murid-murid sekolah pula jika melakukan perbuatan yang menentang dan memburuk-burukkan Kerajaan tindakan disiplin sekolah patutlah dikenakan seperti memberi amaran dan mendenda mereka dan sebagainya agar mereka tidak terikut-ikut dengan perbuatan mereka yang tidak sepatutnya itu. Oleh itu, apa yang saya harap yang mana Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda bahawa Kerajaan kita adalah Kerajaan yang mengamalkan sikap bertimbang rasa dan sederhana, oleh itu sikap lemah-lembut dan sederhana yang diamalkan oleh Kerajaan kita hari ini patutlah dikaji semula dan hanya digunakan pada tempat-tempat yang munasabah dan yang berpatutan janganlah sehingga kita membiarkan sahaja usaha orang-orang yang menentang dan hendak meruntuhkan rumah-tangga kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita hari ini sedang mengamalkan dasar berjimat-cermat, jangan membazir

dalam sebarang perbelanjaan seperti membuat atau mengadakan projek-projek pembangunan, membina rumah awam, membuat dan membaiki jalanraya-jalanraya termasuk jalan-jalan kampung dan sebagainya. Lazimnya satu-satu projek yang hendak dilaksanakan seperti jalan atau rumah tadi, Kerajaan mengeluarkan tender atau mengadakan tender kepada pemaju-pemaju atau kontraktor-kontraktor yang ingin melaksanakan projek itu. Telah menjadi amalan Kerajaan akan mengeluarkan tender dan memilih tender yang paling murah atau tawaran yang paling rendah bagi tujuan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan membuat projek tersebut.

Apa yang berlaku pemilihan tawaran seperti itu ialah walaupun benar-benar bagi Kerajaan mengurangkan perbelanjaan yang paling murah bagi projek tersebut tetapi sebaliknya projek yang dibuat oleh pemaju atau kontraktor tersebut tidak memuaskan hati. Kalau buat jalan kampung, jalan itu tak panjang hayatnya. Selepas satu, dua bulan di sini pecah, di sana berlubang dan di sini rosak dan sebagainya kerana dibuat dengan harga yang murah dan tidak ada pengawasan kerja dilakukan semasa kerja itu dibuat.

Begitu juga jika Kerajaan buat rumah yang berkos rendah boleh dikatakan setiap penghuni yang mendiami rumah-rumah tersebut tidak puas hati akan mutu dan cara binaan rumah itu kerana banyak yang tidak sempurna oleh perbuatan pembina yang mendapat tender murah tadi.

Sepatutnyalah pihak Kerajaan ada menyediakan senarai atau anggaran belanja yang standard, dengan izin, jika membuat jalan jenis A sekian harganya, buat jalan jenis B atau C sekian harganya. Kerajaan tidak patut menerima tawaran yang lebih murah dari harga yang ditetapkan atau harga

yang standard tadi. Begitu juga membuat rumah awam sebagaimana yang saya sebutkan.

Saya percaya jika harga itu mengikut harga yang standard tidak mengira rendah atau mahal, pemaju tadi tidak akan berani membuat kerja atau mengurangkan mutu sesuatu projek yang dibina, dengan demikian wang Kerajaan akan selamat, projek yang dibuat bermutu baik dan tahan lama, kalau jalan dibina tidak mudah rosak sebelum sampai hayat yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam di negara kita sekarang, Kerajaan sepatutnya mengawasi dengan penuh perhatian atas kemunculan sekolah-sekolah atau institusi-institusi seumpama Arqam yang berpusat di Sungai Pencala, Kuala Lumpur dan penubuhan cawangan-cawangannya sekolah-sekolah tersebut di beberapa tempat dalam Semenanjung Malaysia ini.

Begitu juga tentang perjalanan ABIM yang ada sekarang, apakah matlamat dan tujuan atau cita-cita terakhirnya institusi-institusi ini. Adakah akan membawakan natijah konsep menyatupadukan rakyat ataupun akidah Islam yang satu nanti atau sebaliknya akan membawa kepada percanggahan akidah yang akan membawa kepada perpecahan dan renggangnya hubungan rakyat yang sesama Islam, lebih-lebih lagi rakyat berbilang kaum dalam negara kita.

Saya sangat sedih dan kesihan melihat anak-anak yang masih mentah di bawah umur masuk ke sekolah Arqam ini dengan memakai serban dan jubah labuh disuruh menjual suratkhbar Al-Arqam setiap hari di sepanjang jalan, dicelah-celah kedai, dan di sudut-sudut pejabat untuk membiayai Arqam, kanak-kanak dijadikan alat dan perkakas untuk tujuan mereka. Padahal anak-anak

yang di bawah umur ini sepatutnya diberikan pelajaran dan pendidikan yang sempurna, tersusun dan teratur jika mahukan mereka jadi orang yang benar-benar berguna di dalam dunia yang penuh cabaran dan kesempurnaan hidup masa hadapannya anak-anak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong usul ucapan terima kasih atas Titah Ucapan baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Parlimen pada 25hb Mac, 1985 yang lalu. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hafsah binti Othman.

*7.35 mlm.*

**Puan Hafsah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian di dalam membahaskan usul menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, baru-baru ini. Saya juga suka menarik perhatian dan menekankan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan masalah pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan melalui Kementerian Luar berusaha bersungguh-sungguh di bidang diplomatik sama ada menerusi pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Pertubuhan Serantau ASEAN untuk mewujudkan konsep ZOPFAN, kita jangan taksud dengan konsep ini hingga melalaikan kita dari melengkapkan di segi pertahanan. Memang pada dasarnya konsep ZOPFAN yang mempunyai cita-cita yang luhur dan ianya akan menjadi kenyataan sekiranya semua kuasa-kuasa besar memahami dan menghormati cita-cita serantau ini.

Kita percaya dan kita dapat menyaksikan sendiri bagaimana gigihnya Kementerian Luar kita berusaha memujuk masyarakat antarabangsa supaya menghormati dan menerima konsep ZOPFAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan di rantau Asia Tenggara masih menjadi tanda tanya kerana berlarutan berhubung dengan krisis Kampuchea. Walaupun pihak kita bersama dengan rakan-rakan kita di dalam ASEAN tidak jemu-jemu mengambil daya usaha untuk menyelesaikan masalah yang menggugat konsep ini tetapi nampaknya ambang penyelesaian masih lagi jauh dan belum pun ada bayang-bayang lagi. Kita tidaklah tahu bila kekusutan ini akan ternyata dan kekusutan ini susah hendak dihuraikan, mungkin kekusutan yang tidak terhurai ini oleh kerana kedegilan pihak Vietnam atau adakah kerumitan menyelesaikan kekusutan itu kerana ada pihak lain yang memegang hujung puncanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kedua-duanya ada pertalian yang kukuh menyebabkan masalah Kampuchea ini masih belum terhurai dan sekali gus dapatlah kita membuat ukuran sejauh manakah pihak ini menghormati dan memahami konsep ini.

Tuan Yang di-Pertua, bunga-bunga api krisis Kampuchea telah merebak masuk ke negara jiran kita Thailand, apa yang sedang dialami oleh negara tetangga kita ini cukuplah untuk memberi pengajaran kepada kita supaya tidak leka barang sesaat dengan konsep itu. Kita perlulah menilai semula tentang keperluan pertahanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Zon Ekonomi Eksklusif telah pun diluluskan di persidangan yang lalu. Ini meluaskan lagi kawasan yang perlu kita pertahankan untuk menjamin sumber

ekonomi kita. Kawasan-kawasan telaga minyak kita juga perlu dironda supaya keselamatan sentiasa terjamin dan tidak dicabuli. Kita tidak rela perairan kita dicabuli dengan sewenang-wenangnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman dadah juga terus menjadi-jadi dan Kerajaan harus memberi pandangan yang berat seperti memandang kepada ancaman komunis yang sentiasa mengancam negara kita. Kita seharusnya mengawal dan berusaha menghapuskan hingga ke akar umbi, juga berusaha memerangi hingga ke peringkat antarabangsa kerana dadah bukanlah hasil yang dikeluarkan dari negara kita ini. Negara kita hanya sebagai, dengan izin, transit bagi membekal dadah. Bagi mengawal keadaan di negara kita sendiri, saya mengesyorkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil peranan yang lebih cergas lagi bagi memimpin belia-belia kita, terutama di luar bandar supaya bersikap bencikan dadah. Belia-belia kita harus tidak dibiarkan terumbang-ambing tanpa didikan dan bimbingan dari pihak yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang memberi amanat supaya semua golongan pemimpin dan Ahli-ahli Dewan mempertingkatkan tanggungjawab terhadap negara, bangsa dan tanahair, dan melalui Dewan yang mulia ini juga saya sekali lagi menyokong penuh Titah Ucapan yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

*7.41 ptg.*

**Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana mendapat

peluang untuk memberi sepatah dua kata dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985 yang baru lalu.

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu adalah singkat dan kemas tetapi ia meliputi segala sudut dan peringkat yang mana semua yang berkenaan supaya memainkan peranan masing-masing untuk meningkatkan usaha-usaha yang lebih untuk menuju kejayaan, tidak mengira mana-mana pihak, baik dari segi pentadbiran, pembangunan, pelajaran, keselamatan dan lain-lain. Tetapi apa yang perlu ialah khidmat daripada pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota perkhidmatan awam untuk melaksanakan hasrat Kerajaan supaya semua yang dirancangan itu dapat berjalan dengan baik dan lancar mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun usaha-usaha Kerajaan telah pun banyak dijalankan dan kemerdekaan telah melebihi 25 tahun, namun demikian masih ada lagi yang perlu diberi perhatian khasnya kepada kawasan-kawasan luar bandar untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka di luar bandar, perhatian yang lebih berat hendaklah diberikan supaya segala kemudahan dan bantuan dapat diperolehi dengan lebih mudah lagi.

Mengenai pembangunan, walaupun telah berjalan dengan pesatnya tetapi ada didapati kawasan-kawasan yang belum dapat dilaksanakan kemudahan-kemudahan dengan memuaskan. Adalah diharapkan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini dapat menyambung lagi rancangan-rancangan yang mana belum lagi dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melahirkan beberapa ramai bilangan pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan profesional. Mereka diberi geluang belajar dalam negeri dan juga di luar negeri. Bantuan-bantuan diberi dengan secukupnya supaya mereka tidak mengalami kesusahan untuk berada di institusi-institusi atau universiti-universiti di tempat-tempat mereka belajar.

Apa yang mendukacitakan terutamanya kepada penuntut-penuntut di luar negeri telah dapat diracuni pemikirannya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab supaya penuntut-penuntut yang di luar negeri itu membenci kepada Kerajaan. Untuk tujuan ini saya rasa Kerajaan perlulah mengatasi dengan segera perkara ini dengan menambahkan lagi bilangan pegawai-pegawai yang menjaga penuntut-penuntut di luar negeri jika masih kekurangan supaya pegawai-pegawai itu dapat membuat lawatan, memberi nasihat dan mengawasi keadaan penuntut-penuntut yang ada di luar negeri, supaya mereka tidak akan membenci dan memburuk-burukkan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal perumahan pula, ingin saya hendak menyebutkan di sini ialah berkenaan dengan rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta. Rumah-rumah ini dibina dan dijual kepada orang awam atau pegawai-pegawai Kerajaan. Untuk tujuan membeli rumah pihak pembeli terpaksa menyediakan wang untuk membayar rumah yang mereka beli. Ini tentulah dengan cara meminjam wang dari bank ataupun dari tempat-tempat lain, tetapi malangnya apabila pinjaman diluluskan, rumah yang dijanjikan itu belum siap lagi. Pembeli-pembeli rumah tadi kenalah membayar hutang pinjaman dan juga membayar sewa rumah yang mereka

duduki oleh kerana rumah yang dibina itu tadi belum siap mengikut sebagaimana yang dijanjikan. Oleh itu mereka semua terpaksa membayar hutang di dua tempat.

Jadi dengan itu adalah diharapkan juga supaya pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang melambatkan pembinaan dan tidak mengikut perjanjian yang ditetapkan oleh kerana ia akan merugikan pembeli-pembeli. Jadi terpaksa pembeli-pembeli itu sentiasa berungut dan memburuk-burukkan pembinaan rumah itu apabila mereka tidak dapat menduduki rumah itu mengikut masa yang mereka telah aturkan.

Saya rasa itulah sahaja ucapan saya agaknya yang terakhir pada hari ini oleh kerana semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun berucap. Saya sudah dengan menjunjung masih dan menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Penggal Yang Ketiga Parlimen Keenam yang baru lalu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb April, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.50 malam.*